

[Senarai Ahli Parlimen dilampirkan]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 27 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

1. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah wang yang dikumpulkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) daripada pihak kontraktor dan:-

- (a) kegunaan jumlah wang tersebut; dan
- (b) berapakah daripada jumlah tersebut telah digunakan untuk pembangunan negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan satu peraturan membenarkan CIDB mengutip levi daripada kontraktor bagi setiap kontrak yang bernilai melebihi RM500,000 dengan kadar 0.025% sahaja. Dalam tempoh tahun 1996 sehingga 31 September 1999 CIDB telah pun memungut levi berjumlah melebihi RM240,383,165. Pecahan pungutan levi mengikut tahun adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>		<i>Pungutan levi</i>
1996	-	RM6,726,356.00
1997	-	RM106,353,243.00
1998	-	RM69,644,947.00
1999	-	RM73,444,822.16.

Selaras dengan penubuhan matlamat CIDB untuk membangunkan sektor binaan negara maka perolehan hasil ini digunakan untuk pertelajaan pengurusan dan

pelaksanaan program, latihan kemahiran dan pengurusan personel binaan, program penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan kepada usaha meningkatkan produktiviti, kualiti dan kesihatan pekerjaan, membangun dan melahirkan sistem maklumat dalam hal-hal yang berkaitan dengan industri pembinaan, di samping meneroka peluang-peluang pembinaan di pasaran antarabangsa sebagai memenuhi matlamat untuk mengeksport perkhidmatan industri pembinaan.

Dalam soal pembangunan, latihan kemahiran sektor binaan CIDB memberinya keutamaan dengan memperuntukkan sebanyak RM107 juta untuk pelaksanaan program tersebut. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan meningkatkan penglibatan tenaga pekerja mahir tempatan dalam sektor ini di samping mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga kerja mahir asing. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM30 juta adalah untuk pembangunan Akademi Binaan Malaysia, Johor di mana kerja-kerja pembinaan sudah pun bermula, RM31 juta untuk membangunkan Akademi Binaan Malaysia Sarawak dan RM39 juta untuk pembangunan Akademi Binaan Malaysia Terengganu yang dijangka kerja-kerja pembinaan akan bermula pada tahun 2000. Pembangunan akademi-akademi ini adalah sebahagian daripada enam buah akademi latihan yang telah dirancang. Tiga lagi akademi masing-masing di Sabah, di Lembah Klang dan Utara Semenanjung sedang diusahakan.

Tuan Lim Hock Seng: Sejak CIDB ditubuhkan sejumlah RM240 juta telah dikutipkan dan antara tabung yang digunakan ialah untuk melatih pekerja mahir dan juga menjaga mutu atau kualiti pembinaan yang dijalankan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu setakat ini tahap kejayaan untuk melatih pekerja-pekerja mahir dan sama ada kualiti atau mutu pembinaan pada masa ini mutunya adakah diperbaiki atau mutunya masih merosot seperti mana yang banyak pengaduan yang diadu oleh pembeli-pembeli rumah. Sekiranya tahap kejayaannya telah berjaya dan bilakah pekerja-pekerja asing yang mahir yang kita sedang pakai banyak atau ramai di tapak pembinaan akan dikurangkan dalam masa yang akan datang.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Untuk perhatian Yang Berhormat, persoalannya ialah kita bukan sahaja melihat kepada pekerja tetapi asas yang telah kita letakkan untuk kita tentukan industri pembinaan negara kita berada di satu tahap yang memuaskan. Antara perkara-perkara dan peringkat-peringkat pelaksanaan yang dilaksanakan oleh pihak CIDB yang pertamanya ialah kita mengadakan langkah untuk mendaftarkan personel binaan yang terdapat dalam negara kita dengan memperolehi

data-data yang akan digunakan sebagai asas perancangan kita. Sehingga 31 Disember 1999 CIDB telah mendaftar sebanyak 76,272 personel binaan dan untuk perhatian Yang Berhormat personel binaan tempatan 73,310 orang, manakala personel binaan asing hanyalah 2,962 orang.

Yang kedua, CIDB selepas mendapat data tersebut berusaha untuk membangunkan standard-standard kemahiran ataupun asas-asas kemahiran yang akan digunakan untuk menentukan tahap kemahiran dalam trade yang diperlukan oleh industri pembinaan. Setakat ini sebanyak 30 standard kemahiran telah siap dibangunkan, manakala 15 lagi standard kemahiran sedang dibangunkan pada tahun 2000. Dengan menggunakan standard kemahiran ini CIDB pula membangunkan modul-modul yang bersesuaian untuk digunakan oleh institusi latihan. Dan selepas kita lakukan kedua-dua perkara tersebut maka CIDB akan menyediakan latihan kemahiran yang bersesuaian. Atas sebab itulah enam akademi, enam buah institusi latihan yang dipanggil Akademi Binaan Malaysia telah dirancang seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Sehingga kini latihan-latihan yang telah dilaksanakan oleh CIDB dan juga Akademi Pembinaan Malaysia di premis yang terdapat adalah seperti berikut. Latihan CIDB dalam bidang pengurusan 1,615 orang, manakala latihan kemahiran oleh Akademi Pembinaan Malaysia ialah sebanyak 895 orang. Selain menyediakan latihan kepada personel binaan yang sedia ada CIDB juga telah menyediakan program khas untuk melatih belia-belia yang berhasrat menjadi sektor binaan sebagai satu kerja raya dan untuk tujuan itu CIDB akan menaja sepenuhnya seramai 400 orang belia setahun untuk menjalankan skim latihan ini. Dan untuk menggalakkan lebih ramai personel binaan mengikuti latihan kemahiran CIDB akan menyediakan insentif dengan memberi rebate khas seperti berikut; 50% potongan yuran bagi kursus kemahiran dan 30% potongan yuran bagi kursus berbentuk pengurusan. Jadi, sama ada kita berjaya ataupun tidak ini merupakan satu perkara yang terpaksa kita lakukan secara berterusan. Jadi, adalah tidak wajar untuk kita membuat penilaian sekarang untuk kita mengatakan bahawa apa yang diusahakan oleh pihak CIDB itu tidak mendapat sebarang kejayaan.

2. **Tuan A. Bakar bin Haji Othman [Jerlun]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah keberkesanan program bersih dan

indah dalam menyedarkan rakyat tentang tahap kebersihan yang perlu dicapai dan berapakah perbelanjaan yang dihabiskan sepanjang program ini berjalan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program Bersih dan Indah bertujuan meningkatkan mutu kebersihan alam sekitar dan pengindahan di kawasan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara. Pelaksanaan meliputi pelbagai program dan aktiviti kebersihan dan juga penyediaan kemudahan-kemudahan awam yang dilaksanakan secara menyeluruh, berintegrasi dan berkesinambungan dan program ini bermula sejak tahun 1990 sehingga 1997. Hasil daripada pelaksanaannya didapati pembangunan kemudahan-kemudahan awam di PBT kian bertambah dan perkhidmatan kebersihan juga bertambah baik.

Antara aktiviti yang dititik berat dalam program Bersih dan Indah ini ialah aspek pengurusan kebersihan tandas awam, kutipan serta pelupusan sisa pepejal dan pembekalan tong-tong sampah di tempat awam, penyenggaraan dan pembinaan parit-longkang, menaik taraf pusat-pusat penjaja dan pasar awam, pembinaan pondok-pondok menunggu bas dan jejantas, pembinaan tempat riadah dan taman rekreasi, pengindahan dan melandskapkan jalan-jalan protokol, kawasan dan taman awam, tempat tumpuan pelancongan dan pelbagai lagi. Nikmat dan kekesanan program ini juga dapat dilihat dengan bandar-bandar bertambah bersih dan indah, penglibatan dan sambutan orang awam di dalam program tersebut serta aktiviti kebersihan yang diadakan adalah menggalakkan. Aktiviti penguatkuasaan oleh BPT mengenai kesalihan kebersihan juga kian meningkat.

Jumlah perbelanjaan yang dilakukan sepanjang kempen ini dilaksanakan ialah sebanyak RM54,829,796. Memandangkan program tersebut telah memberi kesan yang positif ke arah meningkatkan tahap kebersihan dan keindahan bandar pihak kementerian saya bercadang mengadakan semula program Bersih dan Indah ini mulai pada Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, ini adalah mengenai kewujudan banyak program seperti untuk menyediakan kemudahan awam seperti tandas, taman rekreasi. Masa sekarang ini adalah di mana maintenance work tidak dijalankan. Bila ia telah dibina kesemua kemudahan awam nampaknya cantik, indah, tetapi maintenance work adalah kurang seperti tandas-tandas awam di pasar. Saya telah menerima banyak aduan dari segi itu

dan taman rekreasi di Tambun, Ipoh. Jadi, apakah langkah-langkah yang kementerian bercadang untuk ambil agar maintenance work dijalankan selepas segala kemudahan disediakan. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti bahagian terakhir jawapan saya tadi ialah kita cadang di bawah Rancangan Malaysia 'Kelapan' kita adakan semula program Bersih dan Indah ini. Mengenai penyenggaraan itu memang kerja biasa yang berterusan di mana pihak-pihak berkuasa sepatutnya adakan semua kerja penyenggaraan. Kalau sekiranya ada kelemahan kita kena betulkan ataupun mengingatkan semua pihak berkuasa tempatan.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beri contoh di Pulau Pinang, program Bersih dan Indah ini telah dijalankan selama 10 tahun tetapi masih kurang bersih dan masalah sampah masih menjadi masalah yang besar. Masalah longkang tersumbat adalah masalah yang biasa dihadapi oleh pembayar cukai, maka ini menunjukkan bahawa program ini tidak berjaya tetapi ia selalunya diguna untuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk menjalankan kempen apabila pilihan raya sampai. Maka saya meminta penjelasan menteri bukankah lebih berkesan jika menggunakan peruntukan ini untuk menambahkan kakitangan dalam bidang ini, kerana satu sebab yang dikatakan tidak dapat menjaga kebersihan ialah kekurangan kakitangan di peringkat bawahan. Bukankah lebih baik kita menggunakan peruntukan ini untuk menambah kakitangan dan juga kemudahan-kemudahan dan fasiliti untuk pembersihan.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya langkah yang paling berkesan bukan tambah kakitangan. Beberapa kakitangan kita tambah untuk kutip sampah, kalau sikap orang ramai tidak tukar, lagi banyak Kita kutip lagi banyak dia buang saya rasa sampai bila pun tidak boleh siap. Saya sedang mengkaji sama ada kita boleh buat satu kempen besar-besaran melibatkan semua wakil rakyat termasuk pembangkang supaya dapat mendidik, meningkatkan kesedaran supaya semua rakyat mulai daripada masa kempen ini kita mengurangkan sampah, kemudian kita menggunakan semula apa yang sepatutnya jangan dibuang sebagai sampah dan juga kita memelihara persekitaran ini. Saya rasa kempen itu penting di samping penyenggaraan apa-apa sahaja kemudahan infrastruktur dan asas itu, kita akan jalan sama-sama. Tetapi Yang Berhormat pun suka tembak sahaja. Saya sudah kata ini projek ini sampai 1997 sudah tidak ada peruntukan, dia masih kata kita gunakan

peruntukan untuk politik. Dia masuk jadi ahli Parlimen baru sahaja, mana ada peruntukan diguna. Jadi, saya kena betulkan – kalau you tanya secara profesional, jawapan saya pun secara profesional. Kalau tanya secara politik, saya pun tembak balik. Itulah caranya Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

3. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan terdapat banyak pusat pendidikan seperti taski, pasti, taska diwujudkan di seluruh Malaysia, adakah pusat-pusat ini mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa dan sejauh mana kementerian membuat pemantauan kurikulum yang dilaksanakan di pusat-pusat tersebut bagi memastikan nilai-nilai murni dapat diajar di kalangan kanak-kanak yang masih kecil.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak pernah memberi kelulusan bagi penubuhan taman asuhan kanak-kanak Islam (taski), pusat asuhan kanak-kanak Islam (pasti) dan taman asuhan kanak-kanak (taska). Kanak-kanak di pusat-pusat pendidikan tersebut adalah di bawah umur empat tahun. Kementerian Pendidikan tidak memantau kurikulum yang dijalankan di pusat-pusat tersebut kerana bidang kuasa yang diberi di bawah Akta Pendidikan 1996 adalah bagi yang berumur empat tahun ke atas sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan mengambil maklumat akan perkara ini.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah adakah kementerian bersedia untuk mengambil sebarang tindakan selain daripada usaha untuk menyeragamkan pembelajaran bagi semua pusat prasekolah di seluruh negara seperti menghentikan mana-mana tadika atau taska yang tidak berdaftar atau membekukan sebarang permohonan terhadap tadika-tadika seperti PASTI yang sememangnya sentiasa berusaha untuk menanamkan elemen-elemen antikerajaan kepada kanak-kanak yang seterusnya menghasut ibu bapa yang anak-anaknya belajar di situ dan juga menghasut penduduk tempatan dan akhirnya mereka ini akan menyebabkan ibu bapa yang menghantar anak mereka belajar di tadika yang lain seperti di KEMAS terpaksa berpindah ke PASTI ini dan menyebabkan wujud persaingan dan akhirnya KEMAS yang telah menelan belanja yang besar untuk membina, melatih dan mendidik anak-anak ini terpaksa ditutup dan akhirnya juga pusat tadika asuhan Islam ini juga menyebabkan penduduk kampung di situ berpecah belah. Jadi, soalan saya adakah kementerian bersedia untuk

membekukan atau memberhentikan sekiranya terdapat sebarang per mohonan daripada PASTI berkenaan kerana perkara ini juga dan tadika ini juga wujud di daerah Sepang, di Kampung Lebuhan Dagang bersebelahan dengan KLIA. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepang. Pusat-pusat pendidikan seperti yang saya sebut tadi sebenarnya berdaftar dengan Jabatan Agama Islam negeri masing-masing dan pusat-pusat tersebut mengajar asas-asas mata pelajaran pendidikan Islam melebihi daripada mata pelajaran lain. Memang pihak Kementerian Pendidikan berhasrat supaya pusat-pusat tadika ini dapat mengendalikan satu prasekolah yang selaras dengan matlamat pendidikan negara ini. Saya memang tidak bersetuju bahawa ada terdapat negeri-negeri yang tertentu khususnya di bawah pemerintahan pembangkang bahawa jadikan pusat-pusat taska atau pasti ini menjadi satu cara untuk menghasut mana-mana pihak. Saya memang tidak setuju perkara ini berlaku.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan telah menyediakan garis panduan kurikulum prasekolah dan ini pun telah dihantarkan kepada semua prasekolah supaya mereka dapat mengikuti kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan telah mengkaji kenapakah taska itu kalah apabila bersaing dengan pasti dan taski di merata tempat. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sepang tadi ini menunjukkan bahawasanya apabila ada perlawanan (competition) di antara taska dan pasti ini selalunya taska kalah, gulung tikar. Adakah kerajaan membuat kajian kenapakah perkara ini berlaku dan apakah kerajaan bersetuju kalau sekiranya saya mengatakan bahawasanya guru yang menjadi pendidikan kepada taska selalunya kurang sedikit dia punya akhlak dan kebanyakan yang mengajarnya menari, menyanyi itu, kalau hendak dibandingkan dengan pasti dan taski yang diajarkan di sekolah-sekolah yang berhampiran.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih. Saya tidak setuju bahawa guru yang telah mengajar di taska atau pasti ini yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang menyokong kerajaan tidak berakhlak. Ini saya tolak tuduhan daripada Yang Berhormat. Memang kerajaan melalui Kementerian Pendidikan akan kaji sedalamnya supaya prasekolah ini dapat dijalankan dengan sempurna dan licin.

4. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah kerajaan akan menetapkan gaji minimum pekerja kepada RM1,200 sebagaimana yang dijanjikan oleh Perdana Menteri kepada rombongan MTUC sebelum Pilihan Raya Umum 1999. Berapa orang pekerja dibuang kerja dalam tahun 1998 dan 1999 akibat krisis ekonomi.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang selalu bersedia untuk memberi pertimbangan terhadap cadangan berkaitan dengan sistem gaji yang dikemukakan oleh MTUC. Kerajaan juga sentiasa prihatin terhadap taraf kehidupan rakyat dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pendapatan mereka. Penetapan gaji yang minimum bukanlah sesuatu yang mudah diputuskan. Kajian yang teliti perlu dijalankan untuk mengambil pertimbangan dari semua aspek dan kesan-kesannya terhadap pembangunan ekonomi negara.

Berkenaan dengan pemberhentian kerja akibat krisis ekonomi, pada tahun 1998 seramai 83,865 orang pekerja diberhentikan. Bagi tahun 1999, yang diberhentikan kerja adalah hanya 37,357 orang pekerja sahaja. Bilangan ini adalah rendah dan menunjukkan kejayaan tindakan-tindakan pemulihan ekonomi yang diambil oleh kerajaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebahagian besar pekerja yang diberhentikan kerja telah mendapat kerja baru melalui khidmat keluar dan penempatan semula, dengan izin, exit and emplacement service yang diusahakan oleh Jabatan Buruh dan Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat Menteri, dalam laporan akhbar semalam dalam *Sin Chew Jit Poh* muka surat ketiga, Menteri Kewangan berkata kerajaan bersetuju dengan cadangan RM1,200 gaji minimum sekiranya ia sejajar dengan daya pengeluaran dan ini adalah sejajar dengan apa yang dijanji oleh Perdana Menteri semasa beliau berjumpa dengan rombongan MTUC dua tahun lepas yang mana beliau juga bersetuju, beliau malah membuat cadangan untuk mengadakan gaji minimum RM1,200. Jadi, saya tidak faham kenapa terdapat percanggahan kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga Menteri Kewangan, ini soalan pertama. Yang sebenarnya yang saya tahu, yang kesatuan sekerja di Malaysia mereka hanya meminta gaji minimum sebanyak RM600 sahaja yang mana ini adalah yang asas untuk menanggung kehidupan seseorang di Malaysia. Jadi, saya tidak faham kenapakah ini tidak boleh dilaksanakan memandangkan

ekonomi kita telah pulih dan kita, yang kerajaan selalu berkata ingin menjaga kebajikan dan juga kehidupan para pekerja. Kenapakah ada perbezaan kenyataan ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak baca berkaitan dengan komen Menteri Kewangan semalam, jadi saya tidak boleh buat ulasan berkaitan komen yang dibuat oleh seorang Ahli Menteri, jadi sekiranya ada [*Disampuk*]Ha? Saya belum baca lagi.

Jadi kedua, berkaitan dengan sistem gaji yang perlu dilaksanakan, kerajaan memang prihatin tentang kebajikan dan taraf kehidupan rakyat jelata, jadi kerajaan akan terus berusaha supaya setiap orang pekerja boleh dapat gaji yang maksimum. Baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia telah meminta satu kumpulan akademika daripada Universiti Malaya untuk menentukan satu sistem gaji yang terbaik sekali oleh sektor ladang dan selepas kajian itu dibuat, Kementerian Sumber Manusia akan kemukakan cadangan itu dan cadangan tersebut ada kesan kepada sektor-sektor yang lain. Jadi, marilah kita memberi sedikit masa supaya kita boleh tentukan satu sistem kajian yang boleh mengambil kira permintaan pekerja untuk jaminan social security dan juga untuk boleh mengambil kira keperluan ekonomi kita di mana kita hendak mempertingkatkan tahap produktiviti.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Datuk Menteri tentang mereka yang oleh kerana penggabungan syarikat-syarikat seperti bank dan syarikat-syarikat yang lain di mana kemungkinan wujud pekerja-pekerja yang ada pengalamannya, ada kepakarannya tetapi mungkin terkeluar daripada mendapat pekerjaan oleh kerana penggabungan syarikat-syarikat dari segi mereka ini, kepakaran mereka dalam ekonomi lama, the old economy, dengan izin. Ini satu terma yang dibawa di Barat dan sekarang ini telah menular ke negara kita tetapi mereka ini ada kepakaran tetapi tidak ada kepakaran untuk ekonomi baru, ekonomi yang bergantung kepada IT information ini. Bagaimana usaha kerajaan dalam melatih kembali mereka ini sebab kita tahu ada dana-dana yang dikeluarkan oleh kementerian untuk melatih mereka kembali supaya mereka dapat diserap kembali kepada kerja-kerja yang baru di mana peluangnya lebih kepada bentuk IT – penggunaan information technology. Saya minta sedikit pandangan Datuk Menteri sama ada kementerian membenarkan dana-dana ini ataupun mengadakan skim khas untuk melatih kembali tenaga-tenaga mahir yang ada tetapi tidak

mencukupi untuk menghadapi ekonomi baru yang akan datang. Saya minta sedikit penjelasan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah saya ucap kepada Yang Berhormat bagi Rompin kerana memberi satu pandangan yang amat baik khususnya berkaitan dengan era informasi ini. Memang benar sebahagian besar pekerja-pekerja sekarang mestilah diberi latihan yang baru supaya mereka boleh menyambungkan usaha mereka dalam era yang baru, era IT ini khususnya baru-baru ini tentang penggabungan bank-bank. Memang ada sebahagian besar pekerja yang tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh hakikat globalisasi yang mana bank-bank ini mesti bersaing dalam satu suasana yang lebih terbuka dan Kementerian Sumber Manusia, kita akan terus melalui Tabung Pembangunan Sumber Manusia, memperkenalkan lebih banyak kursus di bidang IT, bidang Internet, bidang e-commerce, bidang e-business dan sebagainya supaya pekerja-pekerja yang terlibat khususnya mereka yang tidak mempunyai keyakinan, kemahiran, kepakaran dalam bidang itu boleh diberi peluang untuk mengikuti latihan dan ini kita akan memperluaskan dan memberi bantuan kepada mereka supaya mereka tidak diabaikan dalam proses kita memasuki era informasi ini.

5. **Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga kini sejauh mana CDRC berjaya menstruktur semula pinjaman sektor korporat dan apakah jaminan sektor korporat tidak menghadapi bebanan hutang berlebihan pada masa akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Penyusunan Semula Pinjaman Korporat (CDRC) telah ditubuhkan pada 17 Ogos 1998 untuk menyediakan satu forum untuk peminjam dan institusi perbankan menyelesaikan secara perbincangan masalah-masalah pinjaman bagi faedah kedua-dua pihak. Objektif CDRC adalah seperti berikut:

- (i) untuk meminimumkan kerugian terhadap pemiutang dan pemegang saham melalui perbincangan secara sukarela dan bekerjasama mencari jalan penyelesaiannya;

- (ii) mengekalkan perniagaan yang berdaya maju yang terhimpit oleh keadaan ekonomi semasa dan juga mengekalkan sektor pekerjaan;
- (iii) untuk memperkenalkan dan melaksanakan rangka kerja penyusunan semula pinjaman yang menyeluruh;
- (iv) untuk memperkenalkan langkah terbaik penyusunan semula pinjaman korporat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 25 Mac 2000, CDRC telah menerima sebanyak 68 permohonan penyusunan semula pinjaman berjumlah RM36.5 bilion. Daripada jumlah ini CDRC telah berjaya menyelesaikan sebanyak 19 permohonan berjumlah RM14.06 bilion sementara sebanyak 13 permohonan berjumlah RM2.7 bilion telah sama ada ditarik balik oleh pemohon atau ditolak oleh CDRC disebabkan tidak berdaya maju dan sebanyak 10 kes lagi berjumlah RM3.3 bilion telah dipindahkan kepada Danaharta pada masa ini. CDRC sedang mengendalikan 26 kes iaitu 38% daripada jumlah keseluruhan berjumlah RM16.4 bilion iaitu 45% dari segi jumlah permohonan yang sedang dalam beberapa peringkat penyelesaiannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CDRC hanyalah salah sebuah daripada agensi yang terdapat di Malaysia dan terlibat dengan proses penyusunan semula pinjaman yang melibatkan jumlah yang lebih besar iaitu melebihi RM50 juta. Perjalanannya adalah atas dasar sukarela di antara peminjam dan institusi perbankan. Di samping CDRC, penyusunan semula pinjaman korporat juga dilaksanakan oleh pihak Danaharta dan juga institusi perbankan itu sendiri atau skim penyusunan semula di bawah Seksyen 176 Akta Syarikat. Dengan kejayaan penyusunan semula pinjaman, syarikat-syarikat tersebut akan dapat merangka semula rancangan operasi mereka dengan lebih efektif dan seterusnya membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi. Pengalaman yang dialami oleh pihak institusi kewangan dan korporat dalam masa krisis sepatutnya menjadi pengajaran kepada pihak-pihak yang terlibat supaya lebih berhati-hati. Di pihak sektor korporat, umpamanya, hendaklah meningkatkan lagi corporate governance untuk mengelakkan masalah yang sama berulang lagi. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya dapati lebih kurang

RM17 bilion lagi pinjaman yang belum diselesaikan. Saya difahamkan bahawa sebahagian besar daripada pinjaman tersebut tidak dapat diselesaikan kerana syarikat-syarikat yang terlibat tidak viable. Apa yang terjadi sekarang apabila syarikat terlibat dengan CDRC, ada moratorium di mana bank tidak meminta pinjaman dibayarkan. Apa yang ingin saya dapat maklumat daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sekiranya CDRC tidak menyelesaikan masalah tersebut, bermakna bank akan memohon pinjaman tersebut dibayar dan tentunya ini mendatangkan kesan kepada ekonomi negara. Adakah kerajaan telah mengkaji keadaan tersebut dan jika ini berlaku, adakah NPL akan meningkat dan, bermakna akan meningkat kepada RM17 bilion. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat ba gi Tambun dan untuk menjawab soalan Yang Berhormat, bahawa CDRC masih lagi memproses pinjaman yang saya sebutkan tadi, 26 kes pinjaman yang masih dalam proses CDRC dan 26 kes ini memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh CDRC iaitu ianya telah melepasi apa yang kita namakan viability test iaitu ke-26 kes ini CDRC sedang memproseskannya. Berlainan dengan yang 13 kes tadi yang ditolak kerana mereka tidak viable ataupun mereka tidak berdaya saing dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu dari segi penambahan NPL, jikalau kes ini tidak dapat diselesaikan saya rasa tidak timbul kerana CDRC sememangnya telah mengambil kira semua kes yang diproses, baki yang sedang diproses ini iaitu 26 kes itu kesemuanya dikira oleh CDRC sebagai kes-kes yang viable dan kes-kes yang boleh dibantu, kes-kes yang boleh ditolong dan ianya di peringkat akhir penyelesaiannya sekarang ini dan CDRC berharap kes-kes seperti ini akan dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat sebelum CDRC menamatkan perkhidmatannya pada tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen berhubung dengan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan di bawah RM50 milion. Kalau di atas RM50 milion, seperti mana yang disebut tadi bahawa kerajaan mewujudkan CDRC, adakah kerajaan mempunyai skim yang sama juga bagi syarikat-syarikat yang di bawah paras tersebut. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. CDRC hanyalah mengendalikn kes-kes hutang yang melebihi RM50 juta ke atas dan juga kes-kes

yang melibatkan tidak lebih daripada dua pihak creditors. Kalau kurang daripada itu CDRC tidak akan mengendalikannya dan bagi hutang yang Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu kurang daripada RM50 juta, kerajaan ada saluran lain untuk membantu mereka, misalannya Danaharta di mana kes-kes yang kurang daripada RM50 juta itu akan diserahkan kepada badan-badan lain seperti Danaharta untuk menyelesaikannya. Terima kasih.

6. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah siasatan yang dilakukan sebelum tindakan pembunuhan diambil ke atas Gang Styer.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah pun menjalankan siasatan terhadap laporan kehilangan senjata styer dan beberapa siri rompak yang dilakukan oleh kumpulan tersebut. Pada 18 Januari 2000 hasil daripada maklumat yang diterima daripada orang awam pihak polis telah pun berjaya menumpaskan kumpulan ini dengan terbunuhnya seramai empat orang anggota mereka dalam satu kejadian tembak menembak di Johor Bahru, Johor dan telah pun menemui semula senjata styer yang dilaporkan hilang sebelum ini bersama-sama sebahagian hasil rompak. Seramai enam orang suspect juga turut ditangkap di dalam operasi tersebut. Berdasarkan hasil soal-siasat yang dijalankan ke atas suspect berkenaan, mereka telah pun mendedahkan bahawa kesemuanya yang ditembak mati memang terlibat di dalam siri rompak yang dilakukan oleh kumpulan ini. Sekian.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Menteri Perumahan jangan selalu guna perkataan 'tembak'lah, nanti tertembak pula.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa imej polis kebelakangan ini, tersilap bunuh, misalnya terbunuhnya wanita India yang hamil, terbunuhnya pekerja bank dalam drama tembak-menembak dan Geng Styer ini katanya terlibatnya anggota tentera dan senjata daripada tentera dan ada juga yang terlibat itu katanya bekas seorang yang menjadi imam dan menuntut di Pakistan. Maka, tindakan polis ini apakah kerajaan perlu mengeluarkan satu kenyataan sebab rakyat sekarang ragu sama ada mereka ini benar-benar perompak ataupun kesilapan yang berlaku seperti yang dahulu. Apakah perlu kerajaan mengeluarkan satu kenyataan dalam masalah ini

kerana terlibatnya tentera, senjata steyr dan juga seorang yang berpendidikan agama yang dikatakan terbunuh dalam tindakan ini.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selepas tembak-menembak berlaku, pihak polis telah pun mengeluarkan kenyataan termasuk saya sendiri menerangkan iaitu sebelum pasukan polis mengambil tindakan, dalam peristiwa tembak-menembak, pihak polis telah pun menjalankan siasatan yang terperinci dan mereka harus melakukan tembak-menembak itu dengan kumpulan Geng Styer ini oleh kerana mereka memang hendak melarikan diri dengan hasil yang dirompak.

Pada pendapat saya, rasa pihak awam tidak mempunyai sebarang keraguan terhadap orang-orang yang ditembak mati, cuma Yang Berhormat sahaja yang sentiasa mempunyai keraguan. Untuk makluman lanjut juga..... *[Disampuk][Ketawa]* Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, salah seorang yang ditembak mati kononnya seorang bekas imam yang berasal dari Pantai Johor, Kedah.

Saya sendiri pun telah menjalankan usaha untuk menyiasat kemungkinan pihak polis telah tersalah tembak, (selain daripada usaha dan siasatan yang dijalankan oleh pihak polis) saya dapati memang orang tersebut ini, simati adalah memang salah seorang yang aktif dalam kumpulan Geng Styer dan janganlah kita hanya semata-mata melihat latar belakang seseorang. Oleh kerana seseorang mempunyai pendidikan daripada universiti agama ataupun seorang yang memainkan peranan sebagai imam, bukan semestinya orang itu adalah orang yang cukup baik. Jika tidak, macam mana kita dapat kesan begitu banyak kes yang melibatkan anak-anak muda-mudi dalam kes-kes bohan, bohsia dan lain-lain. Ramai pemuda-pemudi bila balik rumah, semua ini kelakuannya baik, bila mereka berada diluar perangai lain pula. Sama juga kita tengok yang ini, memang tidak salahlah dari segi ditembak mati orang kononnya sebagai bekas imam. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan jawapan Yang Berhormat tadi dan saya berasa bahawa Yang Berhormat tidak menjawab soa-soal yang menggantung hatinya *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Soa-soal yang menggantung hatilah, yang menyakiti hati kita. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah latar belakang wanita yang hamil yang ditembak mati itu, latar belakangnya, Kerana Tuan Yang di-Pertua, saya

bangkitkan di sini, saya pun bersyukur juga kerana negara kita aman dan kadangkala kegiatan polis pun buat dengan betul. Tetapi ini tidak semestinya, 100 peratus sempurna kerana menteri, timbalan menteri termasuk ahli-ahli polis bukan semua insan yang kamil belaka. *[Ketawa]* Dan seterusnya apakah kaedah dan jentera yang digunakan oleh pihak polis di dalam siasatan mengekori yang disyaki penjenayah itu dan masa yang diperlukan untuk memastikan semua yang dalam kegiatan jenayah itu adalah salah belaka. Kerana Tuan Yang di-Pertua, yang satu imej diberi kepada dunia itu, pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak polis tidak kiralah, asalkan disyaki ada salah dia tembak. Itu imej.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan kenapa kita tidak boleh mengikiskan imej seumpama ini. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan itu, Rompin kalau ada orang Rompin ditembak pun, berasa sakit juga, menggantung hati juga. *[Ketawa]*

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang saya bersetuju bukan semua manusia ini 100 peratus sempurna *[Disampuk]* Kita ini bukan insan kamil, memang kita semua setuju, termasuk Yang Berhormat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Chor Chee Heung: Yang sentiasa cuma suka tembak sahaja dalam Parlimen. *[Ketawa]* Kadang-kadang tembak selalu, terkena kepada sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum pihak polis mengambil tindakan terhadap seorang individu ataupun satu kumpulan yang melibatkan diri dalam jenayah, memang polis akan menyiasat secara mendalam dulu. Polis memang mempunyai banyak sumber untuk menyiasat termasuk perisik-perisik dan semua ini dilakukan sebelum polis mengambil tindakan. Sebagai satu contoh, senjata-senjata 'Styer' ini telah pun dilaporkan hilang pada tahun 1999 dan mulai dari laporan kehilangan senjata dari Kem di Kemunting, Taiping pihak polis telah pun mula menjalankan siasatan.

Dan jika pihak polis hendak ambil tindakan dengan serta-merta boleh juga tetapi tidak. Pihak polis memang menunggu apakah kegiatan jenayah yang akan dilakukan lagi oleh geng-geng ini. Pihak polis memang sengaja tidak mengambil tindakan walaupun ada beberapa rompakkan yang berlaku, yang melibatkan geng ini

juga. Pada tahun 1999 bulan Ogos, EON Bank Cawangan Bandar Puchong telah pun dirompak dan pihak polis mengenal pasti kes rompakan ini melibatkan orang-orang yang sama tetapi pihak polis masih bersabar dan tidak mengambil tindakan lagi.

Yang kedua, pada tahun 1999 juga, Southern Bank di Balakong kena rompak. Ini juga mengikut laporan polis adalah dilakukan oleh kumpulan ini. Dan pihak polis dalam kes ini memang cukup berhati-hati, tidak mengambil tindakan hingga selepas 7-8 rompakan di bank-bank, baru pihak polis bertindak. Dan memang pihak polis bertindak pada 18 Januari 2000, dalam rompakan Southern Bank.

Seperti saya katakan tadi, kita semua pun setuju iaitu manusia memang tidak mungkin 100 peratus sempurna dalam menjalankan kerja atau lain-lain tugas. Dan saya mengaku dalam tindakan polis selama ini memang ada juga salah tembak orang yang tidak bersalah, ada juga tercedera dalam tindakan oleh pihak polis tetapi kalau kita hendak banding dengan rekod-rekod di negara lain memang kes-kes salah tembak ini amatlah kecil dan semua anggota-anggota polis yang terlibat dalam kes-kes salah tembak dihadapkan ke jawatankuasa tatatertib dan jika ada orang-orang yang di salah tembak terkorban maka anggota-anggota berkenaan akan didakwa di mahkamah. Ini adalah sistem perundangan yang ada di amalkan di negara kita. Sekian, terima kasih.

7. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Pe matang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan kesediaan kerajaan untuk melaksanakan matlamat Agenda Perubahan Wanita yang dicadangkan oleh beberapa badan politik dan bukan Kerajaan tahun lalu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional telah lama menyedari perlunya perubahan dibuat untuk lebih memanfaatkan wanita di negara kita ini. Dengan itu kebanyakan isu yang dikemukakan dalam Agenda Perubahan Wanita pada tahun 1999 merupakan isu-isu yang telah pun ditangani melalui Dasar Wanita Negara pada tahun 1999 lagi dan juga dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita pada tahun 1997. Semua kementerian bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar dan pelan tindakan yang telah mengenal pasti 13 bidang kritikal. Dalam aspek pembangunan, semenjak Rancangan Malaysia Keenam lagi agenda untuk wanita telah sedia dimasukkan sebagai salah satu bahagian di dalam rancangan lima tahun negara.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam beberapa perkara yang menghalang penyertaan wanita sepenuhnya dalam pembangunan telah dikenal pasti. Antaranya termasuklah kekurangan perwakilan dan penyertaan wanita di peringkat dan dalam badan yang membuat dasar dan keputusan. Rancangan Malaysia Ketujuh pula telah mengetengahkan 7 teras strategi memajukan wanita iaitu:

- (i) menggalakkan penyertaan wanita yang lebih dalam pasaran buruh;
- (ii) menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan untuk wanita;
- (iii) memperbaiki status kesihatan;
- (iv) mengkaji semula undang-undang dan peraturan;
- (v) memperkukuhkan keupayaan institusi untuk kemajuan wanita;
- (vi) melaksanakan dasar wanita negara; dan
- (vii) melaksanakan iltizam antarabangsa untuk kemajuan wanita.

Pihak kerajaan juga telah mengadakan perjumpaan dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat di dalam penyediaan Agenda Perubahan Wanita untuk mengetahui dengan lebih dalam lagi permasalahan yang dihadapi dan isu-isu yang menjadi tumpuan utama pertubuhan-pertubuhan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sepang.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, sejauh manakah dasar-dasar yang disebutkan dengan begitu panjang lebar tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen benar-benar boleh menjamin tiada berlakunya diskriminasi terhadap wanita? Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepang. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa dasar-dasar yang kerajaan buat telah pun kita lihat sejak dahulu lagi dan sehingga hari ini, kemajuan-kemajuan Agenda Perancang Wanita boleh kita banggakan dan terbukti dasar kerajaan kita tidak melaksanakan apa-apa dasar diskriminasi terhadap kaum wanita.

Dan saya suka tegaskan bahawa sebenarnya yang menjalankan diskriminasi ini, untuk makluman Yang Berhormat, ialah pihak pembangkang. Sebagai contoh yang lebih jelas ialah apabila pihak pembangkang yang telah mengamalkan diskriminasi dan juga double standard di kalangan ahli-ahli wanitanya seperti PAS yang tidak membenarkan pemimpin-pemimpin wanitanya menjadi calon di dalam

pilihan raya. Tetapi sebaliknya PAS bukan sahaja bersekongkol dengan parti-parti yang membenarkan wanita jadi calon malah memberi pengiktirafan kepada parti yang dipimpin pula oleh seorang wanita. Kita ingin cabar PAS supaya membuat pendirian yang jelas mengenai isu ini sama ada wanita tidak boleh jadi calon kerana larangan agama ataupun larangan oleh parti PAS sendiri. *[Tepuk]*

Jika ianya merupakan larangan agama, mengapa PAS masih bekerjasama dengan parti-parti yang melanggar hukum Allah dengan membenarkan wanita menjadi calon dan mengapa tidak menasihatkan calon-calon Islam wanita dari parti KeADILan supaya tidak bertanding dalam pilihan raya yang lepas. *[Tepuk]* Bagi Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Alternatif terutamanya daripada DAP saya menyeru dan mencabar Yang Berhormat supaya membetulkan keadaan ini, supaya diskriminasi wanita di dalam politik ini tidak terus diamalkan oleh pihak pembangkang.

Jadi, yang akhir sekali saya hendak gulung. Jadi saya hendak menjelaskan bahawa kerajaan kita tidak mengamalkan diskriminasi. Yang mengamalkan ini parti PAS *[Disampuk]* yang selama hari ini dia dok tuduh kita pula yang membuat dasar-dasar yang tidak betul. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin... *[Disampuk]* Setiausaha Parlimen, Okay. *[Disampuk]* Saya perlu mengingatkan jangan selalu menuduh pihak pembangkang sahaja tetapi lihatlah apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional terhadap wanita dulu. Tadi Yang Berhormat berkata bahawa kerajaan telah mengambil kira dari segi perwakilan wanita, lihatlah kabinet Barisan Nasional – berapa ramaikah *[Disampuk]* Ya, soalanlah, ini soalan.

Puan Fong Po Kuan: Point of order.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tengoklah peratusan yang mana sebelah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari belakang itu buat apa itu. Ya.

Puan Fong Po Kuan: Point of order. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Fong Po Kuan: Peraturan 37 (1). Ahli tidak boleh mengganggu apabila ahli yang lain sedang berucap. *[Ketawa]* Kecuali ada tegur mengenai tertib mesyuarat atau hendak minta penjelasan. Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat ruling. Ini tidak menghormati wakil rakyat seorang wanita. *[Disampuk]* Setiap kali

wakil rakyat, mereka menyuarakan masalah rakyat, ini *back bencher*, dengan izin, buat bisinglah. Saya bangkitkan point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Okaylah. Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan ganggu dia Yang Berhormat. [*Ketawa*] Sila Seputeh. Jangan ganggu, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, jangan ganggu, ini chance saya. Saya hendak tahu kenapakah kali ini selepas Pilihan Raya Umum di mana perwakilan wanita dalam Kabinet telah turun yang sebelum pilihan raya kita lihat ada 3 orang menteri penuh wanita, sekarang turun kedua. Dan seramai 68 jawatan menteri dari Jabatan Perdana Menteri hingga setiausaha parlimen, kita lihat hanya ada 7 orang wanita sahaja. Apakah justifikasi – bukannya Yang Berhormat ini membuat bohong, [*Disampuk*] yang tadi berkata ... [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: bahawa kerajaan mengambil kira tentang perwakilan wanita

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (6) minta tarik balik perkataan 'bohong' kerana sangkaan jahat. Minta tarik balik. Point of order, minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, bagilah saya buat keputusan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti dulu, saya buat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, saya mintalah Yang Berhormat tarik balik perkataan 'bohong' itu. [*Disampuk*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay. Saya tukar kepada

Tuan Tan Kok Wai: Tidak payah, tidak payah. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Besi. [*Disampuk*] Perkataan 'bohong' itu tidak dibenarkan. Saya tidak benarkan perkataan 'bohong' itu

digunakan. *[Disampuk]* Minta tarik balik Yang Berhormat. *[Disampuk]* Yang Berhormat yang lain-lain tidak usahlah, itu keputusan saya, minta tarik balik Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay saya tukarkan kepada *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tarik balik dulu Yang Berhormat. *[Disampuk]* Tarik dulu Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya tarik balik secara bantahan yang kuat sebagai seorang wakil rakyat wanita *[Tepuk]* yang mana apa yang saya rujuk tadi adalah perkara yang benar yang terbentang di hadapan kita, di mana perwakilan wanita telah turun begitu banyak dan kita lihat calon wanita yang dihantar oleh Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas itu juga tidak bertambah dengan serius, jadi tengok di kalangan parti komponen di Barisan Nasional ini apakah langkah yang diambil oleh kesemua ketua, pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional untuk meningkatkan calon wanita mereka dalam parti masing-masing. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup. Yang Berhormat Seputeh cukuplah itu.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Jadi saya hendak jawab, ini soalan politik, jadi kita tidak bohong tetapi Yang Berhormat terang-terang kena tipu dalam Barisan Alternatif, saya tidak mahu sentuh PASlah, tanya DAP, isteri Kepong ini dulu dia wakil rakyat, apa fasal isteri Ahli Parlimen Kepong dulu, kenapa tidak dipilih menjadi wakil rakyat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, Tuan Yang di-Pertua,*[Disampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan saya tidak dijawab....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perbincangan dalam perkara ini cukuplah, cukuplah. *[Disampuk]* Tak ada faedahnya kita hendak melangsungkan perkara ini. *[Disampuk]* Cukuplah, Yang Berhormat.

8. **Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan tentang langkah kerajaan dalam menangani penyusunan semula masyarakat luar bandar dan dengan ketiadaan langkah wajar mengatasi masalah berkenaan, telah menafikan masyarakat luar bandar daripada menikmati segala bentuk kemudahan asas yang disalurkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat sila. Jangan bising Yang Berhormat, tidak boleh bising. Bukan sekolah ini. *[Ketawa]*

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, ketika mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 lebih daripada 50% rakyat negara ini berada dalam kemiskinan. Tetapi berkat komitmen dan usaha berterusan kerajaan dari semasa ke semasa iaitu kerajaan Barisan Nasional telah membawa banyak perubahan kepada masyarakat di luar bandar. Ini adalah kerana tanpa penstrukturan ekonomi dan sosial yang berkesan dan mapan, Malaysia tidak akan menjadi negara aman yang boleh menjamin pertubuhan ekonomi yang berterusan. Namun semuanya ini dianggapkan oleh sesetengah pihak, khasnya pihak pembangkang, sebagai perkara remeh dan ada di kalangan yang tidak sedar bahawa cara yang beginilah yang menjamin keadilan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, kini selepas 4 dekad kemerdekaan, kadar kemiskinan hanya 6.9% di seluruh negara. Liputan bekalan air luar bandar bagi Semenanjung telah mencapai 96%, di Sabah 62% dan di Sarawak 64%. Manakala liputan bagi bekalan elektrik luar bandar untuk Semenanjung telah mencapai 98%, di Sabah 68% dan di Sarawak 70%.

Bagi meneruskan usaha kerajaan dalam menangani penyusunan semula masyarakat luar bandar, kerajaan telah pun melaksanakan perancangan transformasi kedua pembangunan luar bandar. Ianya dilaksanakan melalui pembentukan falsafah dan strategi baru, pembangunan luar bandar yang telah menggariskan 7 inisiatif di bawahnya. Penekanan yang lebih diberi kepada pembangunan manusia atau bersifat *homosentrik* kerana manusia merupakan, dengan izin, '*critical success factor*' bagi kejayaan pembangunan di luar bandar.

Kementerian juga menyedari perkembangan semasa seperti globalisasi, liberalisasi dan teknologi maklumat yang memberi cabaran baru kepada pembangunan luar bandar dan usaha merangka strategi yang lebih mantap sedang

digubal. Mengambil kira cabaran-cabaran ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang menyusun semula struktur organisasi dan membuat permohonan projek-projek sambungan dan baru dalam Rancangan Malaysia Kelapan ke arah meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk desa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen begitu panjang lebar dan begitu meyakinkan.

Soalannya ialah apakah kementerian ini telah merancang pembangunan secara menyeluruh iaitu sekurang-kurangnya untuk menyeimbangkan pembangunan di kota raya, di bandar-bandar dan di luar bandar ini dapat dinikmati secara seimbang dan sedarkah kementerian ini bahawa ramai lagi masyarakat di luar bandar yang langsung tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang saya maksudkan tadi.

Memang kita sedar dalam Kerajaan Barisan Nasional ini merupakan sebuah kerajaan yang terbaik dalam dunia [*Tepuk*] [*Ketawa*], tidak ada lagi kerajaan yang boleh ada saingan dengan Barisan Nasional walaupun masih dikatakan oleh pembangkang tidak baik. Tetapi masih banyak lagi yang perlu diperbaiki dengan adanya usaha-usaha di kementerian ini sekurang-kurangnya akan dapat menarik pengundi-pengundi dalam pilihan raya akan datang dan sekaligus mengalahkan pembangkang-pembangkang [*Tepuk*] di luar-luar bandar. Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan terima kasih kepada sokongan Yang Berhormat, sebab ini adalah yang pertama saya menjawab.

Jadi, Yang Berhormat memanglah kerajaan khasnya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar merancang secara menyeluruh agar semua pembangunan ini diadakan seadil-adilnya atau seimbang tetapi kita memperakui juga bahawa masih banyak yang perlu kita lakukan dan inilah sebabnya kita mesti memastikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bertapak supaya kita akan mengadakan kesinambungan kepada program-program yang sedang kita laksanakan.

Jadi, saya ingin membawa kepada perspektif iaitu di peringkat makro dan khas kepada kawasan Yang Berhormat iaitu pembangunan di peringkat makro iaitu pembangunan kampung-kampung juga dijayakan melalui Gerakan Desa Wawasan (GDW). Jadi, contoh-contoh kampung GDW yang layak menjadi model seperti

Kampung Indah, Renok Baru dan sebagainya yang telah dengan izin, 'graduate' dari segi penerapan tujuh inisiatif di bawah pembangunan yang saya sebutkan tadi dan khasnya di Sabah sekarang ini ada 174 kampung sedang digerakkan di bawah GDW.

Daripada jumlah ini tujuh kampung terdapat di Parlimen Yang Berhormat yang di Parlimen Kinabatangan iaitu Kampung Sukau, Kampung Batu Putih, Kampung Segliud, Kampung Paris Satu, Kampung Karamuak, Kampung Sinar Jaya dan Kampung Segulud dan juga di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin khasnya dalam tahun 2000, sejumlah peruntukan yang besar telah diagihkan secara amnya kepada negeri Sabah iaitu RM14,335,557 dan khasnya kepada kawasan Kinabatangan bagi tahun 2000, di bawah Rancangan Rakyat Termiskin telah diagihkan peruntukan berjumlah RM802,578 untuk kita menangani masalah-masalah yang kita hendak menyeimbangkan pembangunan di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, masa sudah cukup Yang Berhormat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 21 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN DADAH (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Jualan Dadah 1992; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kelima]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.20 [Jadual] –

Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2000] –

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kepong, sila sambung ucapan

11.11 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya masih ada 10 minit.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Nanti kejap. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sambung kepada Butiran mengenai Penggalakan Perdagangan yang meliputi bidang yang luas dan juga halaman 208, mengenai Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) dan akhirnya mengenai halaman 209 – Butiran 01200 – Perdagangan Antarabangsa (MATRADE) dan juga Bangunan/Kelengkapan Baru.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya sebutkan pada hari Khamis yang lepas bahawa adalah begitu penting di dalam usaha untuk menggalakkan perdagangan untuk menambahkan eksport Malaysia ini, kita menumpu perhatian yang lebih kepada usaha untuk mengupahkan architecture kewangan antarabangsa kerana salah satu faktor yang utama yang menyebabkan krisis ekonomi negara kita ialah kerana kecacatan di dalam Sistem Kewangan Antarabangsa itu.

Setakat ini walaupun kerajaan sudah pun berkali-kali menyebutkan begitu pentingnya kita mengubahsuaikan, mereformkan semua kecacatan di dalam sistem kewangan tersebut, saya nampak sambutan daripada pemimpin-pemimpin negara maju adalah tidak begitu baik. Setakat ini, Presiden Clinton pun ada sebutkan kita perlu mengubah sedikit tetapi tindakan susulannya tidak nampak. Daripada Dr. Supachai Panitchpakdi, Timbalan Perdana Menteri Thailand dan juga Presiden UNCTAD X, sudah pun mengatakan bahawa infrastruktur ataupun sistem kerangka kewangan ini mesti diubahkan.

Ini termasuk Dana Mata Wang Antarabangsa (IMF), IMF pun mengakui sedikit sebanyak dia hendak ubah tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah maksud IMF bahawa reformasi ini mesti dibuat. Saya sebutkan bukan sahaja reformasi di dalam IMF, reformasi di dalam Kerajaan Barisan Nasional pun perlu. Ini reformasi semualah perlu.

Tuan Pengerusi, apakah maksud IMF untuk mengubahsuaikan sedikit, adakah ini semata-mata untuk pencegahan sahaja dalam satu dua perkara sahaja yang akan dibuat dan tidak akan mendatangkan manfaat kepada semua. Ini memang kita hendak tahu dan yang saya pun hendak tahulah setakat mana selain daripada seminar ataupun simposium yang diadakan dari masa ke semasa. Apakah tindakan yang selanjutnya untuk mewujudkan keadaan yang membolehkan Sistem Kewangan Antarabangsa ini diubahsuaikan?

Tuan Pengerusi, saya berharaplah pihak kerajaan dapat memberitahu kita bagaimana kita boleh menyesuaikan diri dengan keadaan kawalan modal terpilih dan usaha untuk memperbaiki keadaan Sistem Kewangan Antarabangsa ini kerana, Tuan Pengerusi, sepatutnya kita ada satu strategi, kita perlukan strategi kerana kita akan bukakan pada dua, tiga tahun yang depan. Kita ada bukakan sistem kewangan kita kepada dunia dan dunia yang besar. Kita pun kecil sahaja, pelanduk sahaja. Gajah-gajah belaka di dunia tetapi kita pelanduk sahaja dan kerana kita pelanduk sahaja, kita mesti mempunyai strategi yang baik untuk menghadapi keadaan ini dan setakat kita.....

Tuan Pengerusi: Minta gulung, Yang Berhormat. Minta gulung ya.

Dr. Tan Seng Giaw:gulung dah, ada banyak lagi tu.

Tuan Pengerusi: Ya, ya Yang Berhormat, ada lima minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Lima minit? Tuan Pengerusi, kerana ini masalah pentinglah kerana arkitek kewangan dunia ini memang penting dan ini termasuklah, Tuan Pengerusi, usaha kita untuk MATRADE itu perdagangan antarabangsa.

Setakat ini memang ada simposium, juga ada mesyuarat oleh MATRADE, Lembaga MATRADE memang ada mesyuarat dan sebagainya dan baru-baru ini saya diberitahu bahawa Bangunan MATRADE akan dipindah. RM2 juta jumlahnya dan dengan alat kelengkapan yang baru, lebih kalau tidak silap saya RM41.5 juta yang diperlukan untuk bangunan baru dan kelengkapan baru untuk MATRADE.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Habis dah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi kita mula berbincang MATRADE sahaja.....

[*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah, sudah habis dah.

Dr. Tan Seng Giaw:dan tidak termasuk produktiviti pula.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, biarkanlah.....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya gulunglah. Boleh gulung sedikit?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tadi saya ingat sudah gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak. [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, saya berharaplah Yang Berhormat dapat jawab macam mana dengan bangunan dan kelengkapan baru MATRADE dapat memainkan peranan yang penting, menambahkan eksport kita, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan, servis sektor yang kurang sekarang ini yang dalam keadaan yang tidak baik. Servis sektor kita ini.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw:dan apakah yang dibuat oleh MATRADE untuk memajukan servis sektor kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini, [*Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian*] Kubang Kerian.

11.17 pagi.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih di atas peluang ini. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Pembangunan Perindustrian.

Dalam dua sumber negara kita iaitu petrokimia dan juga perikanan. Dua sumber ini adalah sangat penting dan mustahak yang telah pun dianugerahkan oleh Allah S.W.T. untuk kebaikan negara kita dan seharusnya dimaksimumkan pengolahannya supaya dapat memberikan manfaat yang sepenuhnya kepada negara.

Berkenaan dengan industri perikanan, kita tengok di pasar raya-pasar raya yang utama di ibu kota. Kita lihat restoran makanan Jepun di mana ikan dan juga hasil lautan yang lain telah dipasarkan bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh dunia dalam satu pemasaran dan penjualan yang begitu menarik dan mendapat sambutan dan menghasilkan pulangan yang begitu besar kepada industri perikanan di Jepun. Tetapi pada masa yang sama di negara kita kemudahan dan galakan industri perikanan ini tidak meluas dan sehingga pada hari ini, pada pengetahuan saya, belum ada satu pangkalan pendaratan perikanan dan kompleks perindustrian perikanan yang benar-benar moden dan lengkap.

Saya berharap kementerian ini, pegawai-pegawainya dapat pergi umpamanya, ke Selatan Thailand. Ada dua pelabuhan perikanan yang begitu lengkap yang membolehkan kapal-kapal laut dalam mendarat di sana dengan penuh puas hati kerana semua produk yang mereka perolehi daripada hasil perikanan laut dalam mendapat pasaran dalam bidang-bidang yang menambah nilai, value added kepada hasil tangkapan mereka.

Dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua, saya difahamkan bahawa kerajaan telah pun mengenal pasti kekurangan ini tetapi sampai pada hari ini kita belum mempunyai satu pelabuhan perikanan yang benar-benar lengkap seperti yang telah saya sebutkan dan saya juga dapat faham beberapa usaha sama di antara syarikat Jepun dan syarikat tempatan dalam industri perikanan moden ini menghadapi kegagalan disebabkan oleh kekurangan kelengkapan ini.

Selain daripada kemudahan pendaratan, rumah dingin yang lengkap, pusat pemprosesan, pembungkusan, pemasaran, saya rasa bidang ini perlu diberikan insentif dalam bentuk geran kepada industri baru yang ingin terlibat dalam industri ini, kepada pekilang-pakilang baru yang ingin melibatkan diri dalam industri ini supaya dengan ini satu kaedah strategik dapat kita capai dalam beberapa segi.

Pertama, ialah kita mengurangkan import kita, pada hari ini saya tidak mempunyai angka-angka untuk dibentangkan walaupun saya pernah lihat angka itu, bahawa kita mengimport ikan daripada Thailand dalam jumlah yang sangat besar. Sedangkan ikan itu ditangkap di laut kita, oleh kapal kita, cuma oleh anak-anak kapal Thailand, didaratkan di Thailand kerana kemudahan perikanan yang lengkap dan kita import semula dalam jumlah yang sangat besar. Jika sekiranya kementerian ini dapat memberikan tumpuan kepada pembangunan industri ini secara yang komprehensif, saya rasa kedudukan strategik kita dapat dicapai kembali.

Kedua, ialah tentang petrokimia. Kita telah lama mengeluarkan petrol dan gas tetapi kita belum mempunyai rangkaian industri petrokimia yang penuh. Umpamanya, dalam bidang pengeluaran aromatik berasaskan petrokimia. Asid arsetic, dekat-dekat dengan asid arsenic ini, kalau salah sebut jadi asid arsenic. Asid arsetic, copper 5, Getah Tiruan SBR, nylon, milec 'unhidreda caprolactum' dan lain-lain.

Industri-industri ini belum dimajukan di negara kita sedangkan kita mempunyai sumber petroleum yang besar dan di atas asas dua industri ini, dua sumber ini, sumber petrokimia dan sumber perikanan ini, kementerian ini boleh menumpukan pembangunan industri untuk memenuhi koridor timur perindustrian yang telah pun dilancarkan oleh kerajaan termasuk di sebelah Sabah dan Sarawak kerana kita juga mempunyai laut yang luas dan petrokimia di Sabah dan Sarawak.

Apa yang saya hendak maksudkan ialah bahawa kementerian ini agak cuai dalam mengenal pasti industri-industri berhiliran, berkaitan dengan petrokimia sehingga kita kehilangan sebahagian daripada sumber-sumber ini kerana sumber ini telah dieksport dalam bentuk yang mentah sedangkan dia boleh ditambah nilai menghasilkan berbilion ringgit pulangan kepada negara kita.

Secara ringkas saya pergi kepada WTO. Kita telah mendengar Perdana Menteri berucap bahawa WTO adalah satu alat kuasa-kuasa besar untuk meluaskan dominasi mereka dalam perdagangan. Saya melihat laporan Program dan Prestasi

2000, muka surat 241 hingga 242 bahawa kementerian ini telah pun menghantar perwakilan dalam mesyuarat-mesyuarat WTO termasuk dalam Mesyuarat Technical Committee on Rules of Origin sebanyak empat kali dan mesyuarat-mesyuarat lain sejumlah lebih kurang 40 kali.

Saya ingin tahu apakah hasil yang telah dicapai daripada mesyuarat-mesyuarat ini, apakah isu-isu utama yang telah dibawa oleh kerajaan kita dalam mesyuarat-mesyuarat ini dan apakah perkembangan daripada apa yang kita bentangkan. Jika sekiranya kita telah pun mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan kita dan telah pun dibawa ke dalam mesyuarat ini dan dibincangkan, maksudnya ialah bahawa inilah forum yang sebenar untuk perkara tersebut dibincangkan.

Kita jangan jadi macam jaguh kampung, dekat kampung kita hebat, masuk dalam mesyuarat ini kita diam, tetapi saya yakin kementerian ini dan pegawai-pegawainya yang berpengalaman telah pun menyuarakan sesuatu.

Saya juga ingin tahu berkenaan dengan mesyuarat Working Group on Transparency in Government Procurement, apakah yang telah dihasilkan daripada mesyuarat ini, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip yang telah dipersetujui bersama dan yang berkaitan dengan negara kita supaya dapat sama-sama dikongsi oleh ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga difahamkan bahawa satu Majlis Penyelarasan dan Perindustrian dicadangkan dibentuk oleh kerajaan untuk menyelaraskan kegiatan industri di negara kita. Saya ingin tahu perkembangan Gagasan Pembentukan Majlis Penyelarasan Perindustrian. Mengikut apa yang saya baca di Korea, mereka mempunyai satu Majlis Penyelarasan Perindustrian Kecil dan Sederhana, yang berfungsi sebagai satu perbadanan yang hanya menumpukan perhatian kepada pembangunan industri kecil dan sederhana dengan full capacity, dengan geran daripada kerajaan, dengan kumpulan-kumpulan pakar dan kumpulan inilah yang mengendalikan pembangunan industri kecil dan sederhana sehingga mereka dapat menembusi pasaran-pasaran luar negeri dan pada masa yang sama mempunyai mutu pengeluaran yang tinggi dan terbuka kepada teknologi-teknologi baru.

Dalam industri semua orang tahu bahawa teknologi adalah asas yang sangat penting, sesiapa yang tertinggal dalam aspek teknologi, ia akan tertinggal dalam competition ataupun pertandingan pengeluaran dan industri kecil dan sederhana biasanya agak terkebelakang dalam mencapai perkembangan industri semasa yang

terus berkembang. Inilah di antara perkara-perkara yang saya ingin sumbangkan dalam perbincangan pada kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli. Tidak ada lagi yang hendak bercakap, selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

11.26 pagi

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berdasarkan kepada firman Allah S.W.T. yang berbunyi [*Membaca ayat al-Quran*] – *bertanyalah kepada ahli-ahlinya apa yang kamu tidak ketahui* dan juga firman Allah s.w.t. yang berbunyi [*Membaca ayat al-Quran*] – *Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa-apa yang ada pada kamu sehingga kamu yang mengubah apa-apa yang ada pada diri kamu.*

Seterusnya, saya pergi kepada Bekalan B.20. Bekalan B.20 Butiran 050000 – Perbadanan Produktiviti Negara (NPC). Objektifnya mempertingkatkan pembangunan tenaga manusia dan enterprise ke arah kecemerlangan. Mempertingkat kepakaran tempatan dalam bidang-bidang pengurusan produktiviti dan kualiti.

Di dalam bidang teknologi tinggi, industri negara kita masih ketinggalan. Kita masih berniaga di dalam skop teknologi lama, bahkan syarikat-syarikat multinasional pun masih menggunakan teknologi lama yakni semenjak awal 70'an. Teknologi-teknologi kita, teknologi-teknologi lebih tinggi telah ditempatkan di negara-negara seperti Singapura, bahkan dari segi teknologi pembuatan, negara-negara Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, Singapura bahkan Thailand kita masih ketinggalan berbanding dengan negara-negara tersebut. Terpampang di akhbar-akhbar kita kira-kira lima tahun dahulu, untuk mewujudkan kawasan-kawasan industri tinggi seperti Kulim Hitech. Dihebahkan kepada masyarakat akan dibina kilang berteknologi tinggi yakni wafer fabrication yakni membina memory chips, dengan izin, dalam komputer, calculator, notebook, hand phone dan sebagainya.

Memang kilang ini memerlukan peruntukan melebihi AS\$500 bilion. Kita diberitahu bahawa Khazanah Holdings bersama-sama Fujitsu dan lain-lain akan membina kilang ini di Kedah yakni di kawasan Kulim Hitech. Kerajaan Pusat telah membelanjakan wang beratus-ratus juta untuk infrastruktur Kulim Hitech ini tetapi sampai sekarang ini penubuhan kilang yang dikehendaki ini tidak ke mana-mana. Begitu juga sebuah syarikat yang dipengerusikan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang

untuk membina kilang wafer fabrication, dengan izin, di Sarawak kira-kira empat tahun lalu, tetapi sekarang sudah tidak diketahui hujung pangkalnya. Mungkin UNISM yakni anak syarikat Kumpulan Hong Leong ada terlibat di dalam sektor wafer fabrication tetapi ianya masih di tahap pertengahan.

Umpamanya, di Kulim Hitech dulunya syarat-syarat kilang yang akan beroperasi di sana pada satu ketika tersangat ketat seperti jenis teknologi, bilangan pekerja, jumlah pelaburan dan sebagainya dan akhirnya dilonggarkan dengan begitu meluas kerana tidak mendapat sambutan di mana syarikat-syarikat seperti Inocom dan lain-lain sudah boleh beroperasi di sana walaupun syarikat tersebut jauh daripada memenuhi syarat-syarat asal Kulim Hitech.

Oleh kerana kita tidak mempunyai tenaga pakar di dalam bidang ini, maka saya mencadangkan supaya kerajaan mencari pakar-pakarnya dan dibayar imbuhan serta insentif yang selayaknya daripada negara-negara maju dengan menjanjikan saham minoriti agar teknologi ini boleh dikembangkan di negara ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Rompin.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kalau beri 15 minit atau 20 minit, saya memang suka orang tanya soalan ini. Sepuluh minit ini tak boleh hendak cakap apa saya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berkaitan dengan isu Yang Berhormat bawa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Nantilah, tunggu dua minit lagi Tuan Pengerusi beritahu saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat Rompin.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya suka soalan ini, tetapi sepuluh tak dan hendak cakap apa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Di samping itu, hubungan yang lebih rapat hendaklah diadakan dengan universiti-universiti tempatan oleh NPC, MITI dengan memperuntukkan peruntukan yang munasabah untuk tujuan R&D oleh

universiti-universiti tempatan atau luar negara agar penemuan teknologi-teknologi baru yang praktikal dan komersial dapat dipergiatkan dan dipertingkatkan. Ingat, teknologi kita masih sederhana atau rendah, misalnya kalau getah masih lagi dengan izin, rubber dipping, rolling products seperti kondom, sarung tangan getah dan getah urat. Manakala kalau teknologi plastik masih lagi, dengan izin, plastic injection, compression dan sheeting product. Sebab itu, Dewan berhak tahu di bawah Butiran 00501 – Tabung Khas Projek Fabrikasi Wafer, sebanyak RM1.5 juta telah diperuntukkan. Jadi, apakah aktiviti-aktiviti yang terlibat di dalam kos sebanyak ini.

Begitu juga dengan Butiran Pembangunan 20, Butiran 00503 – Teknologi Acquisition, 00504 – Commercialization of Technology, 00505 – Program Pembangunan Kemahiran Bahagian Industri tertentu oleh sektor swasta. Peruntukan setiap satunya ialah RM37 juta, RM7 juta dan RM3 juta. Negara kita tahu bahawa tanggungjawab ini diletakkan kepada pundak Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), tetapi tahapnya masih rendah untuk kita banggakan walaupun berbanding dengan pencapaian negara jiran yakni negara Thailand.

Seterusnya kepada Butiran 06000 – MATRADE. Objektifnya ialah untuk menggalak dan meningkatkan pertumbuhan perdagangan luar negara dengan tumpuan khusus terhadap eksport barangan perkilangan yang mempunyai nilai tambah. Dilihat terdapat ramai pegawai-pegawai kita yang ditugaskan untuk menjaga pejabat-pejabat MATRADE di luar negara, tidak ada business, kurang business minded ataupun tidak ada business minded. Malah kurang faham tentang teknologi-teknologi pembuatan yang terdapat di dalam negara kita. Di samping itu, kita lihat cara presentation, dengan izin, pejabat MATRADE di luar negara kurang, dengan izin, impressive. Kadang-kadang kedudukan pejabat MATRADE pada tempat yang tidak strategik. Ini mengurangkan ruang untuk masyarakat niaga di negara-negara terlibat terdedah kepada apa yang dapat ditawarkan oleh pekilang-pekilang atau peniaga-peniaga daripada Malaysia.

Dicadangkan pegawai-pegawai yang bertugas di pejabat MATRADE di luar negara melalui kursus-kursus jangka pendek selama lebih kurang enam bulan untuk, dengan izin, nature business minded kepada pegawai-pegawai ini di samping mereka lebih faham tentang teknologi-teknologi pembuatan yang dapat ditawarkan oleh pekilang-pekilang atau peniaga negara kita.

Di samping itu, dicadangkan juga agar pejabat-pejabat MATRADE di luar negara dipindahkan ke tempat yang lebih strategik walaupun saiz pejabatnya lebih kecil.

Seterusnya Butiran 07000 – SMIDEC. Objektifnya ialah menggalak dan membangun sektor industri kecil sederhana sebagai industri pelengkap dan penyokong yang moden dan berdaya maju, mampu mengeluarkan produk-produk dan komponen-komponen yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan berkualiti. Peruntukan sebanyak RM5.131 juta.

Di samping itu, dilihat juga di bawah Kepala Pembangunan P.20, Butiran 0507 – Konsultansi dan Pemasaran IKS – 00601 – Dana Pelaburan Domestik Skim Pinjaman IKS, 00602 – Technology Development for SMI. Industri kecil dan sederhana sangat penting kepada pembangunan industri negara. Negara-negara maju dan harimau baru yakni Jepun, Korea Selatan, Taiwan – 60% daripada input industri negara adalah daripada industri kecil dan sederhana. Syarikat-syarikat gergasi negara-negara tersebut benar-benar, dengan izin, ‘groom’ syarikat-syarikat kecil dan sederhana ini. Sebab itu, kita dapati ramai lahirnya pengusaha-pengusaha kilang kecil dan sederhana yang menjadi jutawan, cuba kita perhatikan berapa banyak syarikat kecil dan sederhana daripada Payong, Sony, Matsushita, Fujitsu, Sharp, Sanyo dan lain-lain di Jepun, Hyundai, Samsung, Elgy di Korea Selatan, Acer Komputer, Formosa Plstic dan lain-lain di Taiwan. Tetapi apa yang berlaku di negara kita, syarikat-syarikat, dengan izin, di ‘groom’ secara mengejut oleh kerajaan UMNO bukannya makin membina syarikat-syarikat kecil dan sederhana tetapi syarikat-syarikat yang di ‘groom’ oleh UMNO ini merampas perniagaan sedia ada syarikat-syarikat kecil dan sederhana apabila mereka membuat corporate trader, dengan izin. Sebab itu jadilah mereka ini jaguh kampung tetapi amaturnya di peringkat antarabangsa kerana tidak melalui saluran, latihan dan pendedahan yang standard ataupun piawaian. Perlu kerajaan sedar bahawa industri-industri kecil dan sederhana negara kita, dari segi bilangannya jauh lebih kecil berbanding dengan Thailand, malah dari segi-segi lainnya, jauh lebih terkebelakang berbanding dengan rakan-rakan mereka hatta daripada Thailand.

Ingat, 2003 AFTA akan berkuat kuasa. Jadi, perlulah kerajaan memberi perhatian yang sangat serius tentang hal ini kerana untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli Dewan, harga kereta yang separa dengan harga kereta Kancil di negara kita

lebih kurang RM28,000 tetapi di Korea Selatan hanyalah RM11,000, itulah bandingnya tentang apa yang boleh ditawarkan oleh syarikat-syarikat sama ada Taiwan dan syarikat daripada Korea Selatan dan juga syarikat daripada Thailand. Bahkan kita bimbang sekiranya AFTA ini berkuat kuasa pada 2003, maka di mana kedudukan syarikat pembuat kereta nasional kita yakni Proton kerana kita semua orang sudah tahu, semua orang panik sekarang ini, sehingga sekarang ini Proton terpaksa dibeli diambil alih sesetengah sahamnya oleh Petronas yakni 'Abdul Wahub' Malaysia. Abdul Wahib, Abdul Wahub sudah gone case, Abdul Wahub yang tinggal sekarang ini.

08000 – Dasar Baru. 080100 – Perkhidmatan Pengurusan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ada masa lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis dah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okay, saya beri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mula -mula saya hendak bertanya tentang 'Abdul Wahib, Abdul Wahab' itu. Tetapi saya ingat itu mungkin suatu sentuhan tak perlu saya ulas tetapi saya tertarik isu yang pertama tadi, sebab dia ini orang yang intelektual juga. Tentang teknologi Yang Berhormat buat pandangan tadi bahawa negara kita kurang teknologi tinggi, itu satu pandangan yang baik. Tetapi bagaimana saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, satu isu untuk kita menembusi pasaran dunia sekarang ini, salah satu ialah teknologi tinggi, tetapi yang penting juga ialah mesti ada teknologi tempatan. Tak ada guna kalau negara kita ada teknologi tinggi tetapi orang punya, bermakna nilai tambah itu bukan kepada kita, nilai tambah itu orang punya. Teknologi itu should not be, dengan izin, teknologi *per se*, tetapi method teknologi tinggi kita punya supaya ini menjadi modal kita untuk kita menembusi pasaran dunia nanti. Saya hendak pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih. Satu soalan yang cukup baik untuk semua Ahli Dewan dan Tuan Pengerusi. Kita perlu lihat kepada apa yang telah dijayakan oleh negara-negara yang terdahulu daripada kita umpamanya, Korea Selatan, pertama sekali Jepun. Jepun ia mencuri teknologi daripada Amerika

dan dia ubahsuai. Begitu juga Korea Selatan yang telah dijajah sebegitu lama oleh Jepun, teknologi mereka juga adalah hasil daripada teknologi Jepun tetapi mereka juga mengubahsuai teknologi Jepun. Tetapi dalam kes kita, kerana kita walaupun telah ditawan, walaupun telah dijajah oleh Jepun tetapi kita tidak mengambil kesempatan daripada dijajah oleh Jepun kerana kita hanya empat lima tahun, walhal Korea Selatan 35 tahun, 40 tahun lama Korea Selatan dijajah oleh Jepun. Saya tidak ingat berapa tahun, tetapi pokok pangkalnya dalam kes kita saya mencadangkan supaya oleh kerana kita tahu bahawa kita belum mampu untuk bersaing dari segi teknologi tinggi dengan negara-negara lain, walaupun dengan Taiwan dan sebagainya, apa yang saya cadangkan kita cari the best brain, dengan izin, daripada negara-negara luar, kita keluarkan modal dan kita berikan saham, walaupun minoriti tetapi dengan mereka bersama-sama dengan kita, modal kita, kita control majoriti dengan sendirinya kita boleh mempergiatkan teknologi-teknologi tinggi, kalau kita tidak beri macam itu, hendak harapkan, dengan izin, *home-grown*, saya rasa tidak boleh, negara kita sudah proven tidak ada *home-grown* dengan teknologi IT kereta, IT innovator tidak ada. Kita kena be fair, jadi sekarang, cara yang terbaik adalah kita select the best brain, banyak the best brain hatta di India, bahkan yang terbaru ini di Bangladesh yang temu virus Chernobyl daripada Bangladesh, that is the type of the guy yang kita kena curi Kita masukkan dengan kita eksplot dia punya brain dan modal kita. Saya ingat MTDC pun buat lebih kurang itu juga ideanya, dia sudah buat tetapi belum sampai tahap yang kita semua boleh banggakan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

11.40 pagi

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa perbincangan Belanjawan 2000 di peringkat Jawatankuasa mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan kuasa kementerian saya. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman mengusulkan agar MITI perlu mempergiatkan lagi promosi menarik pelabur-pelabur asing supaya melabur di

Malaysia terutamanya dalam industri teknologi tinggi dan canggih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti penggalakan pelaburan akan terus digiatkan ke arah menarik pelaburan langsung asing iaitu FDI, dengan izin, dalam industri berteknologi tinggi dan insentif modal, kegiatan R & D dan perkhidmatan sokongan lain seperti yang telah dikenalpastikan di dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua.

Pada tahun ini, sebanyak lapan misi pelaburan yang akan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah dirancang. Tujuan misi ini adalah untuk mengemaskinikan para pelabur dari negara-negara pengeksporth modal dan maju dalam teknologi mengenai status pembangunan industri dan peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Misi ini akan melawat Amerika Syarikat, Jerman, Belanda, Perancis, Jepun, Hong Kong, China, Taiwan, India dan Singapura dan sebagainya.

Sebagai susulan kepada misi pelaburan yang diadakan, beberapa misi projek khas akan dihantar untuk mengadakan perbincangan terperinci dengan syarikat-syarikat asing yang menunjukkan minat melabur di Malaysia. Di samping itu, kita sedang merancang pakej insentif iaitu galakan khas untuk ditawarkan kepada projek-projek strategik yang berteknologi tinggi.

Yang Berhormat dari Tambun ingin tahu kesan pelaksanaan AFTA ke atas pengeluaran industri tempatan seterusnya ke atas eksport dan import di antara negara-negara ASEAN.

Tuan Pengerusi, objektif utama mewujudkan kawasan perdagangan ASEAN di mana tarif akan berada pada tahap 0% hingga 5% akan tercapai pada tahun 2002 dan 2003. Pelaksanaan AFTA sepenuhnya akan memberi kesan kepada industri-industri tempatan iaitu lebih banyak kesan positif daripada kesan negatif. Secara positifnya AFTA akan yang pertama, membuka peluang pasaran untuk syarikat-syarikat tempatan menerokai pasaran sepuluh buah negara-negara serantau termasuk Malaysia secara kumpulan ASEAN mempunyai 510 juta penduduk dan keluaran dalam negara kasar (GDP), dengan izin sebanyak US\$820 bilion serta pasaran tempatan terbesar seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun.

Yang kedua, membolehkan syarikat-syarikat tempatan mengembangkan operasi mereka ke luar negeri dan pasaran ASEAN boleh dianggap sebagai satu pasaran tempatan. Yang ketiga, membolehkan syarikat-syarikat tempatan memperoleh sumber bahan mentah daripada rantau ASEAN dengan harga yang lebih

kompetitif, ini akan mengurangkan kos perniagaan syarikat-syarikat tempatan supaya lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa, dan yang keempat, syarikat-syarikat tempatan boleh mempertingkatkan kerjasama dengan syarikat-syarikat negara bagi bersama-sama mengeluarkan barangan dengan harga yang lebih kompetitif.

Tuan Pengerusi, secara negatifnya, AFTA juga akan memberi cabaran kepada syarikat-syarikat tempatan dengan mewujudkan persaingan di mana syarikat-syarikat dari negara ASEAN yang lain memasuki pasaran Malaysia. Pengeluar-pengeluar yang tidak kompetitif dan yang pada masa ini bergantung kepada pasaran terkawal akan menghadapi persaingan. Yang Berhormat bagi Tambun juga bertanya mengenai jumlah projek bersama ASEAN yang membuahkan hasil yang boleh dipasarkan ke pasaran antarabangsa terutamanya di dalam sektor pertanian serta apakah projek-projek perkilangan atau perindustrian yang dicadangkan bagi mewujudkan competitiveness di antara negara-negara ASEAN.

Untuk makluman di bawah program AFTA terdapat skim-skim yang menggalakkan kerjasama di bidang industri ataupun untuk meningkatkan rangkaian industri iaitu industrial linkage, dengan izin. Skim untuk menggalakkan kerajaan industri yang kini dilaksanakan ialah Skim Kerjasama Perindustrian ASEAN iaitu 'AICO' dengan izin, yang diwujudkan pada tahun 1996. Projek 'AICO' ini tertumpu kepada projek-projek perkilangan atau perindustrian yang dijalankan bagi syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan *complementarily* dalam menghasilkan barangan di mana syarikat-syarikat boleh menukarkan barangan. Ia juga bertujuan mendapat skala ekonomi dalam pengeluaran serta dapat mengurangkan kos. Sehingga 31 Disember 1999 sejumlah 35 permohonan telah diterima oleh Malaysia yang melibatkan susunan AICO. Daripada jumlah tersebut 30 permohonan termasuk satu daripada sektor 'pra.....' telah pun diluluskan. Kebanyakan projek AICO yang dimohon tertumpu kepada sektor automotif di mana 26 permohonan telah diluluskan. Selain daripada projek-projek di bawah skim AICO, ASEAN juga telah pun melaksanakan beberapa projek kerjasama industri yang lain iaitu di bawah projek kerjasama industri ASEAN iaitu di ASEAN Industry Joint Ventures (AIJV) dengan izin, dan skim brand-to-brand complementation, dengan izin. Kerjasama dalam skim brand-to-brand complementation melibatkan pengeluaran dan pertukaran komponen sektor automotif. Projek-projek yang dilaksanakan melalui skim AIJV yang

melibatkan usaha-usaha antara syarikat-syarikat di negara ASEAN ialah seperti berikut:

- (i) Pengeluaran baja urea – iaitu joint venture Malaysia, Thailand dan Indonesia.
- (ii) Bijiran sarapan pagi – joint venture di antara Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura.
- (iii) Coklat – Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura
- (iv) Sos soya – Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura
- (v) Susu kacang soya – Indonesia, Malaysia, Philippine, Thailand dan Singapura.
- (vi) Enamel – di antara Malaysia dan Indonesia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Serdang ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil untuk menempatkan kilang-kilang IKS yang beroperasi tanpa izin terutama di kawasan-kawasan kampung baru di Serdang. Adalah menjadi hasrat kerajaan agar kilang-kilang tanpa izin mengambil tindakan sendiri supaya beroperasi di kawasan-kawasan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tambun berdiri Yang Berhormat. Minta penjelasan.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi saya sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Dato' Kerk Choo Ting: Saya habiskan ayat ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta habiskan, sila.

Dato' Kerk Choo Ting: Supaya mengambil tindakan sendiri supaya beroperasi di kawasan perindustrian yang telah ditentukan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa terdapat banyak projek-projek kerjasama ASEAN yang dijalankan. Jadi saya ingin tahu pertama sejauh mana projek-projek ini berjaya dari segi prestasi bersaing di pasaran antarabangsa dan kedua dari segi keuntungannya kepada negara kita.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Pengerusi, ini terlalu terperinci. Bolehlah Yang Berhormat datang ke kementerian saya, saya bagi segala maklumat terperinci

kepada Yang Berhormat. Selain mendapat faedah daripada segi kemudahan beroperasi, mengadakan rantaian dan jaringan dengan pengusaha-pengusaha dalam sektor yang sama ia juga mudah untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan yang diperlukan. Selain daripada itu sekali gus ia mencerminkan masyarakat perniagaan dan perdagangan yang mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar-dasar kerajaan. Bagi tujuan penempatan semula kilang-kilang haram kerajaan negeri Selangor telah pun mengenal pasti kawasan seluas 50 ekar di Ayer Hitam, Johor. Pengusaha-pengusaha ini boleh juga memindah kilang-kilang mereka ke kawasan perindustrian yang telah dibangunkan oleh kerajaan melalui agensi-agensinya dan projek-projek yang dibangunkan oleh pihak swasta.

Mengenai taman industri kasut di Seri Kembangan yang telah dibincangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat.

Dato' Kerk Choo Ting: Nanti saya habiskan ini dulu ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habiskan dulu Yang Berhormat.

Dato' Kerk Choo Ting: ...Selangor baru-baru ini ya. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Serdang pihak kerajaan negeri sudah mengeluarkan 300 borang soal selidik kepada pengusaha kilang haram di Kampung Baru Serdang yang telah diedarkan melalui pejabat Adun kawasan. Maklumat soal selidik ini diperlukan bagi memudahkan urusan perpindahan kilang-kilang kasut haram ini ke kawasan yang dikhasakan iaitu di Taman Industri Kasut di Ayer Hitam, Puchong.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya tentang isu SMI, industri kecil dan sederhana. Saya tidak berkesempatan bercakap dalam peringkat jawatankuasa tetapi hendak mengambil kesempatan bertanya kepada Dato' Timbalan Menteri. Di kementerian ada SMIDEC. SMIDEC ini adalah gambaran yang kita beri ialah untuk membela SMI. Satu lagi kita ada satu agensi MATRADE, gambaran diberi untuk menggalakkan eksport di dunia. Saya hendak bertanya sedikit. Boleh tidak dihubungkan peranan usaha pembangunan SMI ini lepas itu agensi untuk eksport dikaitkan SMI luar bandar. Kita di luar bandar banyak ada kemahiran untuk membuat sesuatu ke pakaran barang-barang luar bandar kemahiran tangan. Tetapi masalah yang sering kali kita dengar ialah pemasaran

eksport mereka ini. Dan kalau kita melihat bahawa saranan yang dibuat supaya kita pergi global, pergi untuk menghantar produknya keluar daripada bandar saya yakin bahawa luar bandar juga ada minat dan semangat untuk eksport ke luar bandar barangan mereka. Adakah kerajaan – ini umum saya tidak memerlukan satu soalan yang jelas atau detail daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Boleh atau tidak kementerian kaji bagaimana penggunaan SMIDEC ini dan juga MATRADE ini membantu mereka yang luar bandar supaya jangan nanti hanya orang luar bandar mendengar sahaja usaha-usaha besar, projek-projek benda-benda yang baik dibuat tetapi kelompok mereka ini mungkin tertinggal. Kadang-kadang kalau kita tidak buat sesuatu nanti yang sebelah sana menangguk air yang keroh. Cari peluang sahaja. Ini pula dalam pilihan raya yang kecil. Cari yang tidak ada diadakan. Ini saya minta supaya kalau dapat kementerian timbang sedikit dengan adanya agensi SMIDEC ini untuk khususnya untuk industri kecil ada MATRADE untuk eksport. Bagaimana kedua-dua badan ini diminta supaya menumpukan juga untuk membela masyarakat luar bandar ini. Saya minta sedikit hanya kenyataan umum saja Dato' Timbalan Menteri tidak wajar detail sebab ini hanya saya bangkit membawa sekarang ini. Minta penjelasan.

Dato' Kerk Choo Ting: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rompin. Memang itu satu cadangan yang baik. Dan di kementerian kita SMIDEC, MATRADE dan mana-mana agensi kita memang ada hubung kait dan selalu bekerjasama supaya membangunkan industri bukan sahaja di bandar, di negeri-negeri yang maju juga, di negeri Pantai Timur, di Koridor Timur dan juga memberi satu perhatian kepada industri di kampung di luar bandar. Untuk mengeksportkan barangan yang dikeluarkan daripada kilang-kilang di luar bandar, dua syarat yang mesti dipenuhi, terutamanya yang melibatkan industri makanan. Yang pertama kualiti, yang kedua kos. Mengenai kualiti itu – produk-produk itu haruslah memenuhi banyak syarat-syarat yang dikenakan oleh negara-negara asing itu. Perkara itu bukan senang. Jadi kementerian ini sedia memberi segala bantuan kepada syarikat-syarikat yang menunjukkan potensi untuk mengeksport itu. Itulah sebanyak sedikit ya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Serdang juga menyarankan supaya SMIDEC mempergiatkan lagi usaha memberi penerangan serta galakan kepada pengusaha-pengusaha kecil bagi memperkembangkan lagi industri-industri kecil dan sederhana.

Tuan Pengerusi, penyaluran maklumat yang dilakukan oleh SMIDEC adalah menerusi seminar-seminar pelaburan domestik yang diadakan mengikut wilayah setiap tahun. Seminar-seminar bersama dengan dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan industri. Sekiranya ada program IKS baru yang diperkenalkan dari semasa ke semasa SMIDEC akan juga mengadakan seminar promosi di setiap negeri seperti yang sedang diselenggarakan oleh program khas bagi usaha-usaha wanita. Selain daripada itu SMIDEC juga memberi peluang kepada IKS untuk menghadiri diri di sesi business clinic yang diadakan pada tiap-tiap hari Rabu mulai jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang tanpa sebarang temu janji. Oleh itu pihak IKS boleh mengambil faedah dari segi kemudahan yang telah disediakan. SMIDEC bersedia untuk mengadakan sesi interaksi dan taklimat mengenai program yang diadakan oleh kerajaan secara berkumpulan kepada pengusaha -pengusaha terbabit.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong menyarankan ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Serdang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Kerk Choo Ting: Tidak payahlah banyak sudah dikatakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi. Bagi, dia hendak sekali bagi.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Tuan Pengerusi hanya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan SMIDEC. Oleh kerana kerajaan negeri telah mencadangkan taman kasut akan diadakan di kawasan Serdang adakah pandangan atau garis panduan daripada SMIDEC untuk mempercepatkan, menjayakan taman kasut yang akan dilancarkan ini bantuan garis panduan kepada taman kasut ini, adakah?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Pengerusi, kementerian saya bukan kementerian pelaksanaan. Pelaksanaan dibuat oleh kerajaan negeri. Bantuan memang kita. Bukan bantuan diberi, galakan pun diberi, dorongan pun dibagi. Jadi terpulanglah kepada Yang Berhormat berhubung dengan kerajaan negeri untuk mempercepatkan segala-gala itu. Terima kasih ya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong menyarankan agar lebih banyak pelaburan dalam industri-industri lain dan tidak hanya tertumpu kepada pelaburan industri barangan kimia, petroleum, elektronik dan logam asas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tempoh 1996 hingga 2005, pembangunan

sektor perkilangan di Malaysia ialah berpandukan kepada Pelan Induk Perindustrian Kedua, di mana strategi pembangunan industri berdasarkan komplot iaitu Cluster Base Industrial Development, dengan izin, ini ditegaskan. Sebanyak 22 komplot industri yang boleh ditaksirkan di bawah lapan kumpulan industri utama telah dikenal pasti untuk dibangunkan di negara-negara lain.

Selain daripada industri barangan kimia, petroleum, elektronik dan logam asas, industri-industri resource base termasuk industri barangan kayu-kayan serta industri makanan dan peralatan jentera juga telah dimajukan. Walau bagaimanapun, pada peringkat industri negara dan dengan daya pesaingnya Malaysia kini telah dapat menarik projek-projek yang berintensifkan teknologi dalam bidang petrokimia dan elektronik. Teras pembangunan sektor perkilangan seperti yang digariskan di bawah IMP-2, bertujuan untuk mempelbagaikan, meningkatkan daya saing dan nilai ditambah sektor perkilangan.

Selaras dengan tumpuan diberi untuk mempelbagaikan serta meningkatkan nilai yang ditambah bagi semua sektor industri, pertumbuhan sektor E&E iaitu elektronik dan elektrik adalah selaras dengan trend dunia dan didorong oleh pembangunan IT dan teknologi berasaskan maklumat. Sektor E&E telah mengalami perubahan sectorial dengan beralih kepada aktiviti nilai yang ditambah yang lebih tinggi. Sektor E&E juga mempunyai rangkaian dengan sektor industri lain seperti industri automotif, mesin dan industri sokongan seperti pembungkusan dan bahan bercetak.

Bagi industri berasaskan sumber, tumpuan pembangunan telah beralih kepada aktiviti harian yang mempunyai nilai yang ditambah yang tinggi. Peralihan ini adalah perlu memandangkan negara tidak lagi mempunyai daya saing dalam aktiviti berintensifkan buruh.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan architecture sistem kewangan antarabangsa di mana sambutan negara-negara maju tidak begitu berminat. Ini memang adalah satu hakikat. Negara-negara sedang membangun, IMF berpendapat reformasi hendaklah dibuat tetapi setakat ini IMF masih dalam peringkat perundingan sahaja. Jadi negara-negara sedang maju dan pemimpin-pemimpin negara yang....., satu kumpulan kecil pemimpin negara maju haruslah berikhtiar supaya menjadikan cadangan ini menjadi kenyataan. Kerja memang susah tetapi Malaysia dan negara-negara membangun masih berusaha untuk mencapainya dan Perdana

Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin di dalam perkara ini.

Yang Berhormat sentuh kepada MATRADE, kita memang ada sediakan satu bangunan baru untuk MATRADE dan dengan adanya bangunan baru, banyak pameran, banyak usaha boleh dibuat di dalam bangunan yang baru ini untuk meningkatkan prestasi MATRADE.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyentuh petrokimia dan perikanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini memang mementingkan industri makanan dan industri perikanan adalah salah satu. Jadi satu peruntukan yang besar, satu fund yang besar, dana yang besar iaitu Fund for Food sudah disediakan dan terpulanglah kepada pihak swasta untuk mengambil bahagian di dalam sektor ini.

Pelan Induk Kedua memang menggalakkan pusat perikanan atau apa-apa seperti yang dijalankan di Selatan Thailand tetapi dasar boleh dibuat oleh kerajaan, pelaksanaan dijalankan oleh pihak swasta. Satu dua usaha telah dibuat seperti di Taiping tetapi selepas kilang itu dibuat mereka menghadapi banyak masalah yang lain seperti teknologi tinggi, seperti modal, sumber-sumber bahan yang tidak mencukupi, ini adalah constrain bagi industri ini.

Berkenaan dengan petrokimia memang pihak MITI telah mementingkan perindustrian hiliran diadakan.

Berkenaan dengan WTO, mesyuarat.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat, berkenaan dengan industri perikanan Yang Berhormat sebut tadi salah satu punca kegagalan industri ini berkembang ialah bekalan yang tidak mencukupi. Saya ingin menarik perhatian bekalan ini tidak mencukupi ialah kerana kita tidak mempunyai kemudahan pendaratan yang lengkap yang menyebabkan kapal kita tidak boleh mendarat di sini kerana setengah daripada hasil mereka jika didaratkan di sini, tidak ada pasaran dan tidak ada kemudahan tetapi di Thailand, di Indonesia, saya lupa satu tempat yang telah saya lawati, satu kemudahan pendaratan yang cukup lengkap menyebabkan setiap isi kapal ada pembelinya dan kemudahan-kemudahan sampingan yang lain.

Jadi saya hendak tahu adakah di bawah dasar ini satu pelan industri perikanan telah dibuat. Kalau kita tidak ada pelan ini memang sana tidak cukup, sini tidak cukup tetapi kalau kita ada pelan, kita akan mengenal pasti di manakah lokasi industri ini akan ditempatkan. Ia mesti integrated, dia tidak boleh asing, satu di Taiping, satu

di Kuantan, tidak boleh macam itu. Adakah pelan perindustrian perikanan ini ada dan di manakah lokasi yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan industri ini.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Pengerusi, beberapa usaha telah dibuat oleh kerajaan negeri seperti di Pulau Pinang, seperti di Sabah tetapi apa sebab itu tidak maju seperti pusat perikanan di Selatan Thailand itu banyak isu-isu terlibat, bukan satu, dua isu yang terlibat. Sama ada ini nilai yang ditambah itu cukup tinggi untuk menarik pelabur dalam bidang ini atau tidak, pun jadi satu faktor yang penting. Jadi perkara berkenaan dengan pusat perikanan ini telah terlibat agensi-agensi dan kementerian-kementerian lain dan kita boleh berunding dengan kementerian dan agensi yang lain untuk menyelesaikan perkara ini.

Tuan Pengerusi berkenaan dengan WTO, mesyuarat-mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Kerja memang ada di Geneva, jadi Malaysia hantar satu rombongan ke sana dan bertapak di sana dan berunding dengan semua negara di sana dan selain daripada itu WTO mempunyai mesyuarat menteri, kementerian-kementerian dan di peringkat UNCTAD, WTO banyak pandangan, cadangan, rundingan pun sudah dibuat dan dikemukakan kepada semua mesyuarat atau badan-badan pelbagai bangsa itu. Malaysia ada memainkan peranan yang penting di dalam mesyuarat itu. Butir-butirnya pun sudah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini beberapa kali. Jadi saya tidak hendak memanjang lebar dalam perkara ini.

Yang Berhormat bagi Jeli membangkitkan teknologi tinggi Malaysia tertinggal. Beliau sebutkan Thailand sebagai satu negara untuk jadi bandingan. Pada pendapat saya teknologi tinggi di Thailand adalah tertinggal daripada Malaysia, Malaysia lebih tinggi daripada itu, bukan dari segi E&E, dari segi automotif di Thailand itu pun tidak semaju seperti Malaysia sebab industri automotif itu dikuasai oleh syarikat-syarikat USA, Jepun dan mana-mana negara, itu bukan industri Thailand tulen. Malaysia sungguhpun kecil tetapi Proton telah melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Kedua itu dengan teliti. Proton telah mengadakan.....

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Dato' Kerk Choo Ting: Nanti saya habiskan dahulu.

Proton mengadakan R&D Centre, Proton mereka bentuk kereta sendiri, tunggulah satu dua tahun kereta Malaysia yang tulen akan keluar dan ini akan

bermutu tinggi, kos rendah dan dapat bersaing di mana-mana tempat. Sekarang Proton masih terikat perjanjian dengan Mitsubishi di mana banyak teknologi, banyak syarat-syarat yang ketat diadakan. Jadi Proton tidak boleh membuat apa-apa.

Dasar Malaysia ini ialah kita mesti mempunyai teknologi tersendiri, jangan bergantung kepada negara-negara lain, yang membuat R&D, dan yang mencipta modal yang baru, barulah beri kepada negara-negara maju untuk memproseskan itu. Kalau begitu ini bercanggah dengan semangat Pelan Induk Perindustrian Kedua.

Dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2), kita mementingkan bukan sahaja pemrosesan R&D dan reka bentuk itu mesti kita adakan dan juga kita mementingkan jenama tersendiri dan juga pemasaran. Nilai yang ditambah di dalam pemrosesan itu mungkin 20% sahaja. Nilai yang ditambah di dalam perindustrian hulu dan hiliran mempunyai lebih kurang 80%. Jadi kita jangan makan tulang sahaja kita mesti makan daging, itulah satu perbezaan di antara teknologi Malaysia dengan teknologi di Thailand.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja, sekian. Sekiranya ada yang belum saya sempat jawab, kementerian saya akan memberi.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak sempatkah bertanya satu soalan Yang Berhormat Menteri? Yang saya maksudkan itu dari segi SMI kerana saya berkesempatan - minta maaf Tuan Pengerusi, saya berkesempatan melawat beberapa kilang-kilang SMI Thailand selepas bertemu dengan beberapa syarikat-syarikat daripada Jepun. Jadi mereka syorkan supaya terutama industri automotif, industri kulit, industri pakaian dan pelbagai industri. Kalau kita lihat bahawa industri mereka sudah, Thailand walaupun dari sudut kereta itu saya setuju tahap yang tertentu tetapi kalau kita lihat industri kulit sudah berapa lama sudah. Jenama kulitnya sudah jauh meninggalkan kita, umpamanya, pakaian jauh sudah meninggalkan kita.

Jadi sebab itu saya melihat dari sudut-sudut industri seperti ini. Kalau automotif saya agree, dia maju tetapi memang teknologi Amerika, bagaimana dengan industri yang saya sebutkan tadi yang kebelakang. Sekian terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Pengerusi, kita telah meninjau dan mengkaji industri di Thailand. Thailand memang mempunyai competitive advantage yang tersendiri seperti makanan, beras, buah-buahan dan mengimport produk-produk buah-buahan yang sudah ditinkan. Itu memang ia mempunyai competitive yang advantage. Mengenai kulit dengan pakaian Malaysia mempunyai competitive advantage

tersendiri. Pakaian-pakaian dipasarkan kepada Amerika Syarikat dan Eropah, kita boleh mencatatkan 20% harga yang lebih tinggi daripada mana-mana tempat di Asian. Ini menunjukkan kualiti Malaysia ini lebih tinggi daripada negara-negara jiran, ini tidak betul.

Sekiranya Yang Berhormat ada pandangan atau bukti-bukti yang lain atau cadangan-cadangan yang lain sampaikan kepada kementerian segera, kita akan timbangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM165,350,5000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM165,350,500 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM166,847,060 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM166,847,060 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

Maksud B.21 [Jadual] –

Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2000] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahas. Tanjong.

12.16 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh tentang Butiran 020400, Harta Intelek.

Tuan Pengerusi, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sektor perniagaan sedang menghadapi satu isu iaitu pungutan Lesen Hakcipta Muzik yang sering kita dengar dan didakwa sebagai satu tindakan yang kurang adil. Baru-baru ini tercetus

pula pertikaian di antara syarikat lesen hakcipta muzik iaitu Phonographic Performance (M) Sdn. Bhd. (PPM) dengan Gabungan Persatuan Pengusaha Kedai Kopi Malaysia-Singapura atas isu pungutan Lesen Hakcipta Muzik dan pertikaian ini berlarutan berminggu-minggu dan selepas campur tangan politik Pemuda MCA, perkara ini masih belum dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, pertikaian ke atas Lesen Hakcipta Muzik yang sentiasa berlaku menunjukkan bahawa Akta Hakcipta tahun 1987 ini mengandungi banyak loopholes, dengan izin, yang digunakan oleh syarikat-syarikat rakaman rekod untuk menuntut hakcipta-hakcipta yang melepasi skop dan perlindungan hakcipta yang diberikan oleh akta ini dan juga konvensyen-konvensyen antarabangsa mengenai hakcipta. Satu isu yang tidak harus dipertikaikan, Tuan Pengerusi, adalah hak bagi seseorang ataupun kumpulan pencipta asal untuk mendapat faedah daripada ciptaan mereka selaras dengan *Bernes Convention For The Protection Of Literally And Artistic Works* 1885.

Akta Hakcipta Malaysia 1987 juga bertujuan untuk memberi perlindungan kepada ciptaan asal daripada dieksploitasikan oleh produk-produk hakcipta rompak. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, isu hakcipta rompak sering kali dihubungkan dengan isu pungutan lesen hakcipta. Satu isu pertikaian adalah sama ada PPM ataupun MACP (Music Authors Copyright Protection) ataupun RIM (Recording Industry of Malaysia) telah melaksanakan pungutan lesen hakcipta yang melepasi peruntukan Akta Hakcipta dan juga *Rome Convention For The Protection Of Performance Producers Of Phonogram and Broadcasting Organizations* tahun 1961.

Tuan Pengerusi, PPM mendakwa bahawa mereka berhak mengenakan lesen hakcipta atas pertunjukan, tayangan ataupun permainan kepada awam seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 13(1), Akta Hakcipta. Saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa di bawah Seksyen 13(2)(k), hak pengawal tidak termasuk hak di mana pertunjukan, tayangan ataupun permainan sesuatu karya atau oleh sesuatu kelab ataupun institusi yang bukan mencari keuntungan jika pertunjukan, tayangan atau permainan itu adalah bagi maksud pendidikan dan diadakan di sesuatu tempat di mana tiada fee kemasukan ataupun entrance fee dikenakan.

Tuan Pengerusi, akan tetapi menurut jadual bayaran lesen hakcipta yang dikeluarkan oleh PPM, persatuan dan kelab juga dikehendaki membayar lesen untuk memainkan muzik ataupun karaoke set yang dikenakan bayaran di antara RM600

hingga RM3,000. Ini tidak adil kerana kebanyakan persatuan dan kelab-kelab sosial tradisional tidak mengenakan fi kemasukan untuk menonton TV di premis mereka ataupun membenarkan *senior citizens* untuk menyanyi dengan menggunakan set-set karaoke di premis mereka.

Satu lagi pertikaian yang timbul adalah terdapat lebih dari satu badan yang diberi kuasa untuk mengutip bayaran lesen hakcipta iaitu PPM dan MACP yang menyebabkan sektor perniagaan tertentu dikenakan membayar lesen dua kali kepada PPM dan MACP. Apabila membandingkan jadual bayaran kedua-dua badan ini, kita mendapati sasaran mereka adalah sama juga iaitu lounge, bar, coffee house, restoran, kedai kopi, discotheque, night club, amusement park, shopping centre, beauty and hair saloon dan tempat awam. Jadi, apakah pengusaha-pengusaha perniagaan ini perlu membayar lesen sebanyak dua kali?

Pertikaian-pertikaian berlaku, Tuan Pengerusi, dan berlarutan tahun ke tahun adalah kerana pihak-pihak yang bertikai khususnya sektor perniagaan, persatuan atau kelab yang dikenakan lesen ini tidak dapat mencari penyelesaian. Dari segi ini, Akta Hakcipta telah dipinda pada tahun 1996 iaitu untuk memasukkan Seksyen 27(a) hingga 27(l) yang memberi perlindungan kepada para pengguna dari tindakan-tindakan daripada PPM dan lain-lain badan dan juga mengenai skim pelesenan mereka dengan merujuk kepada sebarang pertikaian sama ada mereka ada hak atau tidak berhak untuk mengutip lesen dan juga mengenai skim pelesenan mereka di bawah seksyen yang baru boleh dirujuk kepada Tribunal Hakcipta.

Tuan Pengerusi, Seksyen 27 dengan jelasnya memberi kuasa kepada para pengguna yang mempertikaikan skim pelesenan untuk merujuk pertikaian itu kepada Tribunal Hakcipta. Jika kita meneliti Seksyen 27(b) ada kaitan dengan rujukan skim pelesenan yang dicadangkan kepada Tribunal. Jadi, satu soalan yang timbul adalah sama ada skim pelesenan yang selama ini dikenakan oleh PPM yang boleh *dibargain* oleh badan-badan ataupun syarikat-syarikat yang tidak puas hati sama ada kementerian, dari segi ini berhak untuk mengawal skim pelesenan yang dikenakan oleh badan-badan yang mengutip lesen seperti apabila Timbalan Menteri menggulung di dalam peringkat dasar, saya pun ada menuju satu soalan mengenai perkara ini. Tetapi di dalam akta ini memang tidak ada sentuh mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh kementerian sebelum skim pelesenan dapat dikuatkuasakan.

Tuan Pengerusi, dua puluh

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi, penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat Ahli bagi Tanjong bahawa Yang Berhormat bagi Ampang Jaya iaitu Timbalan Menteri bagi Kementerian Belia dan Sukan selaku Ketua Pemuda MCA telah berkali-kali menyaran dalam surat khabar, menyeru pihak-pihak yang berkenaan atau yang terlibat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingat perkara ini juga tadi telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya hendak tanya dia supaya tidak payah bayar kepada PPM untuk lesen hakcipta. Adakah Yang Berhormat bagi Tanjong akan mengambil peluang ini untuk mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya memberi satu pandangan dan idea terhadap saranan Yang Berhormat bagi Ampang Jaya ini kerana dia selaku seorang Timbalan Menteri.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya rasa sudah cukup sebab masa untuk pertanyaan pun sudah suntuk.

Tuan Lim Hock Seng: Jawapannya ada.....

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, saya faham. Saya rasa lebih eloklah bagi Ketua Pemuda MCA yang juga menjadi seorang anggota kerajaan dan juga Pemuda MCA, merujuk perkara ini kepada kementerian, kerajaan dan juga akta ini untuk mencapai satu penyelesaian, tidak perlulah saya rasa dalam perkara ini memainkan politik sebagai jaguh di luar Dewan tetapi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chow Kon Yeow:di dalam

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lebih daripada 10 minit.

Tuan Chow Kon Yeow: Okay, di dalam kerajaan tidak buat apa-apa. Akhirnya Tuan Pengerusi, saya rasa kegagalan pihak kerajaan menubuhkan tribunal sesungguhnya akta ini digubalkan pada tahun 1987, terdapat satu kelewatan selama 12 tahun, Tribunal Hakcipta ini masih belum ditubuhkan. Ini jadi satu masalah dan berharap kementerian akan mengatasi kelalaian mereka dan mengambil tanggungjawab dan inisiatif untuk membentuk tribunal dan menyelesaikan segala pertikaian yang timbul di arena Lesen Hakcipta Muzik ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Klang.

12.28 tgh.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 21, Butiran yang sama iaitu 020400 mengenai Harta Intelek dan juga 03000, Consumerism.

Tuan Pengerusi, PPM Sdn Bhd telah menuntut bayaran daripada mereka yang menyiarkan muzik melalui kaset dan juga cakera padat. Mereka yang telah menerima surat tuntutan bayaran termasuk bukan sahaja lounge-lounge karaoke atau operator karaoke tetapi juga kedai-kedai kopi, teksi-teksi, bas-bas yang menyiarkan muzik melalui radio dan juga pejabat-pejabat yang menggunakan mesin telefon yang menyiarkan muzik masa menunggu. Tuntutan bayaran yang dilakukan oleh PPM itu amat mengelirukan dan telah menjadi satu isu kontroversi dan saya ingin mengambil kesempatan hari ini supaya mendapat beberapa penjelasan daripada kementerian yang berkenaan.

Adakah PPM berhak memungut bayaran daripada mereka yang menyiarkan muzik melalui radio dan TV, di kedai-kedai kopi, memandangkan pihak-pihak radio dan TV telah pun membuat bayaran kepada PPM untuk menggunakan muzik-muzik yang disiarkan.

Masa kini penyiaran radio dan TV di kedai-kedai kopi dan juga teksi-teksi merupakan satu saluran maklumat dan berita untuk orang ramai dan ia memainkan satu peranan yang penting dalam usaha kita membina sebuah masyarakat yang berinformasi. Telah menjadi kenyataan untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan radio dan TV, kerajaan telah menghapuskan yuran lesen radio dan TV. Jadi, sekiranya PPM dibenarkan memungut bayaran daripada kedai-kedai kopi dan teksi-teksi yang menggunakan radio dan TV, tidakkah itu merupakan satu tindakan yang bertentangan dengan dasar-dasar dan juga matlamat kerajaan.

Saya difahamkan sebelum PPM memulakan memungut bayaran daripada pengguna muzik kaset itu mereka terpaksa mengadakan satu rundingan dengan pengguna berkenaan supaya mendapat suatu persetujuan berkenaan dengan jumlah bayaran yang patut dikenakan. Dan sekiranya tidak ada persetujuan atau terdapat sesebuah pihak yang tidak berpuas hati maka mereka boleh merujuk kes itu kepada suatu tribunal hak cipta tetapi apa berlaku sekarang ialah jumlah bayaran telah dikenakan sembarangan atau 'arbitrary' oleh PPM. Saya ingin tahu sama ada tribunal hak cipta ini ditubuhkan di negara kita, kalau tidak, mengapa Akta Hakcipta telah diluluskan pada tahun 1987. Mengapa setelah Akta ini telah diluluskan selama 12

tahun, tribunal hak cipta itu masih belum ditubuh dan dalam Belanjawan tahun ini saya juga dapati tidak ada peruntukan untuk tujuan ini. Jadi saya harap kementerian berkenaan akan dapat menubuhkan tribunal ini dengan secepat mungkin.

Tuan Hoo Seong Chang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kluang bangun.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Datuk Pengerusi, dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Klang sebab saya tadi tak sempat untuk tanya Yang Berhormat bagi Tanjong apabila sebut tentang PBM ini. Saya sebenarnya telah ambil bahagian dalam perbahasan di peringkat dasar di mana soalan-soalan seperti ini telah pun saya bangkitkan dan setujukah Yang Berhormat dengan saya, selain daripada saya bangkit dalam Parlimen ini dan Yang Berhormat bagi Ampang Jaya selaku Ketua Pemuda MCA beberapa kali ada menunjukkan pandangan pihak pemuda MCA tentang perkara ini dan ada pula juga berjumpa dengan kementerian dapat penjelasan dan juga penerangan tentang harga lesen yang dipungut oleh PBM ini dan saya percaya sama ada kementerian dalam hal ini dengan usaha pemuda MCA dalam perkara ini sampai ada satu tahap kita dapat satu penyelesaian. Saya berharap dengan adanya sekali lagi dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Klang, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari ini dapat memberi satu penjelasan yang lebih jelas supaya perkara ini dapat diselesaikan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya memang bersetuju dengan apa cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen bagi Kluang dan saya ingin mengambil kesempatan pagi ini untuk memuji tindakan yang dilakukan, yang diambil oleh pemuda MCA. Datuk Pengerusi, oleh sebab tidak terdapat suatu tribunal hak cipta maka pengguna tidak mempunyai suatu saluran untuk membuat rayuan. Memandangkan isu ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai, saya berpendapat kerajaan haruslah campur tangan dalam hal ini supaya satu penyelesaian dapat diperolehi demi menjaga kepentingan golongan yang berpendapatan rendah agar mereka sentiasa mendapat perlindungan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

12.35 tgh.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, Butiran di bawah Pentadbiran dan Perancangan serta Konsumerisma.

Saya ingin menyentuh mengenai isu harga. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri. Apabila kerajaan memerangi kenaikan harga, kita menggunakan tema Inflasi Sifar. Jadi saya ingin mendapat penjelasan bagaimana tema Inflasi Sifar ini timbul kerana dalam kedudukan yang kita lihat, fenomena empirical, dia berlaku kenaikan harga. Jadi sama ada kita patut menggunakan Inflasi Sifar ataupun harga stabil. Ini yang saya ingin dapat penjelasan di mana saya nyatakan tadi bahawa baik dari segi rekod historical mahupun study empirical, harga tidak akan tetap, dia mesti naik. Kalau kita lihat dari segi komponen harga, komponen harga terdiri daripada margin keuntungan dan juga kos pengeluaran dan apabila kita perincikan kos pengeluaran, kita dapati bahawa kos pengeluaran terdiri daripada pelbagai input, satu dari segi bahan mentah, upah, faedah bank, sewa dan sebagainya dan tiap-tiap komponen ini akan menghadapi kenaikan harga dari kenaikan kos dari masa ke semasa, umpamanya upah. Individu akan memohon upah yang besar dari tahun ke tahun malah kalau kita lihat dari segi gaji di negara kita, terdapat kenaikan secara purata lebih kurang 10% setahun. Apabila ini diinputkan dalam kos, tentu akan menaikkan harga kecuali jika pengeluar sanggup untuk menurunkan margin keuntungan.

Saya membangkitkan perkara ini kerana sekiranya kita katakan Inflasi Sifar pada hal Inflasi Sifar ini bukan satu yang betul yang boleh kita laksanakan. Kita akan memberi isyarat yang tidak betul kepada masyarakat. Kita tidak mendidik masyarakat dengan cara yang betul dan ini mendatangkan kekeliruan dalam masyarakat. Apabila berlaku kenaikan harga, anggota masyarakat akan merasa tidak senang dengan itu kerana fahaman masyarakat bahawa harga tidak naik. Ini dinyatakan oleh kementerian. Dengan demikian, saya minta penjelasan daripada kementerian mengenai dengan konsep Inflasi Sifar tersebut.

Kedua, kita selalu berhadapan dengan kenaikan harga yang mendadak dalam bahan-bahan tertentu. Saya berpendapat, selain daripada kita berikhtiar dari segi penguatkuasaan, kita juga mesti melihat dari segi sudut penawaran, sistem penawaran, supply sight of the economy, yang ini saya anggap penting. Kalau kita lihat dari segi penawaran, bermula dari pembekal bahan mentah, kemudian transportation, pergi

kepada pengilang, wholesaler, retailer, dan juga penyewa sama ada penyewa kilang, bangunan, supermarket dan sebagainya. Jika sekiranya semua peringkat ini mencapai tahap efficiency yang tinggi, saya percaya masalah perbekalan yang tidak cukup ini tidak akan berlaku. Yang berlaku apabila dia tidak ada balance development, tidak ada balance di antara semua peringkat, jadi dia jadi tempang. Mungkin pengeluar bahan mentah tidak mengeluarkan dengan cukup, transportation yang tidak betul, kemudian pengilangnya tidak begitu efisien, wholesalernya tidak efisien, begitu juga dengan retailer dan penawaran ruang niaga juga mungkin tidak cukup. Inilah punca mengapa kita dapati berlaku perbekalan yang tiba-tiba tidak ada. Jadi saya berpendapat bahawa sekadar buat penguatkuasaan ke atas retailer ataupun wholesaler, dia tidak akan mencukupi, dia mesti dikaji daripada peringkat bawah lagi masalah-masalah tersebut.

Ketiga, mengenai dengan peranan persatuan-persatuan perniagaan. Saya dapati di negara kita, walaupun kita mengamalkan sistem pasaran ekonomi di bidang-bidang yang kerajaan tidak membuat peraturan bermakna bahawa peniaga bebas untuk menetapkan harga. Harga ditentukan oleh peniaga dan juga permintaan daripada pembeli. Saya dapati ada campur tangan persatuan peniaga untuk menentukan harga dan saya dapati bahawa ini mendatangkan kesukaran untuk kita menetapkan harga yang baik. Harga yang baik maksud saya umpamanya dalam satu persatuan perniagaan, katalah ada 20 pengeluar, daripada 20, cost factor tiap-tiap 20 ini berbeza, ada yang lebih efisien daripada yang lagi satu. Yang efisien akan dapat menikmati kos yang rendah, yang tidak efisien kos yang tinggi tetapi dengan sebab campur tangan persatuan perniagaan, maka harga yang ditetapkan itu sama. Sepatutnya, harga mesti berasaskan kemampuan pengeluar. Kalau pengeluar boleh mengeluarkan sesuatu produk pada harga yang rendah, dijual pada harga yang rendah, baru wujud satu kompetitif situasi kompetitif, daya saing yang baik dalam pasaran kita yang akhirnya akan meningkatkan efficiency semua pengilang-pengilang atau pengeluar-pengeluar dalam industri tersebut. Tetapi oleh kerana campur tangan persatuan menetapkan harga yang tertentu maka kita tidak dapat kompetitif price dan ini juga akan merugikan anggota masyarakat selain daripada kita dapat mewujudkan industri yang lebih kompetitif, lebih efisien, dia merugikan masyarakat dari segi kita tidak dapat menikmati harga yang baik yang boleh kita nikmati sekiranya tidak ada campur tangan daripada persatuan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya nak sentuh sedikit mengenai dengan Registrar Of Companies, tentang Peningkatan Sistem Pengautomasian Fail Perniagaan (SAFARI). Saya ingin dapat penjelasan lebih lanjut mengenai dengan perkara ini kerana saya memang menyokong cita-cita kerajaan untuk mewujudkan e-government dan tentunya e-government ini akan menguntungkan konsumer seperti kita semua. Dari segi syarikat-syarikat yang mendaftar dengan Registrar Of Companies, bagi saya sebagai konsumer yang hendak access kepada fail-fail ini, saya terpaksa pergi secara fizikal diri saya sendiri pergi ke pejabat Registrar Of Companies dan ini tidak mewujudkan efficiency dalam sistem kita. Adakah dengan adanya pengautomasian, tetapi saya tengok kosnya sedikit sangat, RM1.063 juta tetapi soalan saya adakah dengan adanya peruntukan ini kita dapat access fail tersebut melalui internet.

Saya dari segi access fail syarikat-syarikat dalam internet tidak sukar dari segi untuk mendapatkan bilangan syarikat, nama syarikat-syarikat tertentu kita dapat access tetapi kalau detail dalam fail sebenarnya yang berada di Registrar Of Companies banyak dokumen-dokumen tersebut terutama penyata kewangan, dokumen debenture, charges dan sebagainya bolehkah kita dapatkan melalui sistem ini, latar belakang syarikat dan sebagainya kerana saya berpendapat sudah tiba waktu kementerian serius dalam soal untuk mewujudkan efficiency dari segi pemberian maklumat Registrar Of Companies ke atas syarikat-syarikat yang berdaftar di negara kita untuk kegunaan semua pihak, baik saya sebagai konsumer mahupun banker, creditor, lawyers dan sebagainya agar melalui sistem yang lebih kemas kini itu akan mewujudkan efficiency dalam industri kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena.

12.45 tgh.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh soal B.21, Butiran 030000, 030100, 030200.

Pertama, ingin saya sentuh tentang persoalan yang dihadapi oleh pengguna pada hari ini oleh orang ramai terhadap masalah yang berkaitan dengan penipuan dan penyelewengan pasaran khususnya menyentuh soal barangan-barangan yang digunakan oleh para pengguna pada hari ini yang digambarkan sebagai suatu barangan yang baik tetapi hakikatnya apa yang berlaku adalah sebenarnya barangan itu adalah barangan yang tidak baik ataupun mengandungi perkara-perkara yang boleh memberi kesan sampingan kepada masyarakat yang menggunakan barangan-barangan

tersebut. Contoh yang ingin saya bawa selain daripada barangan-barangan yang telah diperkatakan selama ini ialah tentang barang-barang yang berkaitan dengan buah-buahan dan juga alat-alat solek ataupun kosmetik yang digunakan pada hari ini. Yang mencemaskan para pengguna pada hari ini seolah-olah tidak ada sesuatu kesungguhan dari sudut penguatkuasaan kementerian untuk memastikan barangan-barangan ini bebas daripada benda-benda yang merbahaya.

Mengikut beberapa kajian yang dibuat baru-baru ini terdapat barang-barang makanan khususnya buah-buahan ini termasuk juga dengan kosmetik mengandungi kimia-kimia yang sangat merbahaya di pasaran seperti mana buah-buahan import yang disemur dengan racun '*tiobendazole*' terhadap buah oren dan juga 24D atau racun yang dipanggil juga ejen oren iaitu yang diguna untuk membunuh, cuma bunuh yang digunakan dalam perang Vietnam sebelum ini.

Semalam saya terbaca dalam akhbar *Berita Minggu* kalau tidak silap ingatan saya, ruangan luar negeri yang menceritakan tentang bagaimana kehidupan anak yang dilahirkan oleh seorang ibu yang terhidu, yang terkena racun yang saya sebutkan tadi itu, anak itu dilahirkan dalam keadaan yang terencat, yang terbantut. Proses pembesarannya tidak begitu baik dan ini sangat merbahaya. Inilah yang terdapat dalam pasaran kita yang digunakan untuk memberi satu gambaran bahawa buah-buahan ini sangat baik umpamanya seperti buah limau digunakan dan racun serangga yang digunakan sehingga tujuh peringkat termasuk racun kulat dan juga kimia pencuci yang digunakan untuk membersihkan buah-buahan khususnya terhadap buah epal dan ini sangat merbahaya kepada kesihatan manusia. Sebab itu saya kira bahawa kementerian seharusnya mengambil suatu tindakan yang lebih kuat untuk memastikan supaya keselamatan para pengguna akan terjamin dan kesihatan para pengguna juga akan terjamin. Begitu juga dengan soal kosmetik ataupun alat-alat solek yang digunakan seperti Syampu Pantene Pro-V, Villa Colour, Kao Feather dan sebagainya juga mengandungi bahan-bahan racun atau bahan-bahan kimia yang sangat merbahaya.

Tahun sudah, kalau tidak silap ingatan saya bahawa buah mata kucing sendiri sudah pun dikenal pasti sebagai buah yang mengandungi sejenis bahan kimia ataupun racun sulfur dioksida dan juga sejenis lagi racun yang dipanggil oleh masyarakat Melayu sebagai kapur barus yang digunakan untuk diletakkan pada mayat si mati. Ia digunakan untuk pemprosesan buah-buahan tersebut sehingga memberikan kesan

sampingan yang sangat berbahaya kepada pengguna. Oleh sebab itu, kita minta kementerian supaya lebih bertanggungjawab untuk memastikan produk-produk yang berbahaya ini tidak lagi memenuhi pasaran-pasaran kita pada sekarang ini.

Begitu juga dengan soal masalah penggunaan barangan-barangan yang dijamin halal khususnya untuk kepentingan umat Islam. Sekarang kita lihat bahawa penggunaan bahan-bahan campuran dan sampingan yang tidak halal seperti najis-najis tertentu seperti gelatin daripada khinzir, lecithin, rennet way dan sebagainya digunakan secara meluas sehingga menyebabkan tidak ada satu kawalan dan keselamatan jaminan bahawa orang Islam boleh mendapat bahan-bahan tersebut yang bebas daripada unsur-unsur subahat yang ada kaitan dengan perkara-perkara yang haram.

Saya difahamkan bahawa hingga kini hanya terdapat sebuah syarikat sahaja iaitu setakat tahun 1997 mengikut rekodnya, hanya ada sebuah sahaja syarikat iaitu Halalgel Sdn Bhd yang mengimport gelatin halal yang disahkan oleh JAKIM daripada Pakistan di kilang di Mongolia untuk kegunaan industri makanan dan juga makanan tambahan *hard and soft capsule* di mana syarikat ini hanya mengimport dalam sekitar 100 tan metrik. Ini mengikut rekod daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, hanya 100 tan metrik sahaja, sedangkan kegunaan gelatin di dalam negara kita sebenarnya memerlukan kepada sebanyak 500 tan gelatin satu tahun, itu mengikut tahun 1997. Saya percaya bahawa sekarang tahun 2000 sudah tentulah bahawa jumlah kegunaan gelatin itu melebihi - maksud gelatin yang halal diperlukan sebanyak 500 tan gelatin. Bila hanya sebuah syarikat sahaja yang mampu hanya mengimport 100 tan gelatin, ini bermakna bahawa lagi 400 tan gelatin itu mungkin digunakan gelatin-gelatin yang tidak halal yang boleh memberikan kesan yang sangat tidak baik kepada kehidupan masyarakat khususnya orang Islam dari sudut halal, haramnya. Oleh sebab itu, kementerian harus mencari jalan supaya memastikan perkara-perkara ini agar tidak memberikan kesan yang tidak baik kepada masyarakat dalam negara kita khususnya pengguna-pengguna di kalangan orang-orang Islam.

Akhirnya apa yang saya sebutkan tadi semuanya itu adalah berkaitan dengan soal pendidikan pengguna juga. Kerajaan juga harus, khususnya pihak kementerian harus memberikan satu pendidikan kepenggunaan secara yang lebih serius kepada

masyarakat supaya mereka dapat mengenal pasti tentang hak-hak kepenggunaan mereka.

Mengikut satu kajian yang dibuat oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang baru-baru ini mendapati hanya 8.5% sahaja daripada pelajar-pelajar IPTA ataupun universiti awam di Malaysia yang mengetahui tentang kelapan-lapan hak pengguna tersebut. Ini maknanya kepada pelajar-pelajar universiti bukan lagi kepada orang-orang kampung. Kalau orang kampung mungkin tidak memahami secara yang lebih luas daripada penuntut-penuntut universiti. Apatah lagi orang-orang kampung diberikan gambaran dengan iklan-iklan yang sangat merosakkan pemikiran mereka menyebabkan mereka mengguna apa sahaja barangan yang dilihat melalui tarikan iklan-iklan yang terdapat dalam negara kita. Jadi sebab itu pada saya bahawa di kalangan pelajar-pelajar itu pula didapati hanya 5% sahaja yang mengetahui lima tanggungjawab pengguna yang sepatutnya difahami oleh para pengguna terdapat di dalam negara kita. Sedangkan lapan-lapan hak pengguna itu telah pun diperakui oleh kementerian sendiri di dalam Buku Panduan Pengguna Edisi Kedua kementerian mengatakan bahawa hak itu sepatutnya sudah hak yang diterima secara universal oleh seluruh masyarakat di dunia iaitu hak ataupun lapan hak pengguna yang telah pun dilulus oleh International Organization Of Consumer Union (IOCU) di peringkat antarabangsa yang sepatutnya diberikan kefahaman kepada masyarakat kita khususnya kepada pengguna-pengguna iaitu hak untuk mendapat keperluan asas yang pertama, hak untuk mendapat maklumat. Ini juga kita lihat bahawa pengguna-pengguna tidak begitu mendapat maklumat yang sebenar tentang barangan-barangan yang seharusnya mereka guna dan kadang-kadang diberikan gambaran umpamanya melalui iklan-iklan. Maklumat yang diberikan ialah iklan supaya mereka mengguna barangan-barangan yang sebenarnya berlaku penipuan dan penyelewengan terhadap kegunaan barangan-barangan tersebut. Ini juga berkaitan dengan soal media. Saya kira berkaitan juga dengan soal media apabila berlaku sekatan-sekatan terhadap media-media yang boleh membantu pihak kementerian, pihak kerajaan menyebabkan ramai pengguna-pengguna tidak mendapat hak ataupun tidak mendapat pengetahuan tentang kelapan-lapan hak pengguna khusus macam *Harakah*. Bila dihadkan pengeluarannya menyebabkan *Harakah* tidak boleh berupaya untuk menyumbang kepada pengguna.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila gulung, masa suntuk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Begitu juga dengan perkara-perkara yang lain iaitu hak keselamatan dan bahaya satu-satu projek, hak untuk memilih, hak untuk bersuara dan memberikan pendapat, hak untuk mendapat ganti rugi dan hak dalam soal-soal berkaitan dengan soal pendidikan ini. Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya satu kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dapat diadakan untuk mewujudkan satu mata pelajaran khusus di sekolah-sekolah khususnya di peringkat akar umbi di sekolah rendah, sekolah menengah khususnya dan juga di institut pengajian tinggi (IPT) tentang kepentingan-kepentingan keperluan kepada mereka mengetahui hak-hak yang berkaitan dengan soal kepenggunaan supaya masa hadapan masyarakat yang akan berkembang dalam Malaysia ini - dalam negara kita ialah masyarakat yang benar-benar memahami tentang hal-hal yang berkaitan dengan penggunaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

12.55 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran B.21, 030000 - Konsumerisma.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Tribunal Pengguna. Tribunal Pengguna yang baru-baru berfungsi ini telah menyelesaikan satu, dua perkara selepas ia ditubuhkan. Saya ingin menanya sama ada Tribunal Pengguna ini akan ditubuhkan di semua negeri atau di pusat sahaja iaitu Kuala Lumpur sini sahaja. Dan selepas menerima pengaduan barulah mengaturkan supaya Tribunal ini dipindahkan ke negeri-negeri yang lain. Juga saya ada baca dalam surat khabar bahawa menteri berkenaan ada berkata, "kelab-kelab pengguna akan ditubuh di semua desa-desa dan taman-taman perumahan". Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apa erti kelab-kelab pengguna dan apa fungsinya sama ada kelab-kelab pengguna ini juga akan menerima pengaduan seperti Tribunal Consumer ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin membawa satu perkara spesifik iaitu kakitangan-kakitangan rendah dari kerajaan telah ditipu kerana menandatangani agreement atau perjanjian jual-beli di mana mereka dika takan hendak memesan perabot-perabot yang berharga lebih kurang RM10,000. Tetapi sebaliknya mereka tidak dapat perabot-perabot yang tersebut malah mereka telah diberi wang tunai sebanyak lebih kurang

RM3,000 lebih melalui bank secara terus masuk (online) ke akaun mereka. Selepas surat jual-beli ditandatangani, maka mereka memberi kuasa kepada satu badan di mana gaji mereka telah dipotong. Gaji bulanan mereka dipotong setiap bulan dipotong lebih kurang RM228.00 untuk selama empat tahun. Jadi empat tahun satu jumlah lebih kurang RM11,000. Terima RM3,000 lebih kurang tetapi kena bayar lebih kurang RM10,000. Bolehkah perkara ini di mana kakitangan-kakitangan rendah kerajaan, lebih spesifik kerajaan tempatan membawa kes ini kepada Tribunal Pengguna di mana ia ada bukti-bukti menerima wang tunai melalui bank di mana mereka ada bukti-bukti mengesahkan bahawa barang-barang perabot seperti yang dijanjikan tidak diterima dan perkara ini boleh diselesaikan.

Tuan Pengerusi, juga saya hendak membawa perkara-perkara berkenaan dengan iklan-iklan pusat persolekan (beauty saloon). Banyak kita baca dalam surat khabar, dengan gambar-gambar kononnya boleh mengurangkan berat badan atau gemuk. Dahulu dikatakan tujuh hari lepas itu ada iklan-iklan mengatakan boleh mengurangkan berat badan dalam satu hari. Sekarang malah dalam satu, dua jam pun boleh mengurangkan berat badan. Jadi, sama ada iklan ini benar atau tidak. Saya baca dalam surat khabar di Philippine baru-baru ini. Anggota-anggota polis semua dijalankan satu operasi gemuk di mana mereka diberi had, tempoh untuk mengurangkan berat badan mereka. Kalau tidak mereka akan dipecat dari jawatan. Mungkin salun-salun persolekan di negara kita ini berpindah ke Philippine supaya boleh mengurangkan berat badan di negara Philippine, di mana ada ramai pelanggan-pelanggan di sana.

Tuan Pengerusi, iklan juga ada menyatakan bahawa sejenis krim yang boleh mencantikkan satu-satu bahagian tubuh badan, boleh mencantikkan satu bahagian tubuh atau badan manusia dan juga ada krim atau ubat yang boleh menyembuhkan jerawat-jerawat atau dikatakan *acne*. Sama ada ini benar atau tidak benar saya berharaplah kementerian boleh menjalankan satu kajian sekiranya semua ubat-ubat ini dan cara-cara proses [disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Lim Hock Seng: Ada satu, dua perkara sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Tuan Lim Hock Seng: 10 minit bukan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak tanya banyak lagi?

Tuan Lim Hock Seng: Ada dua perkara, pendaftaran syarikat dan pendaftaran perniagaan. Itu sahaja. Jadi, kalau semua ini berkesan, Malaysia adalah satu Malaysia yang boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Tuan Lim Hock Seng: Boleh. Jadi, sekiranya iklan-iklan ini semua tidak benar, semua palsu maka tindakan akan diambil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sambung pada petang ini.

Seorang Ahli: Sambung petang.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bagan, sila sambung.

2.32 ptg.

Tuan Lim Hock Seng : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebentar tadi saya ada berkata bahawa kakitangan rendah di kerajaan tempatan telah ditipu kerana menempah barang-barang perabot tetapi sebaliknya mereka mendapat wang tunai. Saya ingin memberi maklumat yang berlanjutan demi untuk kemudahan siasatan kementerian iaitu perjanjian ini adalah ditandatangani dengan Yayasan KOBENA dan potong gaji daripada kerajaan tempatan melalui Biro Perkhidmatan Angkasa.

Tuan Pengerusi, 020200 Pendaftaran Syarikat dan 020300 Pendaftaran Perniagaan. Tuan Pengerusi, terdapat banyak syarikat, apabila mereka mendaftar sebagai sebuah syarikat dan menyewa ruang kedai untuk berniaga tetapi selepas beberapa bulan kemudian, mereka hilang begitu sahaja. Mereka akan menempah barang-barangan daripada syarikat-syarikat atau producers dengan izin, dan pada satu malam sahaja mereka akan memindah semua barang-barang mereka dan besok hari apabila creditors sampai, maka terdapat kedai itu telah tutup dan apabila mereka

mengetahui kedai itu telah tutup mereka akan pergi cari di rata-rata tempat tetapi tidak dapat.

Mereka membuat laporan polis, selepas polis memeriksa didapati orang-orang atau ahli-ahli kongsi dalam syarikat itu memakai kad pengenalan palsu atau kad pengenalan orang biasa atau lebih tepat kad pengenalan penagih-penagih dadah. Mereka pinjam IC itu untuk mendaftar sebuah syarikat, selepas menipu barang-barang daripada agen-agen atau pengeluar-pengeluar atau kilang-kilang dan lesap dengan barang-barang dan ini bukan berlakunya baru sekarang. Berapa tahun sudah berlaku, banyak kes telah berlaku. Saya berharaplah kementerian boleh meneliti perkara ini dan menguatkuasakan sesuatu prevention measure, dengan izin, supaya orang-orang yang benar-benar berniaga dapat didaftarkan dan bukan menggunakan kad pengenalan yang diupahkan.

Tuan Pengerusi juga mengapa dalam borang pendaftaran syarikat atau pendaftaran perniagaan dikehendaki disaksi oleh ADUN-ADUN, 'Dewan Rakyat' atau MP-MP kerana sekiranya mereka datang ke pejabat kami untuk menandatangani sebagai saksi, maka seorang yang membuat saksi itu bertanggungjawab ke atas kesahihan segala butir-butir dalam borang-borang itu dan sekiranya pengundi-pengundi tempatan atau kawasan kami datang untuk kami menandatangani sebagai saksi, kalau kami sebagai ADUN atau MP tanya banyak-banyak soalan, atau sekiranya syarikat itu ada lima orang rakan kongsi, tiga orang rakan kongsi, maka mereka semua kena datang depan kami untuk memeriksa photostat IC dan juga IC yang tulen, baru kami sign, maka mereka akan mengutuk kami, kata, "Apalah ini wakil rakyat, ini tanya, itu tanya." Jadi, saya rasa, jangan bebankan tanggungjawab sebagai seorang MP atau ADUN untuk menjadi seorang saksi menandatangani borang pendaftaran syarikat atau borang pendaftaran perniagaan.

Dengan kata-kata ini, sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Kubang Kerian ya.

2.36 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Tun, saya ucap terima kasih kerana peluang ini. Saya hanya hendak rujuk sedikit sahaja perkara tentang 030000 Konsumerisma dan Penguatkuasaan pada muka surat 215. Saya ingin tahu adakah kementerian ini mempunyai satu pemantauan terhadap junk food yang dijual, terutama sekali di kantin-kantin sekolah dan di kedai-kedai runcit yang biasa.

Kita semua tahu bahawa pemakanan adalah satu aspek yang sangat penting bagi melahirkan satu generasi yang kuat dari segi fizik dan mental dan pemakanan mempunyai kaitan ke arah melahirkan satu generasi yang benar-benar sihat pada masa akan datang.

Kanak-kanak pada masa yang sama terutama di sekolah dalam pemerhatian saya dan saya tengok anak-anak saya sendiri dan jiran-jiran yang lain dan juga temubual dengan doktor-doktor di hospital-hospital – sebahagian daripada kanak-kanak ini adalah belum ‘masak’ untuk memilih makanan yang mereka beli di kantin-kantin sekolah. Oleh kerana itu, mereka terdedah kepada bahaya-bahaya yang mungkin wujud daripada pemakanan dan kebelakangan ini kita lihat industri makanan junk food ini berkembang dengan begitu pesat dan di kantin-kantin sekolah kita boleh lihat pelbagai jenama yang tidak saya sebutkan di sini yang kita khuatiri mutunya adalah memudaratkan.

Oleh kerana itu, jika sekiranya kementerian ini tidak mengambil langkah untuk memeriksa kandungan tiap-tiap junk food ini dan kesannya kepada kesihatan, jangka panjangnya akan memudaratkan murid-murid sekolah. Sebahagian daripada makanan ini, mengikut pemerhatian doktor, saya tidak boleh sebut jenis jenamanya di sini, telah mengakibatkan laporan tentang sakit buah pinggang pada usia yang terlalu awal pada setengah-setengah kanak-kanak dan apabila diselidiki sebahagiannya ialah kerana pemakanan berulang jenama-jenama tertentu daripada junk food ini.

Oleh kerana kita tidak mempunyai kemudahan menyelidiki perkara ini saya berharap kementerian ini dapat mengambil berat kedudukan apa yang telah saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Gelang Patah. Selepas ini Yang Berhormat ya, *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Jeli]* Selepas itu Menteri menjawab ya.

2.39 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.21 dan dalam Butiran 030000 Konsumerisma serta 030100 dan 030200 tentang Penguatkuasaan dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak kementerian akan dapat ambil tindakan yang lebih berkesan untuk membendung masalah-masalah direct selling iaitu jualan

langsung kerana kita wakil rakyat sentiasa terima aduan daripada orang ramai tentang hal-hal yang timbul oleh kerana terdapat peniaga-peniaga yang terlibat dengan penjualan langsung telah menipu mereka seperti ada yang menjual pil-pil ubat yang mana ada satu kes seorang kawan saya dia telah termakan ubat itu sampai perlu masuk ke hospital pakar dan dapati bahawa kandungan ubat itu mempunyai steroid yang tinggi dan dia perlu makan ubat yang diberikan oleh doktor pakar di Hospital Pakar (Specialist) Johor Bahru selama tiga bulan untuk mengurangkan kandungan steroid dalam badannya. Selepas makan ubat itu, bila dia sudah makan ubat itu yang dijual kepada dia, dia rasa sentiasa suka makan dan badan dia pun makin gemuk dan sangat aktif tiap-tiap hari tetapi dia tidak tahu ini adalah satu masalah yang boleh menjejaskan kesihatan dia. Nasib baik dia pergi jumpa doktor pakar lebih awal, jika tidak saya khuatir kesihatan dia akan menghadapi masalah.

Yang kedua, pada masa dahulu oleh kerana pihak kementerian tidak ada tindakan pencegahan tentang kes-kes 'direct selling' ini, sampai orang kita di sini ditipu oleh syarikat-syarikat asing seperti pada masa dahulu ada syarikat asing datang ke sini buat 'direct selling' dalam jualan 'diamond' yang harga tinggi dan jual 'iron mat' yang mana dikatakan oleh mereka boleh menjadikan seorang yang tua menjadi seorang muda dengan cepatnya. Ini semua sampai 'iron mat' itu harga pada masa itu RM7,000. Ini oleh kerana bila kita bawa perkara ini, baru tindakan diambil tetapi berapa ramai orang kita sudah ditipu. Ini adalah satu hal yang sangat penting. Adalah wajar tindakan pencegahan dibuat.

Yang lagi satu saya fikir adalah wajar untuk mendidik para pengguna di negara kita ini dalam hal konsumerisma ini adalah lebih baik kita melalui pendidikan konsumerisma kerana kalau kita bergantung kepada pegawai-pegawai penguat kuasa dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, pegawai pun kurang, tidak cukup tenaga, bagaimana hendak menguatkuasakan undang-undang tentang hal pengguna ini, untuk menjaga kepentingan mereka adalah lebih baik kita memberikan pendidikan menyeluruh kepada para pengguna kita, kepada rakyat jelata berbilang kaum di negara kita ini supaya mereka sendiri tahu, sendiri faham apa yang baik, apa yang tidak baik mereka akan beli apa yang perlu untuk mereka dan tidak belanja sampai menghabiskan wang mereka dan mencetuskan inflasi di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada perkara yang kedua iaitu Perdagangan Dalam Negeri 020000 dalam Butiran 020400.....

Datuk Napsiah binti Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih.

Datuk Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, apakah nama ubat yang kalau...*[Pembesar suara tidak dihidupkan – suara tidak jelas]*

Seorang Ahli: Tekan, tekan.

Datuk Napsiah binti Omar: *[Menekan suis pembesar suara]* Apakah nama ubat yang kalau dimakan tadi menjadi gemuk. Kita semua harus melindungi rakyat supaya jangan jadi terlalu gemuk. Tolong beri nama itu Tun, apa agaknya nama ubat itu, yang ada steroid tadi. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, oleh kerana saya tidak bawa maklumat tentang nama ubat itu pada petang ini, saya boleh berikan kemudianlah kerana saya kena jumpa kawan saya dan dapat tahu nama ubat itu. Ubat itu adalah datang dari negara asing, dari negara China.

Tuan Pengerusi, saya sambung perbincangan saya. Pagi ini Yang Berhormat bagi Klang telah sentuh tentang harta intelek. Di sini, saya tidak ingin sebut apa yang dikatakan oleh mereka, cuma saya di sini hendak tambah sedikit cadangan saya. Pihak kementerian perlu ambil tindakan positif untuk menyelesaikan masalah yang timbul tentang hal tuntutan bayaran lesen hak cipta muzik oleh pihak Pemilik Hakcipta seperti PPM dan hak peniaga-peniaga kedai kopi, kedai makan tradisional dan pemandu-pemandu teksi dan bas, mereka sangat tidak puas hati tentang tuntutan itu. Perselisihan ini timbul akibat wujud kurang keterangan dalam perundangan Akta Hakcipta 1987 kerana ada *grey area*, dengan izin, dalam undang itu. Ini yang menyebabkan kita sekarang keliru sama ada kementerian lebih berkuasa atau pihak PPM atau Pemilik Hakcipta lebih berkuasa.

Oleh yang demikian, adalah wajar pihak kementerian mengambil tindakan cepat dengan campur tangan hal ini dan menasihatkan atau mengarahkan pihak Pemilik Hakcipta cipta berhenti membuat tuntutan bayaran lesen kepada peniaga-peniaga kedai kopi atau kedai makan tradisional, pemandu-pemandu teksi dan bas. Sebarang pungutan bayaran fee tidak boleh dibuat tanpa persetujuan dari pihak kementerian. Memandangkan pihak Pemilik Hakcipta bukanlah badan penguat kuasa

kerajaan, ketelusan dalam hal ini perlu diadakan demi menjaga imej baik Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, pewujudan sesuatu undang dalam Dewan yang mulia ini adalah untuk menjaga kepentingan orang ramai dan bukan untuk kepentingan sesebuah syarikat atau segelintir orang sahaja. Saya sangat memuji pihak Pergerakan Pemuda MCA, Young Malaysia Movement, Gerakan Belia Bersatu Malaysia, Malaysian Buddhist Youth Association, Federation of Malaysian Chinese Associated Chamber of Commerce dan Siang Liang Organization yang melalui tindakan bersama, melalui semangat berpasukan, peka tentang tanggungjawab sosial mereka untuk mempertengahan perkara ini kepada pihak kerajaan dengan tujuan menjaga kepentingan para peniaga-peniaga kedai kopi, kedai makan tradisional dan pemandu-pemandu teksi dan bas. Pihak Federation Of Coffee Shop Owners Association yang mempunyai lebih 20 ribu ahli dan Federal Territory Taxi Driver's Welfare Association yang mewakili para pemandu teksi di Wilayah Persekutuan pun turut sama ingin membincang hal tuntutan fee, hak cipta ini dengan pihak Phonography Performance Malaysia Sdn Bhd. Perkara ini telah menjadi satu isu hangat dalam media massa terutama dalam surat khabar China dan perlu diselesaikan oleh pihak kementerian secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, satu hal lagi baru-baru ini pada hari Khamis lalu, semasa saya dapat satu aduan dari seorang peniaga restoran yang mempunyai karaoke di Taman Skudai Baru, nama restoran yang mempunyai karaoke itu adalah Restoran Kar Peng bahawa beliau dapat amaran daripada pihak PPM, Pemilik Hakcipta, jika dia tidak – ini melalui telefon sahaja tidak melalui surat, kalau ia tidak pohon untuk dapatkan lesen hak cipta dan bayarannya adalah RM3 ribu satu tahun, kalau dia tidak bayar, dia akan datang ke kedai makannya dan akan ambil semua peralatan muzik daripada restoran itu dan ini satu tindakan yang kurang wajar.

Saya harap pihak kementerian perlu memberikan satu arahan yang tegas kepada pihak yang berkenaan supaya jangan ambil peluang melalui akta ini dan melakukan seperti pihak berkuasa untuk memberikan amaran tanpa memberikan apa-apa surat kepada pihak peniaga untuk menuntut bayaran fee untuk hak cipta ini. Saya harap perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak kementerian. Dengan kata-kata demikian, saya ucapkan ribuan terima kasih dan pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jeli, kemudian Menteri menjawab.

2.51 petang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera, Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Dewan sekalian. Berdasarkan kepada hadis Nabi Rasulullah S.A.W. [*membaca sepotong Hadis*] “Agama adalah nasihat,” maka saya teruskan kepada Bekalan 21, dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Butiran 010000 – Pentadbiran dan Perancangan yang dibaca bersekali dengan 0102000 – Perancangan dan Pembangunan, 010300 – Sistem Maklumat.

Kita perhatikan bahawa peruntukan pada 1999 untuk 010200 adalah RM6.514 juta, manakala pada tahun 2000 adalah RM6.375 juta yakni kurang daripada 1999. Begitu juga dengan sistem maklumat pada tahun 1999 - RM4.545 juta, manakala pada tahun 2000 - RM2.727 juta, kurang daripada 1999. Saya ingin bertanya kenapa peruntukan semakin mengecil. Apakah kerajaan sekarang sudah berpuas hati ataupun kerajaan kurang memberikan perhatian kepada untuk meningkatkan mutu dan piawai kementerian ini. Ini kerana kedua-dua butiran ini adalah penting untuk meningkatkan prestasi kementerian ini seperti memantau, menyiasat dan mendakwa pesalah-pesalah mengikut taksiran kementerian ini.

Begitu juga Butiran 0200 – Perdagangan Dalam Negeri di mana peruntukan 1999 - RM29.108 juta, manakala tahun 2000 - RM25.604 juta yakni kurang daripada 1999. 02 dibaca bersekali dengan 020200 – Pendaftaran Syarikat, 1999 - RM11.275 juta, sekarang RM10.128 juta. Butiran 02033 – Pendaftaran Perniagaan, 1999 – RM10.613 juta, manakala tahun 2000 – RM9.139 juta. Begitu juga dengan 020400 – Harta Intelek, 1999 – RM5.519 juta, manakala 2000 – RM4.602 juta. Kita memerhatikan bahawa kesemua komponen-komponen, semua butiran pada tahun 2000 adalah kecil, lebih kecil berbanding dengan 1999, seolah-oleh menampakkan, dengan izin, prominence kementerian ini semakin kurang di mata kerajaan.

Untuk makluman Dewan ini, Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Dewan sekalian, harta intelek adalah penting kerana negara-negara maju cukup peka dengan harta intelek. Tetapi nampaknya negara kita semakin kurang memberi perhatian terhadap butiran ini bila mana peruntukannya semakin mengecil, sedangkan isu ini sangat menimbulkan kemarahan syarikat-syarikat gergasi di dunia terutama syarikat-syarikat gergasi IT seperti Microsoft. Microsoft telah merajuk di Thailand dengan membuat banyak kecaman-kecaman terhadap negara Thailand kerana banyak, dengan izin,

software yang diciplak di negara Thailand. Kalau kita tidak memberi perhatian dengan serius seperti menambahkan peruntukan di dalam butiran ini maka dengan sendiri memberi keyakinan pada syarikat-syarikat gergasi antara dunia, IT bahawa kerajaan kurang memberi penjagaan harta intelek

Di samping itu, kita memerhatikan bahawa akta yang kemas dan kuat untuk mempertahankan, dengan izin, *patented product* belum wujud di negara ini. Ini dengan sendirinya tidak menggalakkan market creativity, dengan izin, dan juga market creator, dengan izin. Sebab itu banyak usaha perdagangan di dalam negara kita adalah dengan izin, dan juga market imitator. Justeru itu, naklah kerajaan memberikan perhatian yang serius tentang harta intelek ini dengan menambahkan lagi peruntukan untuk tahun-tahun yang berikutnya.

Seterusnya Butiran 030000 – Konsumerisma, 1999 – RM32.099 juta, manakala tahun 2000 – M31.11 juta. Begitu juga 030100 – Penguatkuasaan, 1999 – RM29.298 juta, manakala tahun 2000 – RM25.193 juta. Saya ingin bertanya apakah kementerian tidak sedar bahawa bilangan syarikat-syarikat yang cuba menutup maklumat sebenar tentang syarikat mereka kepada masyarakat semakin bercambah. Pelbagai produk yang dijual kepada pengguna adalah produk yang dengan izin, substandard, ciplak dan tidak sesuai untuk digunakan oleh para pengguna. Apakah kementerian sudah berpuas hati dengan syarikat-syarikat pengeluar, syarikat-syarikat pengilang tertentu umpamanya mineral water yang begitu banyak memenuhi perpasaran sekarang ini dan pelbagai jenama. Kerana kita bimbang sebagaimana berlaku di setengah-setengah negara, mineral water ini digunakan air paip dan air perihi sahaja. Ia pernah berlaku banyak kali di negara-negara maju.

Sebab itu kerajaan hendaklah memberi satu keyakinan kepada rakyat bahawa segala mineral water yang bertebaran di pasaran ini adalah mineral water yang telah disahkan oleh kementerian sebagai selamat, bukannya air yang ditipu oleh pengilang. Kerana kita perhatikan semasa pilihan raya baru-baru ini banyak air-air yang berlambangkan dacing merata-merata. Saya pun bimbang takut yang minum air itu nanti sakit perut. Begitu juga, bagaimana pula dengan syarikat yang terlibat dengan skim cepat kaya. Ia menjadi begitu popular di kalangan masyarakat. Tetapi lama kelamaan syarikat yang terlibat dengan skim cepat kaya ini terbongkar juga rahsia perniagaan mereka. Jadi, saya perhatikan sudah banyak kali pengguna-pengguna ditipu tetapi syarikat yang terlibat dengan skim cepat kaya semakin bercambah

dengan pelbagai jenama. Jadi, diminta pihak kementerian memberi perhatian cukup serius tentang hal ini supaya duit rakyat, duit pengguna tidak disalahgunakan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab.

Begitu juga saya ingin bertanya dengan kementerian bagaimana pula dengan syarikat-syarikat yang mengamalkan perdagangan yang berbentuk piramid ala Amway, Cosway dan sebagainya yang juga tumbuh seolah-olah tanpa kawalan dan pemantauan oleh kementerian. Jadi, saya rasa masalah semakin bertambah. Sudah semestinya kerajaan sepatutnya menambahkan peruntukan untuk kerja-kerja penyiasatan dan pemantauan Kalau tidak dibuat begitu maka kita bimbang semakin hari semakin banyak syarikat yang terlibat dengan skim piramid tanpa kawalan ini.

Begitu juga satu aspek perniagaan yang cukup membimbangkan masyarakat hari ini, rakyat negara ini ialah syarikat kewangan tanpa lesen. Istilah biasanya dipanggil 'Along' yang mengenakan caj atau faedah terlalu tinggi dan dikutip secara mingguan secara berleluasa. Mereka mengiklan servis mereka secara terbuka di mana-mana tempat, di taman-taman perumahan, di kedai-kedai kopi dan restoran-restoran. Malah kalau kerajaan tidak serius menangani masalah ini, kita bimbang kes-kes pembunuhan akan bertambah kerana banyak kita perhati kes-kes pembunuhan berlaku kerana terlibat dengan perniagaan ala Along, dengan izin.

Begitu juga saya ingin bertanya tentang kes tanda-tanda 'halal' yang digunakan oleh banyak syarikat pembuat makanan yang terlibat dalam sektor makanan yang secara meluas menggunakan tanda-tanda 'halal'. Walaupun tanda 'halal' ini dikeluarkan oleh JAKIM tetapi pemantaunannya adalah oleh kementerian. Ini membimbangkan kerana banyak restoran-, kadang-kadang yang pengguna sendiri was-was dengan restoran-restoran ini tetapi tanda-tanda 'halal'nya sebegitu besar di pampang di restoran-restoran ini. Apakah kementerian sudah berpuas hati tentang pemantauan mereka terhadap tanda-tanda 'halal' ini di tempat-tempat, restoran-restoran dan sebagainya kerana kita tidak mahu pengguna ditipu dengan label 'halal' ini.

Umpamanya, kes yang masih hebat dibicarakan ialah 'Aji no moto' yang telah didedahkan oleh CAP sebagai tidak halal dan begitu juga telah dipampang di banyak akhbar termasuk akhbar *Perdana* milik UMNO di mana menceritakan tentang bahawa 'Aji no moto' ini tidak halal tetapi apakah setakat ini kajian dan keputusan pihak kementerian tentang 'Aji no moto' ini kerana ada juga kajian yang menunjukkan

bahawa pihak yang menggunakan 'Aji no moto' ini akan terkena kesan sampingan daripada penggunaan 'Aji no moto' yang berlebihan.

Begitu juga dengan produk-produk kosmetik yang bertebaran di dalam negara kita, saya minta pihak kementerian aktifkan lagi penyasatannya produk-produk ini dari segi kehalalannya dan juga keselamatan semasa menggunakannya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat, ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sehubungan dengan itu kerajaan seolah-olah nampak peka dengan masalah pengguna bila mana beberapa tahun dahulu kerajaan telah menubuhkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi kita hendak tanya, sudah tiga Menteri berlalu tetapi tiap-tiap perayaan sentiasa timbul masalah harga-harga ayam, daging dan sayur-sayuran meningkat.

Ini sudah cerita berpuluh-puluh tahun, kerajaan telah mewujudkan kementerian tetapi masalah ini tidak semakin selesai. Ini sepatutnya sudah tidak berlaku lagi, rakyat pada masa depan, mulai tahun depan sudah tidak lagi mahu mendengar masalah ini kerana kalau ianya masih berterusan, maka rakyat akan mengatakan bahawa kementerian atau kerajaan tidak cekap untuk mengendalikan kes seperti ini kerana saban tahun ianya sentiasa berulang. Hakikatnya kalau kita memantau secara kemas saya rasa untuk tahun-tahun berikutnya sepatutnya ianya tidak berulang lagi.

Kemudian – satu lagi Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Sudah cukup Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: So, terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi: Ya, kementerian menjawab

3.03 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak kementerian saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Belanjawan dan peruntukan yang dimohon bagi kementerian sebanyak lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu dari Tanjong,

Klang, Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Pokok Sena, Bagan, Kubang Kerian, Gelang Patah dan Jeli telah berbahas mengenai kementerian.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai tindakan PPM yang mengenakan bayaran daripada pengguna karya muzik, khusus umpamanya daripada pengusaha restoran, pub, karaoke, teksi, bas dan sebagainya.

Dalam hal ini saya telah pun menjawab apabila saya menggulung di peringkat perbahasan dasar bahawa Akta Hak Cipta 1987, di bawah akta ini pemilik hak cipta mempunyai hak untuk memungut royalti apabila sesuatu karya muzik dan rakaman bunyi yang dimiliki oleh mereka dimainkan di tempat awam seperti kompleks membeli-belah, restoran dan sebagainya.

Dalam hal ini, Phonographic Performance Malaysia ataupun PPM adalah satu badan yang mewakili pemilik hak cipta rakaman bunyi. Kutipan royalti untuk permainan karya muzik dan rakaman bunyi di tempat awam adalah dibenarkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan ia merupakan amalan yang lazim terdapat di kebanyakan negara di seluruh dunia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedar bahawa perkara ini boleh menimbulkan pertikaian di antara pemilik hak cipta karya muzik dengan pemilik premis perniagaan yang menyiarkan karya muzik berkenaan, khususnya mengenai kadar royalti. Oleh sebab itu, kementerian saya akan mewujudkan peraturan dalam sedikit masa lagi untuk membolehkan pertikaian mengenai kadar royalti dirujuk dan diputuskan oleh Tribunal Hak Cipta bagi menetapkan kadar yang berpatutan.

Sebenarnya, peranan Tribunal Hak Cipta telah pun ditubuhkan, cuma skop tribunal buat masa sekarang ialah untuk memberi lesen menterjemahkan karya asing ke Bahasa Malaysia. Skop tribunal itu akan diperluaskan dan peraturan di peringkat akhir untuk menyiapkan dan dijangkakan tribunal itu akan ditubuhkan tidak lama lagi, dalam beberapa bulan lagi kita berharaplah peraturan apabila siap, jadual kita adalah untuk meluaskan skop itu pada bulan Mei.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: Kementerian saya juga mengambil langkah-langkah yang sesuai – biar saya habiskan dahulu.

Kementerian saya juga akan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi memastikan hak eksklusif atau hak yang diberi kepada pemilik hak cipta itu tidak

membebaskan pengguna. Ini kita maklum bahawa PPM telah menghantar surat-surat ataupun telah mengadakan perbincangan dengan persatuan-persatuan restoran, kedai kopi dan juga persatuan-persatuan lain.

Pihak kementerian walaupun akta itu tidak menyebutkan peranan kementerian dalam kutipan royalti, ini bukan satu perkara yang hanya berlaku di Malaysia, ini di seluruh dunia. Hak pengutipan royalti itu adalah hak dan pihak yang mempunyai hak boleh mengutip royalti, cuma kadar itu kalau pihak yang akan mahu bayar tidak puas hati boleh rujuk kepada Tribunal. Sehingga itu pegawai kita telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak PPM supaya mereka mengemukakan cadangan mereka dan kita akan mencari satu jalan penyelesaian yang tidak akan membebaskan pengguna.

Kita juga mempunyai dalam akta ada juga peruntukan-peruntukan yang membolehkan Menteri memberi pengecualian. Perkara itu juga kita akan teliti sekarang dan menengok apakah pengecualian yang perlu diberi di badan-badan yang tertentu termasuk kelab sosialkah, tradisional dan lain-lain. Semua itu sedang diteliti oleh pegawai sekarang, oleh kerana masalah ini satu masalah baru yang timbul dalam beberapa minggu yang lalu.

Tuan Chang See Ten: Penjelasan.

Dato' S. Subramaniam: Belum lagi, biar saya jawab dahulu. Maka kita akan minta PPM berhenti dahulu sehingga kita bincang dan dapat persetujuan jalan penyelesaian yang baik bagi pihak pengguna dan juga pihak yang mempunyai hak mengutip royalti di bawah akta yang ada dan konvensyen antarabangsa yang telah kita menandatangani seperti negara-negara asing.

Dalam hal ini, walaupun akta tidak menyebut khususnya tentang peranan kementerian, sebenarnya Tribunal itu adalah di bawah kementerian, apabila Tribunal diperluaskan skopnya untuk mendengar tentangan-tentangan oleh pengguna, maka itulah peranan yang sebenarnya akan dimainkan oleh kementerian.

Dalam isu ini, saya tahu beberapa kesatuan-kesatuan dan juga parti-parti politik telah menyampaikan maklumat-maklumat ini kepada kementerian dan termasuklah Ahli Yang Berhormat bagi Ampang Jaya. Kita pun puas hati bahawa pengguna yang tidak berpuas hati dengan pihak PPM telah menyampaikan maklumat itu kepada pihak PPM dan pihak kementerian telah pun memberi penjelasan bahawa kita akan campur tangan dalam hal ini, maka peranan yang dimainkan oleh bahagian

Pemuda MCA kah atau mana-mana parti politik itu dialu-alukan, bukan merupakan kesalahan. Sebenarnya membantu kementerian untuk menyampaikan maklumat kepada pekedai-pekedai bahawa perkara ini diteliti oleh pihak kementerian dan akan mendapat jalan penyelesaian tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menjelaskan bahawa PPM – saya tidak boleh nafikan di sini bahawa PPM berhak untuk mengutip royalti. Ini perlu difahami oleh semua pihak cuma kadar, cara dan juga mungkin ada penyelewengan seperti memberi amaran, mereka tidak mempunyai hak yang lebih daripada mengutip tetapi pengguna juga mempunyai hak di bawah akta untuk mempertikai dan tentang terhadap kadar. Tetapi kita sedar, tribunal belum lagi mempunyai skop, maka ada grey area benarlah tetapi kementerian akan mengadakan perbincangan dengan badan yang berkenaan untuk selesaikan.

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, mengenai pelabelan

Tuan Pengerusi: Gelang Patah bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Ada dua perkara yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh terangkan.

Pertama, saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Dato' kerana ambil tindakan positif melalui kementerian kerana mewujudkan satu Tribunal Hak Cipta. Ini adalah sangat baik, bolehkah sebelum Tribunal ini ditubuhkan pihak kementerian menasihatkan pihak PPM 'KIV' iaitu tunggu wujudnya Tribunal ini, baru hantar surat-surat tuntutan untuk pungut fee royalty itu, supaya bila peniaga terima surat tuntutan mereka, bila tidak setuju ada Tribunal untuk dirujuk. Ini adalah satu perkara yang saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Kedua, dalam undang-undang ini memang Menteri ada kuasa untuk memberikan pengecualian. Adakah wajar kerana kedai kopi, kedai makan tradisional dan pemandu teksi, bas pelancongan atau bas kilang yang mana mereka ada alatan muzik dalam bas, bolehkah pihak kementerian berusaha meminta pihak PPM ini dengan mengadakan perasaan tanggungjawab sosial dengan mengecualikan mereka daripada membayar fee royalty.

Saya harap pihak kementerian boleh berusaha untuk mencapai matlamat ini. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, saya telah pun menjelaskan bahawa kita telah pun atau pegawai kementerian telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak PPM dan pihak Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen juga akan mengadakan satu lagi perjumpaan supaya PPM mengemukakan cadangan dan kalau boleh kita akan cari jalan penyelesaian tentang kadar dan sebagainya dan kita juga berusaha untuk meluaskan skop tribunal hak cipta supaya mereka juga dapat mendengar tentangan-tentangan dan putuskan terhadap perkara-perkara ini. Jadi, saya fikir tidak ada masalah dalam perkara ini, kita bolehlah minta PPM bekerjasama, saya yakin mereka akan bekerjasama.

Mengenai pengecualian itu, seperti yang telah saya katakan tadi, kita sedang meneliti apakah yang sepatutnya diberi pengecualian. Menteri berhak, kita tidak payah dapat persetujuan daripada PPM, cuma kita perlu adil terhadap PPM yang mempunyai hak untuk mengutip royalti. Jadi, dari segi pandangan mereka, kita perlu dapat apakah pandangan mereka terhadap perkara-perkara ini.

Saya sendiri, kita di peringkat kementerian, kementerian telah pun membincangkan isu ini, cuma kita menunggu mendapat memorandum atau laporan penuh dari PPM dan pegawai-pegawai sedang meneliti dan kita akan putuskan tidak lama lagi tentang pengecualian. Pengecualian itu perlu berasaskan bahawa hak mereka tidak terjejas dan pengguna tidak juga dibebankan. Ini kita perlu mengkaji sedalam-dalamnya.

Dr. Yee Moh Chai: Tuan Pengerusi, terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah pendirian kementerian mengenai tindihan dalam kutipan licensing fees oleh PPM dan MACP yang saya bangkitkan, sebab sasaran kedua-dua badan ini pun bertindih dan merupakan sama misalnya karaoke pub dan lain-lain.

Yang kedua, menurut akta ini di bawah Seksyen 27 yang dimasukkan pada tahun 1996, memang disenaraikan hak-hak pengusaha-pengusaha yang dikenakan yuran. Jadi, sekiranya selagi tribunal ini tidak ditubuhkan, para pengusaha tidak dapat mencabar keputusan-keputusan yang diambil oleh PPM ataupun MACP, misalnya skim pelesenan. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk mengarahkan supaya skim pelesenan yang menjadi isu pertikaian ini dimansuhkan buat sementara waktu,

seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah sehingga tribunal ini ditubuhkan, barulah satu skim pelesenan yang dapat diterima oleh semua pihak dapat diterima pakai.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, bahagian kedua, saya telah pun jelaskan, apabila menjawab kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Tentang cuma bahagian pertama, iaitu peranan yang dimainkan ataupun tindakan yang diambil oleh MACP dan PPM. MACP dan PPM adalah badan-badan yang berlainan, MACP adalah Music Authors Copyright Protection, badan yang mempunyai hak mengutip royalti bagi music authors. Dan badan PPM adalah Phonographic Performance Malaysia, satu lagi badan yang mempunyai hak untuk mengutip royalti. Kedua-dua badan itu adalah mewakili mereka yang mempunyai hak terhadap penciptaan mereka. Satu, music authors, dan satu lagi performance.

Jadi, buat masa sekarang kedua-dua mereka berhak, ini bukan hanya terdapat di negara kita bahkan di seluruh dunia begitu juga, ada terdapat sehingga lima badan-badan yang mempunyai hak untuk mengutip royalti, tidak lama lagi apabila kita kemukakan satu lagi rang undang-undang untuk memberi perlindungan kepada performers dalam negara kita mungkin ada satu lagi badan yang mempunyai hak untuk mengutip royalti bagi performers dalam negara kita yang belum lagi mempunyai hak. Walau bagaimanapun, kita akan melihat apakah tindakan-tindakan ini bila masa dilaksanakan memberi beban kepada pengguna ataupun menyusahkan pengguna dan kalau boleh kita akan cuba menyelaraskan.

Tuan Pengerusi, mengenai barang-barang halal ataupun tanda yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena, kementerian sentiasa menentukan barang yang dilabel dengan halal adalah benar-benar halal mengikut hukum syarak. Tindakan akan diambil sekiranya label halal tersebut adalah palsu, atau barang tersebut tidak halal. Sebenarnya persetujuan itu adalah diberi oleh JAKIM, kita di peringkat penguatkuasaan. Sabit kesalahan dilakukan boleh didenda RM100,000 atau tiga tahun penjara di bawah Akta Perihal Dagangan 1972.

Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan beberapa Ahli Yang Berhormat lain telah membangkitkan tentang barang-barang makanan dan alat-alat kosmetik yang mengandungi bahan-bahan kimia ataupun bahan-bahan yang mungkin menjejaskan keselamatan pengguna. Suka saya menjelaskan bahawa tugas menentukan keselamatan barang-barang makanan, kandungannya dan kosmetik

adalah di bawah Kementerian Kesihatan dan bukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Walau bagaimanapun, kementerian saya sentiasa mengambil berat tentang barang-barang ini dan kalau makanan tersebut adalah terdiri daripada barang-barang yang tidak disebutkan atau bukan barang-barang yang tulen dan kalau kita dapat maklumat daripada Kementerian Kesihatan, kita boleh ambil tindakan. Kementerian Kesihatan sendiri di bawah Akta Makanan (Food Act), mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menjual atau mengeluarkan barang-barang makanan dan juga alat-alat kosmetik yang mengandungi bahan atau kimia yang tidak dibenarkan. Kalau barang-barang itu daripada barang-barang tiruan, kita juga boleh mengambil tindakan. Jadi, saya berharaplah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mendapat penjelasan yang lebih, kemukakan perkara ini di bawah Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun telah menyentuh tentang inflasi sifar. Konsep inflasi sifar digunakan untuk meningkatkan kesedaran pengguna. Dalam Kempen Inflasi Sifar, pengguna dan peniaga adalah diminta memainkan peranan masing-masing untuk menentukan kos kehidupan tidak meningkat. Dalam konsep inflasi sifar ini juga meliputi bukan hanya kestabilan harga, tetapi juga boleh menurunkan harga-harga barang-barang keperluan. Inflasi sifar merupakan sasaran yang ditetapkan oleh kementerian untuk dicapai bukan dalam jangka masa yang pendek, tetapi sebagai satu sasaran bagi jangka masa yang panjang. Tidak mustahil sasaran ini boleh dicapai sehingga semua pihak yang terlibat dalam menentukan harga memainkan peranan masing-masing iaitu pengguna, pengeluar, peniaga dan sebagainya. Pihak kementerian sentiasa menjalankan usaha ke arah ini dan di antaranya banyak tindakan yang telah diambil, saya tidak payah menyebut semua tindakan-tindakan yang telah disebutkan dalam Dewan yang mulia ini, apabila soalan-soalan dikemukakan.

Kempen Inflasi Sifar yang telah diumumkan telah berjaya, oleh kerana Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tahun sebelum 1997 adalah kurang daripada 400, tetapi bagi tahun 1997 adalah 2.7%, tetapi bagi tahun 1998 iaitu tahun kita menghadapi kegawatan dan krisis kewangan, kadar Indeks Harga Pengguna (IHP) telah meningkat sehingga 5.3%. tetapi selepas itu bagi tahun ini, IHP telah menurun sehingga 2.8%.

Kadar IHP ini adalah dianggap rendah, sungguhpun negara menghadapi banyak masalah selepas kegawatan ekonomi.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga telah menyentuh mengenai harga barang-barang. Kementerian memang sedar akan peranan pelbagai peringkat pengeluaran yang telah menyebabkan kenaikan harga. Oleh sebab itu, kementerian sentiasa berbincang dengan pihak pengeluar dan pembekal bagi memastikan bekalan barang keperluan terutama di musim perayaan sentiasa mencukupi pada harga yang berpatutan.

Suka saya jelaskan di sini bahawa setiap perayaan, kita telah berjaya untuk menentukan bekalannya mencukupi bagi semua tahun yang kebelakangan. Masalah harga juga adalah tidak benar bahawa harga ayam ataupun harga sayur sempena musim perayaan naik. Harga ayam dikawal dan kita puas hati bahawa harga ayam di pasaran boleh diperolehi dengan harga berpatutan. Masalah sayur benar, apabila masa musim perayaan ada beberapa jenis sayur, oleh kerana bekalannya tidak mencukupi yang bergantung terhadap musim dan sebagainya, harga naik. Harga barang sayur itu tidak dikawal seperti juga ikan dan sentiasa kita menasihat pada musim perayaan supaya pengguna bijak membeli dan pengguna juga bekerjasama, jangan membeli barang-barang yang digunakan oleh satu-satu golongan semasa perayaan masing-masing, don't chase festival goods, kita telah beberapa ulang kepada pengguna dan kita akan terus mengawal dalam hal ini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang dalam perbincangan dengan Kementerian Pertanian untuk mewujudkan satu skim kestabilan harga di mana antara lain akan diadakan mekanisma, 'trigger' harga untuk memperkenalkan dan membuat pemantauan terhadap harga dan mengambil tindakan yang sesuai.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga telah membangkitkan mengenai pendidikan pengguna. Suka saya menjelaskan kementerian saya memberi perhatian yang serius mengenai pendidikan pengguna. Tiap-tiap tahun kementerian menganjur seminar-seminar, ceramah-ceramah dan bengkel mengenai hak-hak pengguna untuk mendidik pengguna. Kementerian juga dengan kerjasama Kementerian Pendidikan menganjurkan Bengkel Kepimpinan Kelab Pengguna Sekolah untuk mendidik penuntut mengenai hak-hak pengguna dan menguruskan Kelab Pengguna Sekolah. Tiap-tiap tahun kementerian saya juga menganjurkan

pertandingan kuiz pengguna untuk penuntut-penuntut sekolah menengah. Kementerian saya juga menerbitkan risalah-risalah mengenai kepenggunaan, Warta Cermat dan Buletin Perlindungan Pengguna untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kepenggunaan. Di samping itu kementerian saya juga telah menggunakan media massa untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kepenggunaan. Ekoran ini tiap-tiap tahun kementerian saya telah mengadakan Majlis Malam Media Massa untuk memberi pengiktirafan dan memberi galakan kepada pihak-pihak media massa yang telah mengambil bahagian dalam menyebarkan isu-isu kepenggunaan dalam negara. Cadangan daripada Ahli Yang Berhormat mengenai Kelab Pengguna.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah atas usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tetapi apa yang saya sebutkan tadi berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat oleh CAP, satu persatuan pengguna yang paling aktif dalam negara kita menunjukkan hanya 8.5% sahaja pelajar universiti yang memahami tentang hak-hak kepenggunaan. Oleh sebab itu saya kira bahawa langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan, seminar dan sebagainya sangat tidak mencukupi untuk memberikan kefahaman dari sudut hak-hak kepenggunaan kepada masyarakat kepada pengguna kita. Sebab itu saya mencadangkan tadi saya katakan bahawa kalau boleh diwujudkan dengan Kementerian Pendidikan ini satu pelajaran khusus untuk mendidik tentang kepentingan-kepentingan hal-hal yang berkaitan dengan soal pengguna.

Satu contoh yang saya hendak tunjuk kepada Yang Berhormat berkenaan dengan Tribunal Pengguna ini. Pengguna-pengguna sendiri pun tidak tahu apa hak dia, macam mana proses dia hendak buat satu tuntutan. Ini menunjukkan bahawa walaupun benda ini baru tetapi perlu kepada satu kefahaman yang jelas di kalangan pengguna. Dan ini juga ada kaitan Tribunal Pengguna ini saya mencadangkan supaya kalau bolehnya orang yang ingin membuat tuntutan ini, pengguna yang akan membuat tuntutan ini mereka diberikan hak dan peluang untuk membawa peguam. Sebab kalau tanpa peguam sudah tentulah seorang pengguna dia tidak tahu seksyen berapa, fasal berapa, undang-undang mana untuk dia membuat satu-satu tuntutan kepada Tribunal

Pengguna yang tuntutan di bawah RM10,000. Walaupun pengerusi Tribunal Pengguna itu ada latar belakang undang-undang tetapi itu untuk tribunal. Tetapi untuk pengguna dia perlu tahu bagaimana proses untuk dia hendak membuat satu-satu tuntutan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, gerakan kepenggunaan dalam negara kita masih bukan sampai satu tahap yang boleh dikatakan memuaskan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sendiri cuma ditubuhkan pada tahun 1990. Jadi kita tahu perlu dipertingkatkan tetapi kementerian telah menjalankan banyak usaha seperti saya jelaskan tadi kita memang mengambil 'keberatan' serius terhadap pendidikan pengguna. Dan ini akan dipertingkatkan dari masa ke masa. Kelab pengguna di kawasan akar umbi adalah satu usaha kementerian untuk membangunkan gerakan kepenggunaan di negara kita. Pada masa sekarang persatuan pengguna hanya wujudkan di peringkat negeri dan daerah yang tertentu. Tambahan pula bilangan ahli-ahli persatuan pengguna adalah sedikit sahaja. Dengan penubuhan kelab pengguna lebih banyak penduduk boleh menyertai kegiatan kepenggunaan dan dengan itu pengguna-pengguna akan lebih berwibawa dan hak dan kepentingan mereka dalam dilindungi lebih berkesan.

Mengenai peguam, satu cadangan tadi saya fikir cadangan itu tidak boleh diterima. Kita telah kaji perkara ini. Di bawah Tribunal Pengguna kita tidak mahu peguam dibawa kerana ini akan membebankan pengguna dengan kos yang pertama. Kita mewujudkan Tribunal Pengguna supaya membolehkan pengguna cuma fail komplet dengan bayaran RM10.00 dan lepas itu perkara itu didengar mereka boleh datang dan memberi penjelasan. Kalau mereka mampu untuk bayar kepada pengguna mereka masih berhak untuk pergi ke mahkamah sivil. Masih berhak. Hak itu tidak ditarik balik dengan akta yang mewujudkan Tribunal Pengguna.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berterima kasih penjelasan Yang Berhormat tadi. Tetapi apakah boleh kementerian sekurang-kurangnya menyediakan khidmat nasihat dari sudut untuk pengguna ini membuat proses-proses membuat tuntutan. Sebab saya dimaklumkan oleh pihak yang hendak membuat tuntutan mereka sendiri tidak faham prosedur bagaimana untuk buat tuntutan. Jadi kalau kementerian sendiri tidak menyediakan umpamanya khidmat

nasihat dari segi pegawai undang-undang di peringkat kementerian sudah tentulah pihak pengguna dia sukar untuk hendak buat tuntutan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, Tribunal Pengguna adalah satu tribunal yang baru ditubuh cuma telah berfungsi mulai daripada 16 November tahun lalu. Dan kita telah pun menerima beberapa laporan kes pengguna. Kita telah mengadakan seminar, penjelasan melalui media massa dan juga kita apabila bentangkan rang undang-undang itu kita juga telah meminta wakil rakyat pula kerjasama semua pihak persatuan-persatuan pengguna dan sebagainya. Maka kita puas hati bahawa maklumat-maklumat ini telah pun disampaikan mungkin usaha ini boleh diteruskan.

Kementerian – mereka pengguna – proses ini tidak susah, mudah sekali. Borang itu boleh dapat dengan percuma di seluruh negara melalui pejabat-pejabat penguatkuasaan. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membantu pengguna boleh download daripada web page kementerian pun boleh, ada. Jadi borang itu diisi dan dibayar RM10.00 dan failkan dengan pejabat-pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri di seluruh negara di beberapa daerahlah. Maka perkara ini kita ambil perhatian dan kita pohonlah kerjasama daripada semua pihak.

Tribunal di peringkat negeri pun sudah diwujudkan. Ini juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan sama juga. Tribunal itu sekarang, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Tribunal telah pun dilantik untuk mengendalikan tuntutan-tuntutan yang telah dikemukakan oleh pengguna. Pengguna boleh mengemukakan tuntutan seperti saya katakan tadi di peringkat negeri melalui Penolong Setiausaha Tribunal yang bertempat di Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pengerusi Tribunal akan pergi ke negeri di mana tuntutan itu difailkan untuk mengendalikan kes atau tuntutan yang telah dikemukakan itu. Pada masa ini tidak banyak kes tuntutan difailkan dan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Tribunal ada keupayaan untuk mengendalikan tuntutan-tuntutan yang dikemukakan itu. Jika didapati pada masa hadapan ada banyak tuntutan dikemukakan ke Tribunal, kementerian saya akan mengkaji kemungkinan untuk melantik ahli-ahli Tribunal untuk negeri yang berkenaan supaya tuntutan pengguna diselesaikan dengan cepat dan efisien. Tetapi buat masa sekarang ada tidak ada masalah.

Mengenai ubat-ubatan dan iklan kecantikan palsu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan berdiri ya.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Sebelum Yang Berhormat pergi ke ubat-ubatan saya ada bangkit satu perkara berkenaan dengan KOBENA yang dikatakan memberi wang tunai menggantikan perabot. Adakah Yang Berhormat akan menelitikan perkara ini dan beritahu sama ada kes ini boleh dibawa ke Tribunal Pengguna.

Dato' S. Subramaniam: Tunggu ya, saya harap sabar, saya belum sampai ke perkara itu lagi.

Ubat-ubatan dan iklan kecantikan, kementerian saya mengambil perhatian serius ke atas iklan yang didapati palsu. Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Kementerian Penerangan bagi meneliti setiap iklan yang dibuat sama ada mengenai ubat-ubatan, kecantikan dan sebagainya. Tindakan akan diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, jika Jawatankuasa mendapati iklan-iklan yang dibuat oleh peniaga-peniaga adalah palsu atau mengelirukan.

Mengenai perabot yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, kadar faedah yang dibenarkan di bawah Akta Sewa Beli 1967 ialah 10% setahun. Kalau ini mengikut akta itu, jadi adalah melakukan kesalahan bagi mana-mana pihak mengenakan kadar faedah melebihi kadar tersebut. Kalau pihak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, kalau membuat aduan khusus kepada kementerian, kita boleh siasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya, Ahli Yang Berhormat telah pun menimbulkan butiran selepas menyambung perbahasan bahawa Yayasan KOBENA yang membuat perjanjian dan potongan sedang dilakukan melalui ANGKASA, jadi pihak kementerian akan menyiasat perkara ini dan kalau tindakan itu menyalahi mana-mana akta termasuk Akta Sewa Beli 1967, kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga telah menyentuh mengenai peningkatan sistem pengotomasian, suka saya menjelaskan bahawa peningkatan Sistem Pengotomasian Fail Perniagaan (Safari) yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah satu sistem yang digunakan oleh ROB iaitu Pejabat Pendaftar Perniagaan dan bukannya ROC atau Registrar of Company. Walau bagaimanapun ROC sekarang ini di dalam proses melaksanakan Sistem Pengurusan Dokumen dan Bekalan Maklumat Bersepadu yang diboleh dikatakan IDAMAN. Fasa satu projek IDAMAN iaitu penerimaan semua alat kelengkapan 'hardware equipments' untuk ibu

pejabat telah sempurna dilaksanakan. Buat masa ini ROC berada di tahap Fasa II projek IDAMAN dan dianggarkan projek ini akan siap dilaksanakan pada bulan September 2000. ROC telah menerima beberapa cadangan dari pihak swasta berkaitan e-filing dan pejabat ini sedang mengkaji kesesuaiannya supaya selaras dengan sistem pembayaran dan perakaunan yang akan ditetapkan oleh Akauntan Negara Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek IDAMAN dibiayai di bawah peruntukan perbelanjaan pembangunan iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan akan disambung dalam Rancangan Malaysia Kelapan

Ahli Yang Berhormat bagi Jeli telah menyentuh tentang Akta Paten, saya suka menjelaskan bahawa Akta Paten 1983 yang sedia ada adalah setanding dengan undang-undang paten di negara-negara asing, negara-negara lain, negara-negara membangun. Ia juga selaras dengan kehendak konvensyen antarabangsa, maka tidaklah benar bahawa Akta Paten itu tidak mencukupi atau kurang daripada perlindungan yang diberi, akta yang sedia ada memberi perlindungan yang mencukupi kepada pereka cipta.

Mengenai borang pendaftaran perniagaan yang memerlukan tandatangan wakil rakyat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, semua peniaga yang memfailkan segala maklumat di dalam borang pendaftaran perniagaan adalah diakui oleh semua pemilik dengan disaksikan oleh pegawai yang menyaksikan tandatangan pemilik perniagaan. Selain dari wakil rakyat, kalau wakil rakyat fikir susah mahu menjadi saksi, pegawai berikut boleh juga menjadi saksi tandatangan, ADUN selain dari wakil rakyat, peguam bela, Pesuruhjaya Sumpah, Penghulu, Majistret dan Pegawai Kumpulan A, semua ini boleh menjadi saksi maka tidak susahlah. Cara ini adalah untuk....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: Belum lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Belum lagi Yang Berhormat.

Dato' S. Subramaniam: Cara ini adalah untuk mengelak penipuan oleh orang lain. Pejabat telah berusaha untuk memastikan pemilik-pemilik perniagaan sebenar mendaftarkan perniagaan. Bagi pemohon yang datang ke kaunter pejabat perniagaan, pejabat akan menyemak butir-butir mengenai pemilikannya dengan kad pengenalan pemohon.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang faham bahawa selain daripada ADUN dan wakil rakyat ada hak untuk menjadi saksi, pegawai-pegawai tinggi dan lain-lain orang tetapi persoalan di sini adalah sebagai wakil rakyat atau ADUN mereka dipilih oleh pengundi dan sekiranya pengundi datang ke pejabat untuk menjadi saksi maka segala butiran kami ada syaksyak pun tidak berani tanya banyak, tidak berani panggil seluruh ahli kongsi datang ke pejabat untuk menunjukkan kesahihan mereka dan bolehkah Yang Berhormat pertimbangkan supaya ADUN-ADUN dan wakil rakyat dimansuhkan, tidak ada layak untuk menjadi saksi.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, perkara ini boleh diteliti tetapi bagi wakil rakyat yang mahu menjadi saksi bagi maklumat yang diberi, saya fikir tidak susah. Wakil rakyat daripada Barisan Nasional seorang pun tidak menghadapi masalah, fasal ini menjadi saksi bagi maklumat yang diberi, itu sahaja. Jadi saya fikir tidak payahlah mengeluarkan perkara ini daripada borang, kalau mahu, Ahli Yang Berhormat elakkan untuk menjadi saksi, itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau berdiri.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Berhubung dengan tandatangan wakil rakyat, sepanjang saya menjadi wakil rakyat 20 tahun nampak memang pengundi-pengundi dan rakyat berterima kasih kerana wakil rakyat dari Barisan Nasional memang mudah untuk menandatangani, kita yakin kepada orang yang datang itu dan saya harap yang ini diteruskan lagi, kerja yang baik Yang Berhormat.

Dato' S. Subramaniam: Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dahulu dia jawab dahulu Yang Berhormat, dia jawab dahululah, menteri jawab dahulu.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan selain daripada isu PPM beliau juga membangkitkan mengenai pil yang dijual....

Tuan Pengerusi Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan berdiri Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Berkenaan dengan saksi ini Tuan Pengerusi, bolehkah saya bertanya kepada Timbalan Menteri apa akibatnya jikalau seorang wakil rakyat menjadi saksi dan selepas itu kompeni ini tutup dalam satu malam sahaja, lenyap

dengan barang-barang yang dikreditkan kepada mereka, apa tanggungjawab wakil rakyat?

Dato' S. Subramaniam: Cukuplah Ahli Yang Berhormat, ini senang sahaja, bukan saksi bagi pendaftaran perniagaan, saksi dalam semua borang ada, cuma saksi mempunyai tanggungjawab untuk menyaksikan butir-butir yang terkandung dalam borang, borang itu akan menjelaskan. Jadi Ahli Yang Berhormat sendiri pun perlulah meneliti maklumat-maklumat yang diberi dalam borang, kalau kompeni itu tutup Ahli Yang Berhormat tidak ada apa-apa consequence.

Jadi Ahli Yang Berhormat perlu menengoklah keadaan dan kalau mahu elak itu terpulung kepada Ahli Yang Berhormat. Saya daripada kementerian ataupun wakil rakyat Barisan Nasional tidak ada masalah, belum pernah dan di Jabatan ROC atau ROB pun tidak ada masalah, mereka sentiasa mendapat wakil rakyat menjadi saksi.

Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menyentuh tentang barang makanan kesihatan dan ubat tradisional yang diperlukan terlebih dahulu berdaftar dengan Biro Kawalan Ubat, Kementerian Kesihatan sebelum sah produk dibenarkan dijual melalui jualan langsung. Mana-mana produk barang makanan itu perlu mendapat sijil daripada Kementerian Kesihatan. Kalau selepas mereka mendapati sijil dan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan, barulah permohonan untuk jualan langsung dapat ditimbang.

Syarikat asing dan tempatan yang menjalankan aktiviti jualan langsung mesti terlebih dahulu mohon lesen. Syarat-syarat yang dikenakan antara lain, barangan mesti sesuai dan menepati fungsi-fungsinya tetapi dari masa ke semasa memanglah ada masalah yang ditimbulkan oleh syarikat-syarikat. Ada juga syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan tanpa lesen. Ini yang menjadi masalah kepada kementerian. Kalau mereka menjalankan operasi dengan lesen, senang, kita boleh batalkan lesen, kita boleh mengambil tindakan terhadap akta yang ada. Walau bagaimanapun, perkara ini kita akan terus memantau daripada masalah.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jeli. Jika ditinjau dari segi keseluruhan permintaan anggaran perbelanjaan mengurus kementerian, peruntukan adalah lebih untuk tahun 2000 iaitu RM95,042,500 dibandingkan pada tahun 1999 iaitu RM84,824,840. Di samping itu, kita perlu mengambil kira juga peruntukan yang diberikan di bawah dasar baru untuk perdagangan dalam negeri, pendaftaran syarikat, pendaftaran perniagaan, harta intelek

dan penguatkuasaan di samping peruntukan yang diberikan di bawah dasar yang sedia ada. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih dengan cadangan beliau bahawa peruntukan lebih perlu diberi kepada fungsi kementerian.

Sungguhpun, peruntukan di bawah Butiran-butiran 020000 dan 030000 bagi tahun 2000 kurang berbanding tahun 1999. Namun, kementerian telah diperuntukkan lebih banyak iaitu RM12 juta di bawah dasar baru. Tuan Pengerusi, saya telah menjelaskan kebanyakan perkara dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Jeli menyentuh tentang mineral water. Perkara ini suka saya jelaskan bahawa lesen dan juga ujian mengenai mineral water juga adalah di bawah Kementerian Kesihatan. Skim cepat kaya – kita dari masa ke semasa, ini semua skim cepat kaya dijalankan oleh pihak-pihak yang tidak ada lesen dari mana-mana. Jadi, kita sentiasa menasihatkan pengguna melaporkan kepada polis supaya polis ambil tindakan.

Kita juga menasihatkan pengguna supaya jangan terlibat dalam skim-skim ini. Kalau skim ini dijalankan oleh syarikat jualan langsung, kita boleh ambil tindakan dan dari masa ke semasa apabila kita menerima laporan, kita ambil tindakan. Sistem pasaran piramid tidak dibenarkan dalam negara kita. Kita hanya benarkan single level marketing, multi level marketing dan bukan sistem piramid.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara itu saya sekali lagi telah pun dijelaskan. Kalau ada perkara-perkara yang saya tinggal, suka saya meyakinkan bahawa pegawai-pegawai kementerian berada di sini, perkara-perkara itu telah dicatit dan kita akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara-perkara itu. Lagi sekali saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2000. Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM95,042,500 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM95,042,500 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10,440,000 untuk Maksud P.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,440,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.22, B.23 dan B.24 [Jadual] –
Maksud P.22, P.23 dan P.24 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

Maksud B.22, B.23 dan B.24 dan Kepala Pembangunan P.22, P.23 dan P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Ya, Serdang.

3.58 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyentuh Maksud B.23, Butiran 020000 - Rekod dan Arkib.

Tuan Pengerusi, dalam butiran ini, 'objection'nya untuk mengumpul, menyimpan dan memelihara segala rekod dan bahan maklumat negara yang mempunyai nilai-nilai kebangsaan dan unsur-unsur sejarah. Pemimpin-pemimpin kerajaan kini sentiasa mengingati jasa-jasa perkhidmatan dan perjuangan pemimpin-pemimpin yang lampau terhadap pembangunan negara di mana kerajaan mendirikan tugu-tugu peringatan dan rekod-rekod sejarah tokoh-tokoh negara yang lampau itu telah dikumpul dan disimpan untuk mengingati jasanya. Dengan demikian itu, generasi muda akan dapat memahami latar belakang pembangunan negara melalui perjuangan tokoh-tokoh negara yang lepas.

Tuan Pengerusi, inilah satu langkah yang wajar yang diambil oleh kerajaan. Dengan demikian itu, saya akan menyentuh seorang tokoh yang sentiasa disuarakan dan diingati oleh masyarakat Cina ialah Kapitan Yap Ah Loy. Kapitan Yap Ah Loy ialah seorang pemimpin terlibat secara langsung dengan pembangunan Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan semasa merasmikan Konvensyen ke-15 Persatuan Masyarakat Hakka Sedunia pada tahun lalu di Kuala Lumpur bahawa sejarah Kuala Lumpur tidak lengkap jika tidak mengambil kira sumbangan para pemimpin Hakka yang menjadi Kapitan Cina pada ketika itu.

Katanya, bersama Mohd. Tahir yang ketika itu menjadi ketua masyarakat Melayu di Kuala Lumpur, Kapitan Yap Ah Loy bersama rakan-rakannya memajukan pembangunan Kuala Lumpur yang moden. Inilah ternyata dan membuktikan bahawa rekod secara terang menunjukkan sumbangan cemerlang daripada Kapitan Yap Ah Loy untuk pembangunan Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan seperjuangan partinya sedang mendengar apa yang saya katakan, beliau memang faham apa yang diingati oleh masyarakat Cina terhadap Kapitan Yap Ah Loy terhadap pembangunan Kuala Lumpur pada masa dulu.

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam memberi kelulusan sekeping tanah seluas setengah ekar di kawasan Serdang yang tidak jauh daripada pusat pelancongan Mines Resort sebagai tapak Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy. Untuk makluman Tuan Pengerusi, Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy ialah satu pertubuhan yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan.

Saya dengan sukacita merasa gembira kerana dilantik sebagai Pengerusi Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy. Saya tidak tahu sama ada apa kaitan dengan Kapitan Yap Ah Loy dulu, saya tidak tahu, walau bagaimanapun sebagai pemimpin masyarakat Cina, saya sentiasa membaca sejarah di mana tercatat idea dan sumbangan Kapitan Yap Ah Loy. Walau bagaimanapun, tapak Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy yang dibagi oleh Kerajaan Negeri itu saya sedang meneliti cara-cara untuk membina Dewan Peringatan sebagai tanda peringatan yang disumbangkan oleh Kapitan Yap Ah Loy terhadap pembangunan Kuala Lumpur untuk dijadikan teladan dan contoh semangat perjuangan kepada generasi-generasi muda akan datang.

Dengan demikian itu, walaupun saya hanya sentuhkan pendek perkara ini tetapi saya memohon dan menyeru kepada pihak kementerian supaya memberi bantuan untuk menjayakan pembinaan Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy yang akan dilaksanakan tidak lama lagi di kawasan Serdang kerana Dewan Peringatan yang akan dibina dengan reka bentuk yang bercorak ala Malaysia ini akan memberi satu kemudahan menarik sekolah-sekolah atau ahli-ahli sejarah untuk datang ke kawasan ini untuk mendapat lebih faham latar belakang perjuangan Kapitan Yap Ah Loy pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teluk Intan, ya, sila.

4.03 ptg.

Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 di bawah Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kerana berusaha begitu bersungguh-sungguh menarik lebih banyak lagi pelancong ke negara kita. Saya dapat perhatikan bahawa banyak masa dan tenaga telah digunakan bagi menarik pelancong baru melawat Malaysia tetapi saya berpendapat bahawa kita mesti juga menggalakkan lebih pelancong yang telah melawat negara kita kembali semula. Saya ingin mengemukakan dua cadangan untuk meningkatkan *repeat business*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pertama bagi menentukan pelancongan kembali semula melawat negara kita dan juga memperkenalkan negara kita kepada saudara-saudara mereka, kita mesti menentukan bahawa lawatan mereka ke Malaysia adalah cukup seronok. Kemudahan pengangkutan yang terbaik, lapangan terbang dan hotel lima bintang tidak mencukupi. Yang lebih penting adalah perkhidmatan dan layanan yang diberi oleh pegawai yang pertama yang ditemui oleh mereka apabila mereka sampai ke negara kita seperti pegawai imigresen, pemandu teksi, pegawai polis, kakitangan hotel.

Oleh yang demikian, saya bercadang bahawa latihan tambahan dan kursus perlu diberi kepada pegawai yang pertama ditemui oleh mereka. Negara kita boleh mempunyai lapangan terbang atau hotel-hotel yang terancang dalam dunia tetapi sekiranya si pelancong merasai beliau telah ditipu walaupun RM1 sahaja atau layanan yang diberi kepada beliau kasar atau biadab, saya yakin beliau tidak akan kembali ke negara kita.

Rakyat Malaysia memang terkenal sebagai rakyat yang beramah mesra, rela membantu dan beramanah. Kita tidak boleh membenarkan satu atau dua yang kurang sopan merosakkan imej negara kita. Justeru, saya mendesak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya mengambil tindakan yang tegas terhadap mana-mana hotel, pemandu teksi atau pekedai yang menyeleweng serta menipu pelancong. Negara kita memerlukan perniagaan pelancongan yang berjangka panjang dan bukan sekali sahaja.

Cadangan kedua saya adalah kakitangan industri pelancongan perlu merancang banyak lagi pakej-pakej yang melibatkan makanan tempatan, lawatan ke muzium tempatan dan tapak-tapak sejarah, lawatan ke pekan-pekan kecil dan kampung-kampung. Kita tidak boleh mencontohi negara lain seperti negara Thai, negara China atau Singapura. Saya harap apabila perancang-perancang kita menyediakan pengiklanan pelancongan, perbezaan dan bukannya kesamaan perlu diutamakan seperti yang telah disebutkan oleh saya tadi, saya yakin lebih banyak pelancong akan ingatkan pengalaman mereka di kawasan perkampungan serta makanan tempatan berbanding dengan pengalaman mereka di hotel-hotel berbintang lima.

Oleh kerana demikian, saya rasa begitu kecewa kerana di Teluk Intan yang mempunyai Menara Jam Condong yang begitu bersejarah dan juga kemudahan gerai-gerai makanan tempatan yang sungguh enak tetapi saya tidak pernah melihat kedatangan bas persiaran ke Menara Jam Condong di Teluk Intan.

Kita mesti *highlight* keistimewaan negara kita, perbezaan negara kita dan bukan persamaan untuk menarik lebih banyak pelancong. Saya harap cadangan yang saya kemukakan dapat menarik lebih banyak pelancong dan akan diberi pertimbangan yang wajar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian.

4.08 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk membincangkan Maksud B.22 06700 berkenaan dengan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Perkara pertama ialah berkaitan dengan pelancong-pelancong daripada Jepun. Mengikut pengamatan ringkas saya, sebahagian daripada pelancong Jepun melancong setiap tahun ke beberapa negara ASEAN terutama sekali Singapura tetapi pelancong ini adalah sebahagian kecil saja, kalau tidak silap saya lebih kurang 20% sahaja daripada pelancong-pelancong Jepun yang telah melawat Singapura melanjutkan lawatan mereka ke Semenanjung ataupun ke Malaysia. Saya berharap kementerian ini dapat membuat satu kajian terperinci mengapakah kadar pelancong Jepun adalah begitu kecil melawat negara kita dan apakah langkah-langkah yang dapat kita tingkatkan untuk menarik mereka melawat negara kita pada masa yang akan datang.

Yang kedua, secara ringkas saya hendak sebutkan di sini ialah berkaitan dengan pantai-pantai dan tempat-tempat yang menarik, sebahagiannya telah menjadi milik kepada hotel-hotel tertentu yang tidak lagi membuka laluan kepada orang ramai atau pelancong biasa dan pantai-pantai yang cantik ini akhirnya menjadi eksklusif kepada pengunjung hotel-hotel yang tertentu. Saya berharap kementerian ini dapat memastikan bahawa semua tempat pelancongan termasuk pantai-pantai adalah menjadi milik awam iaitu milik negara dan terbuka kepada semua pihak termasuk pelancong-pelancong kelas rendah dan menengah yang tidak menginap di mana-mana tempat.

Saya juga suka mencadangkan supaya Kementerian ini dapat membuat satu kajian berkaitan dengan apakah perkembangan pelancongan domestik jika sekiranya kita mengamalkan cuti dua hari seminggu pada setiap minggu. Pada saya pelancongan domestik adalah satu pelancongan yang amat penting. Kita lihat sebahagian daripada pusat-pusat pelancongan hanya meriah pada masa-masa cuti yang tertentu dan pada masa yang lain adalah kosong dan ini memberikan kesan yang buruk kepada pengusaha-pengusaha pusat ini dan saya jangka bahawa jika sekiranya kita mempunyai cuti mingguan dua hari setiap minggu, satu galakan pelancongan domestik dapat ditingkatkan seperti yang telah berlaku untuk dua minggu cuti untuk tiap-tiap hari Sabtu hujung bulan. Rompin hendak bangun? Rompin tak ada ya?

Saya juga suka menyentuh tentang 060700 muka surat 229, Perayaan Se Abad Malaysia Ke Alaf Baru yang diperuntukkan sejumlah RM50,000,000. Saya hendak tahu apakah program ini, apakah kandungan-kandungan program ini dan mengapakah peruntukan yang demikian besar diperuntukkan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan program ini dapat dimaklumkan secara yang lebih lanjut?

Saya juga merujuk 006000 - Program Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan Sejarah, yang telah diperuntukkan RM64,000,000 sepanjang 10 tahun tetapi pada tahun ini diperuntukkan RM18,000,000. Banyak tempat di Kelantan umpamanya, saya beri contoh ialah kubur Tok Janggut. Tok Janggut ialah seorang ulama yang telah bangun menentang penjajah Inggeris di atas asas Islam dan kita lihat begitu tragik kematian beliau ditembak dan diheret dengan kepalanya di atas jalan raya daripada Pasir Puteh ke Kota Bharu digantung kaki ke atas, kepala ke bawah untuk beberapa lama. Tetapi pada masa ini, warisan Tok Janggut ini saya rasa dapat

diperuntukkan sebahagian daripada peruntukan ini untuk pemuliharaan tinggalan-tinggalan sejarah bagi tiap-tiap negeri secara yang saksama.

Saya juga suka menyentuh 00800 - Kajian-kajian Pelancongan yang hanya diperuntukkan RM1,000,000 dan peruntukan ini adalah amat kecil bagi mengkaji produk-produk baru pelancongan dan ini boleh dibaca sekali dengan 01100 - Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Sebahagian daripada produk pelancongan ini telah dimajukan dan sebahagian lagi masih belum dimajukan walaupun telah dikenal pasti. Sebagai satu contoh di Kelantan, satu aktiviti yang belum dimajukan sepanjang Sungai Negiri dan kalau kita lihat juga dalam buku ini ialah beberapa perkara berkaitan dengan kubur-kubur lama (excavation).

Sepanjang Sungai Negiri ada beberapa perkara yang boleh dimajukan. Pertama ialah tempat-tempat yang telah dikaji selidik sebagai penemuan mayat-mayat lama yang berada di sepanjang gua-gua di sungai tersebut dan juga *rafting* ataupun berakit dengan rakit plastik, rakit getah, daripada hulu sungai ini ke sebelah hilir. Selain daripada gua-gua batu kapur dan juga kawasan-kawasan Orang Asli dan kemudahan-kemudahan belum lagi wujud dan program kemajuannya tidak dilaksanakan. Saya berharap bahawa satu kajian yang lebih menyeluruh dapat dilaksanakan di seluruh negara untuk mengenal pasti produk-produk baru yang boleh kita majukan pada masa-masa yang akan datang.

Saya suka menyentuh 01500 - Pustaka Warisan Seni. Boleh jadi apa yang saya hendak bangkitkan ini berbeza sedikit daripada apa yang sepatutnya terlibat dalam tajuk ini, iaitu dalam sebulan yang lepas kita membaca akhbar tabloid tempatan, anak Allahyarham P. Ramlee, Sazali yang menjadi inspirasi kepada lagu 'Anakku Sazali', menjadi seorang yang agak terbiar dalam konteks, beliau adalah waris kepada seniman negara kita yang telah meninggal dunia yang tidak mendapat apa-apa pembelaan. Beliau sekarang ini menjadi tukang sapu di sebuah sekolah. Di samping itu ialah bahawa tidak ada apa-apa penghormatan ataupun peningkatan kedudukannya diambil oleh mana-mana pihak.

Saya juga suka menyentuh tentang 01700 - Panggung Negara yang telah diperuntukkan RM210,000,000 pembangunan keseluruhannya yang telah pun dibelanjakan sejumlah RM161,000,000. Pada tahun ini, untuk tahun 2000 kita memperuntukkan sebanyak RM25,000,000 lagi sedangkan setahu saya Panggung

Negara ini telah siap. Mengapakah kita memperuntukkan lagi RM25,000,000 sedangkan panggung ini telah pun siap dan beroperasi

Dalam muka surat 243, banyak muzium-muzium kita telah dibentuk, Muzium Alam Semulajadi, Muzium Ethnologi Dunia Melayu dan lain-lain muzium. Saya suka mencadangkan kementerian ini mengkaji penubuhan sebuah kalau kita hendak kata 'muzium' - 'Muzium Islam' yang menempatkan perspektif Islam dalam segala bidang supaya dengan itu selain daripada menjadi bahan tarikan pelancongan, ia juga dapat memberikan perspektif baru terhadap Islam kepada pelancong-pelancong terutama sekali pelancong-pelancong luar negara. Item ataupun content kepada muzium ini umpamanya ialah perspektif kejadian manusia dari perspektif Islam. Kalau kita pergi ke Barat ada muzium manusia yang diberikan perspektif mengikut perspektif Barat. Di sini kita boleh menonjolkan kejadian manusia dalam perspektif Islam dan lebih-lebih lagi sekarang kita telah pun mempunyai penemuan-penemuan saintifik yang selari dengan apa yang telah disebutkan oleh al-Quran dan Hadis terhadap kejadian manusia.

Yang kedua ialah berkenaan dengan sejarah manusia itu sendiri dalam perspektif Islam. Oleh kerana kejadian manusia telah menjadi satu isu yang menentukan hala-tuju fahaman-fahaman di dunia bagi Teori Darwin, manusia adalah hasil daripada proses evolusi tetapi bagi agama-agama lebih-lebih lagi agama Islam mempunyai tafsiran sendiri tentang kejadian manusia.

Yang ketiga ialah sejarah nabi-nabi bermula daripada Nabi Adam sampai kepada sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w sendiri. Dan dengan ini orang akan faham bahawa salah satu yang orang akan faham ialah bahawa Nabi Muhammad s.a.w ialah pemimpin yang bukan sahaja terlibat dalam apa yang dikatakan agama, tetapi baginda juga ialah seorang pemimpin politik, pemimpin negara. Paradigma ini adalah sangat penting untuk kita menginteraksikan fahaman-fahaman yang wujud di negara kita.

Yang keempat ialah peradaban itu sendiri dari sejarahnya, bahan-bahannya, dari segi umpamanya kemajuan sains dalam Islam yang sebahagiannya telah diketahui dan sebahagian lagi masih belum diketahui oleh setengah pihak dan dengan itu, kita dapat menggalakkan generasi muda Islam terutama sekali untuk sama-sama kembali gemilang, menggemilangkan dunia sains berasaskan agama, berasaskan nas-nas Islam

dan saya berharap kementerian ini dapat membuat kajian untuk melaksanakan program ini.

Saya juga suka mencadangkan kementerian ini untuk mengkaji jika sekiranya kita menaiktarafkan Lapangan Terbang Kota Bharu sebagai satu pintu masuk sebelah pantai timur. Kita ada Pulau Pinang pintu masuk sebelah utara pantai barat tetapi kita belum mempunyai satu pintu masuk untuk menampung pelancong-pelancong daripada sebelah timur terutama daripada Jepun, Korea, China dan lain-lain. Kementerian ini bolehlah mengkaji jika sekiranya Lapangan Terbang Kota Bharu dinaikkan taraf apakah prospek pelancongan yang dapat ditingkatkan?

Tuan Pengerusi, di samping itu saya hendak tanya ada beberapa perkara yang telah saya bangkitkan di bawah kementerian-kementerian lain yang telah dijanjikan oleh menteri-menteri untuk diberikan jawapan bertulis umpamanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Perusahaan Utama tetapi sampai hari ini saya belum lagi menerima jawapan-jawapan bertulis. Adakah apa-apa perkara yang kita boleh lakukan untuk memastikan jawapan bertulis tadi dapat diterima oleh kami.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, sudah habis? Yang Berhormat menyiapkan jawapan agaknya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya. Yang akhir sekali ialah e-commerce, Tuan Pengerusi. Dalam dunia pelancongan yang penting ialah maklumat. Apabila kita ingin melancong, kita inginkan maklumat. Banyak perkara yang kita inginkan maklumat termasuk kemudahan penginapan yang sesuai dan juga tarikan-tarikan yang berkenaan dengan selera masing-masing selain daripada cuaca, tambang kapal terbang dan perkara-perkara lain.

Bagi pengusaha-pengusaha pelancongan rendah ataupun kecil yang mempunyai chalet yang kecil, mereka tidak mampu ataupun tidak berkemahiran pada peringkat ini untuk mempunyai web mereka sendiri untuk memasarkan produk mereka. Saya yakin jika sekiranya kementerian ini dapat membantu di peringkat tiap-tiap negeri mempunyai satu website yang boleh memperkenalkan semua pusat pelancongan kecil-kecilan yang wujud di negeri masing-masing dan dengan sendirinya pelancong-pelancong asing dapat mengetahui tiap-tiap tempat yang kecil ini – di tepi-tepi pantai, di tepi air terjun, saya rasa peratus peningkatan pelancong yang dapat menginap di tempat-tempat tersebut akan dapat ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lumut.

4.41 ptg.

Tuan Kong Cho Ha [Lumut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan dalam B.22, Butiran 030000 dan 040000 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah atas usaha-usaha yang diambil dan peranan yang dimainkan oleh kementerian untuk mempromosikan negara kita sebagai satu destinasi pelancongan antarabangsa. Oleh kerana usaha yang diambil oleh kementerian itu dapatlah ramai pelancong datang ke negara kita dan menguntungkan peniaga-peniaga negara kita dan dengan demikian negara kita menguntungkan pertukaran wang asing. Saya bagi kawasan Lumut ini perlu *highlightkan* kawasan saya sebagai satu destinasi pelancongan utama di negara kita ini dan saya hendak beri perhatian kepada kementerian beberapa perkara tarikan yang ada di kawasan saya untuk dipromosikan pada masa sekarang dan juga untuk masa yang akan datang.

Yang pertama, ialah dari segi ecotourism. Kawasan saya termasuk kawasan Lumut dan juga Pulau Pangkor mempunyai banyak tarikan dari segi ecotourism kerana kita mempunyai pulau-pulau yang cantik, pantai yang bersih, sungai, bukit, hutan dan juga terdapat banyak tempat untuk memancing yang amat sesuai untuk dipromosikan ecotourism.

Dari segi agrotourism, saya tidak tahu kemungkinan agrotourism itu di bawah Kementerian Pertanian tetapi ia juga sejenis pelancongan. Di kawasan Lumut ini merupakan kawasan ternakan udang harimau yang utama di negara kita dan saya harap kementerian boleh mempromosikan tempat-tempat ternakan udang harimau sebagai satu destinasi pelancongan agrotourism dan juga ternakan ikan di atas pelantar dalam sangkar. Saya sendiri telah melawat beberapa pelantar yang membela ikan dalam sangkar dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita juga telah melawat salah satu pelantar membela ikan dalam sangkar di kawasan saya iaitu di Kampung Baru, Lumut. Pelantar membela ikan dalam sangkar itu boleh dimajukan sebagai tarikan pelancongan dari segi membina restoran di atas pelantar itu di mana pelancong boleh menikmati ikan yang segar dan juga makanan laut yang lain.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya juga terdapat dan sedang dibina jambatan Sungai Dinding yang dijangka siap pada tahun ini dan mengikut Kementerian Kerja Raya, jambatan Sungai Dinding itu merupakan jambatan yang tercantik sekali di negara kita bila siapnya dan saya harap kementerian akan mengambil tindakan penyediaan untuk mempromosikan jambatan Sungai Dinding sebagai satu destinasi pelancongan dan negeri Perak juga telah mengaturkan bulan Oktober di mana diadakan satu Larian Jambatan Sungai Dinding dan jambatan Sungai Dinding akan menjadi satu landmark daerah Lumut bila siapnya.

Dari segi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) juga adalah satu tarikan pelancong kerana tiap-tiap tahun Tentera Laut Diraja Malaysia mengadakan Hari Armada iaitu merupakan open day dan tahun ini jatuhnya pada bulan Mei iaitu 6hb. dan 7 Mei yang akan datang ini dan kalau dipromosikan dengan secara yang betul Hari Armada juga boleh menjadi satu tarikan untuk pelancong dalam negeri dan pangkalan TLDM itu juga membawa pelancong dari negara asing ke negara kita, mungkin Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak sedar, kerana tiap-tiap tahun terdapat banyak kapal tentera laut dari negara-negara asing yang singgah di Pangkalan TLDM Lumut ini untuk melawat selama tiga hari sehingga satu minggu dan pada masa itu mereka melancong ke tempat-tempat pelancongan di kawasan Lumut dan makan di restoran-restoran, membeli-belah di pasar raya dan membeli cenderamata-cenderamata untuk dibawa balik ke negaranya dan pada masa yang sama bila anggota dari tentera laut negara asing itu balik ke negara mereka masing-masing, mereka akan mempromosikan negara kita sebagai satu destinasi pelancongan khasnya kawasan Lumut. Saya harap kementerian akan mengambil tindakan yang lain untuk membawa lebih kemudahan ke kawasan Lumut itu untuk mempromosikan industri pelancongan.

Di sini saya juga hendak membangkitkan beberapa perkara dan masalah dari segi kemudahan-kemudahan yang boleh ditingkatkan ataupun dinaikkan taraf ataupun diperbaiki. Tuan Pengerusi, di Pekan Lumut, kerajaan telah membelanjakan sebanyak lebih kurang RM6 juta untuk membuat satu Taman 'Esplanade' Bandar Lumut yang begitu canggih dan begitu cantik dan orang ramai datang ke Esplanade itu khasnya kanak-kanak untuk main di Esplanade itu. Tetapi malangnya, Taman Esplanade Lumut ini walaupun disiapkan selama dua, tiga tahun yang lepas, masih belum mempunyai bekalan elektrik dan Menara Jam itu juga meminjam elektrik daripada

satu kedai di luar kawasan itu dan saya harap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan boleh memberi peruntukan untuk melengkap bekalan elektrik untuk Esplanade bandar Lumut Itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Kong Cho Ha: Satu jeti di Kampung Baru Lumut itu juga rosak, besinya sudah karat dan jeti itu digunakan oleh ramai pelancong untuk memancing ikan dan juga untuk kegiatan permainan bot. Saya harap jeti itu diperbaiki kerana ianya adalah berbahaya dan harap diperbaiki sebelum kemalangan terjadi. Itu sahaja pandangan saya dan harap kementerian mengambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bandau.

16.31 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih. Saya ingin menumpukan pandangan-pandangan kita kepada Kepala B.22 iaitu perkara-perkara di bawah Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan yang mana telah pun diperuntukkan jumlah untuk Mengurus RM202,699,400 juta bagi tujuan Pembangunan RM129,471,030. Khususnya di bawah Kepala 040000 iaitu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, di mana diperuntukkan Lembaga ini RM93, 423,300 juta.

Pandangan kita, beberapa persoalan, pertamanya kita ingin bertanya kepada pihak kementerian di dalam perkara ini, di mana jumlah wang RM93.4 juta ini yang diperuntukkan kepada MTPB ini, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, adakah semuanya, peruntukan yang diasingkan ini untuk tujuan penggalakan pelancongan Malaysia di peringkat antarabangsa. Dan mengikut maklumat kita, memang sebahagian digunakan untuk tujuan mempromosikan pelancongan domestik tetapi bolehkah pihak kementerian membekal kepada Dewan yang mulia ini berapa porsi, berapa jumlah daripada yang digunakan untuk penggalakan pelancongan di peringkat antarabangsa dan berapa jumlah digunakan untuk mempromosikan pelancongan domestik kerana ini amat penting.

Kita ragu bahawa begitu banyak usaha untuk mempromosikan negara kita di peringkat antarabangsa tetapi di peringkat negara pula usaha yang ditumpukan pada

saat ini mengikut pandangan umum adalah amat tidak mencukupi seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat yang lain yang baru sahaja berucap tadi. Kita berpendapat bahawa pada dasar, pada jangka panjang sektor pelancongan domestik ini hendaklah, harus diberi tekanan yang lebih serius dan lebih luas dari apa yang dilakukan pada saat ini. Dan daripada itulah kita ingin tahu, daripada jumlah peruntukan yang diberi pada Lembaga, berapa jumlah digunakan untuk mempromosikan pelancongan domestik.

Dan dalam soal mempromosikan pelancongan domestik, Tuan Pengerusi, memang biasa kita dalam perkara ini menyokong apa juga usaha yang telah pun diberi oleh kerajaan walaupun dalam keadaan belum mencukupi. Misalnya, kebaikannya dari segi jangka panjang untuk mempengerusikan pelancongan domestik – satu memang supaya rakyat kita lebih mengenali kekuatan kita dalam negara ini, *the strenght of our country* dari segi kebudayaan, dengan izin, dari segi pergaulan dan seterusnya, yang amat penting sebagai dalam bidang mempromosikan integrasi nasional. Dan kedua, untuk mengelakkan pengeksporan wang Ringgit Malaysia, *saving of foreign exchange*, dengan izin.

Maka dua faktor, matlamat ini sangat penting sekali tetapi usaha untuk mempromosikan pelancongan domestik belum mencukupi khusus saya sentuh sini - saya melihat Timbalan Menteri Pertahanan, dia senyum-senyum, dia tahu saya akan sentuh soal apa ini tambang kapal terbang ke Sabah dan Sarawak. Ini asas Tuan Pengerusi, kalau kita hendak mempromosikan pelancongan domestik, khususnya di antara dua negeri di sebelah Timur sana dan Wilayah Semenanjung maka soal tambang kapal terbang itu, tiket kapal terbang itu amat penting sekali.

Dan ada jawapan Timbalan Menteri tempoh hari soal Feri Malaysia yakni sudah kena K.O. lah, nampaknya tidak mahu lagi dipertimbangkan. Tetapi saya merayu kepada kerajaan supaya memikir, apa jalan lain lagi. Kalau kos perjalanan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung tidak boleh dikurangkan oleh..., katakan MAS, walaupun kita minta kos yang paling rendah, *no free service*, dengan izin, minum jus pun tidak usahlah, tidak usah kasi. Tetapi itu juga dikatakan *not economical* dan selalu mempertimbangkan *route* ini dengan izin, sektor ini sebagai sektor antarabangsa. *If you*, dengan izin, *want to cost in that contact*, kita barangkali melihat bahawa itu boleh dikatakan paling kurang sudah. Tetapi, perlu kerajaan

melihat dari segi matlamat kerajaan untuk integrasi nasional, yang dengan izin, *no money can cost, no money can buy*.

Jadi, saya berharaplah supaya pihak kerajaan sekali lagi meninjau perkara ini supaya soal pergaulan antara pantai Timur, negeri-negeri di kawasan Timur dan kawasan Semenanjung ini dapat dipertingkatkan dengan memudahkan perjalanan. Dan dengan itu soal feri harus dipertimbangkan. Dulu memang saya sendiri ada naik feri Tuan Pengerusi, waktu saya balik bekerja di Semenanjung 1987, saya balik bawa kereta pun pakai Feri Malaysia. *Maybe I was the last one to* pakai, sebelum dia kena berhenti. Dan memang pada waktu itu, *a bit luxurious* lah, ada budaya *show on top* dan begitu semua tetapi *I think you don't really need that, you know*, dengan izin, *what you need is cheap travel, safe* dan boleh cepat sampai, itu sahaja dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, maka dalam perkara ini, saya melihat di bawah Kepala *Ecotourism* iaitu di bawah 01900 di mana RM3.66 juta diperuntukkan untuk tujuan ini. Saya berpendapat ini peruntukan yang amat kecil sekali. Sangat kecil sekali untuk tujuan pembangunan *ecotourism* kerana kekuatan negara akhirnya dalam sektor pelancongan ini seperti mana yang diakui oleh pihak Lembaga dan Kementerian adalah kemudahan-kemudahan pelancongan semulajadi, *ecotourism, agrotourism, and not enough*, dengan izin, *is being done in this*, Tuan Pengerusi. Di Sabah, di Sarawak bukan sahaja begitu kaya dengan tempat-tempat *ecotourism* ini tetapi saya katakan tadi bagi rakyat negeri kita untuk melawatnya amat sukar sekali. Macam cerita Sempornalah, tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, di sana pulau-pulau itu telah pun digazetkan sebagai satu Taman Sabah tetapi sampai sekarang belum lagi dibangunkan, pada masa yang sama tidak banyak orang datang untuk melawat walaupun kekayaan itu ada. Memang dulu banyak mundurlah tetapi beliau sekarang Timbalan Menteri bolehlah kawal semua mundur-mundur itu, orang-orang asing yang cuba mengganggu negara kita termasuk beliau punya tempat dan seluruh negeri Sabahlah, mudah-mudahan.

Jadi, saya mengatakan ini Tuan Pengerusi, tumpuan hendaklah diberi tidak dengan *lip service* tetapi dengan *action*, menitik berat dan pelaksanaan-pelaksanaan tertentu. Dalam soal ini, ada kaitan dengan *ecotourism*, ialah soal *agrotourism*, yang dikatakan barangkali ini bukan di bawah bidang ini tetapi tidak larilah untuk bekerjasama dengan pihak Kementerian Pertanian. Kita tahu, sedia maklum kekuatan

negara cukup kukuh dalam perkara ini. Baru-baru ini beberapa sahabat kita ke New Zealand, apa dia orang buat, lawat ladang. *One whole day trip*, dengan izin, tengok anjing ‘bubut’ lembu, makan BBQ di sana, *why do have to go so far*, dengan izin, jika di negara kita, taman-taman perikanan banyak tetapi promosinya tidak...., begitu kecil sekali.

Saya mintalah kalau ada senarai promosi-promosi, risalah-risalah, tolong bagikan kepada ahli-ahli Parlimen, tempat-tempat pelancongan, *agrotourism* di negeri ini, negara kita supaya kita sendiri boleh melawat tempat-tempat ini dan menikmatinya dan mendapatkan pelajaran sedikitlah, saya mohonlah sila edarkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, risalah-risalah mengenai promosi *agrotourism*, dengan izin, sebab saya sendiri ingin pergi esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Seterusnya dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya melihat di bawah P.22 Butiran 00800 Kajian-kajian Pelancongan ini RM1 juta sahaja diberikan. Saya rasa ini amat mengecewakanlah sebab akhirnya kerajaan hendaklah meneruskan mencari, dengan izin, *niches*, kalau tidak ada tempat-tempat yang baru untuk dicari, selepas beberapa masa pelancong-pelancong kita ini khusus dalam soal ecotourism dia hendak ke tempat yang baru dan kalau RM1 juta sahaja diperuntukkan untuk membuat kajian-kajian tertentu, soal pelancongan dan tempat-tempat dan seterusnya tidak mencukupi.

Saya ingin bertanya berapa jumlah daripada ini akan dihasilkan untuk negeri Sabah dan Sarawak supaya membantu pihak kerajaan negeri yang kedua-duanya mempunyai kementerian yang tersendiri dalam bidang ini tetapi perlu pertolongan dari pihak kementerian?

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena, selepas ini Timbalan Menteri – ada seorang lagi ya.

4.42 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.22 Butiran 030000 dan P.22 – 01900.

Pertama, apa yang ingin saya sentuh tentang ecotourism yang kini menjadi suatu soalan yang sangat baik dan saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana berusaha untuk memajukan pelancongan yang seperti ini. Bila

kita sebut ecotourism, pentafsirannya ialah pengembaraan ke alam semula jadi yang belum tercemar untuk kita belajar mengenai pemandangan, hidupan dan tumbuhan liar di samping dapat faedah tentang nilai, budaya, masa kini dan lampau di tempat yang dikunjungi.

Ini pentafsiran yang boleh saya berikan tentang makna ecotourism iaitu pelancongan yang berasaskan kepada alam semula jadi dan sebagainya. Ini bermakna bahawa kerajaan berusaha untuk – khususnya pelancong-pelancong daripada luar ini supaya mereka dibawa ke tempat-tempat yang sebegini rupa untuk berlaku satu proses pemindahan budaya, pemindahan pemikiran, pemindahan budaya khususnya daripada budaya di tempat yang dilawati, dikunjungi dan dilancong itu kepada pelancong yang melawati tempat tersebut.

Persoalan yang ingin saya bangkitkan ini ialah apakah proses pemindahan ini dapat berlaku dalam pelaksanaan dan perjalanan ecotourism ini ataupun sebaliknya yang berlaku bukannya pemindahan budaya yang ada di negara kita ini kepada pelancong-pelancong khususnya pelancong asing tetapi sebaliknya berlaku pemindahan budaya yang dibawa oleh pelancong asing ke dalam masyarakat dalam negara kita.

Saya menyebut perkara ini kerana berdasarkan kepada apa yang sedang berlaku dalam masyarakat kita tentang pencemaran budaya, tentang pengamalan budaya-budaya asing yang asing daripada budaya Malaysia ini, yang diamalkan oleh sebahagian besar daripada masyarakat Malaysia ini.

Oleh sebab itu, saya ingin penjelasan setakat mana dan sejauh mana proses pemindahan budaya ini berjaya dilakukan dalam projek ecotourism ini. Saya juga ingin s mengetahui sejauh mana pula peranan ataupun kursus latihan yang diberikan kepada pemandu-pemandu pelancong ini, tourist guide ini, untuk mereka itu sendiri dapat memahami konsep ecotourism supaya bila mereka memandu pelancong, membawa pelancong ini, mereka boleh memberikan penjelasan, penerangan tentang sejarah, tentang budaya ataupun kalau dibawa ke tempat-tempat untuk melihat spesis-spesis hidupan liar, spesis UMNO dan sebagainya. *[Ketawa]* Mereka boleh beritahu hak mana UMNO, hak macam mana UMNO, hak macam mana lain-lain lagi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jauh sangatlah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu contoh, contoh. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya. Maknanya, saya hendak tekankan di sini ialah sejauh mana tourist guide ini, pemandu pelancong ini diberikan kursus dan latihan dan saya bimbang jika tourist guide ini, pemandu pelancong ini tidak diberikan kursus dan latihan untuk memahami konsep ecotourism ini, saya bimbang bahawa pemindahan tadi ini tidak dapat berlaku, sebaliknya berlaku pemindahan budaya asing ke dalam kehidupan masyarakat di Malaysia ini.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kemudian, matlamat untuk menarik pelancong asing ini antara

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah proses pelancongan boleh dijadikan satu saluran pemindahan budaya sedangkan budaya itu adalah satu manifestasi kepada masalah gaya hidup, kebudayaan dan sebagainya. Apa yang dikatakan sebagai budaya itu tidak boleh dipindahkan dengan satu proses yang amat singkat.

Jadi, saya hairan macam mana saudara memberi tafsiran kepada pelancongan sebagai salah satu cara untuk pembudayaan sekelompok individu ataupun pemindahan kebudayaan daripada satu kelompok individu kepada individu yang lain ataupun penerapan satu budaya. Umpamanya, budaya Malaysia kepada orang luar ataupun pencedokan budaya luar kepada orang Malaysia. Saya tidak faham perkara ini, bolehkah ditafsirkan, bolehkah diperjelaskan lagi hal ini? Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Kalau saya hendak terang tentulah memakan masa yang panjang tetapi apa yang saya tekankan di sini ialah tentang setakat mana usaha yang dilakukan dalam memahami masyarakat ataupun pelancong-pelancong asing ini tentang budaya masyarakat di Malaysia. Itu yang saya tekankan.

Sebab itu saya tekankan tadi sejauh mana tourist guide itu diberikan kursus dan latihan untuk mereka itu memahami tentang permasalahan sejarah, tentang budaya di Malaysia supaya mereka boleh memberikan kefahaman. Soal berlaku pemindahan secara drastik ataupun tidak, sudah tentu saya bersetuju dia memakan

masa yang panjang tetapi setakat mana kesediaan kita untuk melakukan proses tersebut.

Matlamat untuk menarik pelancongan ini antara lainnya diletakkan ialah untuk melihat satu pertukaran asing berlaku dalam negara kita. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini sejauh manakah tukaran mata wang asing itu dapat memberikan keuntungan kepada kehidupan masyarakat secara menyeluruh ataupun tukaran asing itu lebih dilihat berlaku hanya menguntungkan pihak-pihak tertentu, pengusaha-pengusaha tertentu tetapi tidak sebaliknya kepada kehidupan masyarakat yang lebih luas.

Umpamanya, saya lihat bahawa kadang-kadangnya walaupun matlamat itu baik, murni untuk melakukan satu proses tukaran wang asing ini tetapi sebaliknya satu pengawalan tidak berlaku terhadap pembangunan industri pelancongan secara menyeluruhnya. Umpamanya, bila kita lihat bahawa pembangunan industri perhotelan dalam negara kita, sebaliknya apa yang berlaku dalam industri perhotelan ini ialah wang kita lebih banyak mengalir keluar daripada wang asing masuk ke dalam negara kita. Ini umpamanya, apabila sebahagian besar daripada komponen-komponen yang ada, yang didirikan dalam hotel itu terdiri daripada barang-barang yang diimport umpamanya lampu, langsir dari Perancis, dari Belanda, dari Itali dan sebagainya. Ini saya lihat bahawa seolah-olah macam satu kaunter produktif terhadap matlamat dari sudut pelancongan ini untuk menghasilkan matlamat untuk tukaran wang asing. Oleh sebab itu saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian.

Begitu juga saya bimbang dengan kenyataan Perdana Menteri baru-baru ini sewaktu merasmikan Pertandingan Golf Sedunia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa, "Kerajaan akan mengadakan satu lagi pelancongan yang berasaskan kepada padang golf". Ini kenyataan Perdana Menteri dalam merasmikan Pertandingan Golf Sedunia, iaitu bahawa pelancongan yang berasaskan kepada padang golf.

Bagi saya bahawa jika ini berlaku sudah tentulah sekali lagi kita akan memakan korban terhadap keluasan tanah dalam negara kita yang sepatutnya boleh dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat secara keseluruhan tetapi sebaliknya kita menggunakan tanah itu hanya untuk kepentingan orang-orang tertentu ataupun golongan-golongan tertentu. Ini saya kira bahawa tidak menguntungkan dari sudut ekonominya untuk kehidupan masyarakat dan rakyat.

Begitu juga kalau ini menjadi kenyataan tetapi walau bagaimanapun, saya meminta supaya kementerian mengkaji balik dari sudut untung rugi kepada kehidupan masyarakat sebab bagi saya ianya akan membabitkan berbagai-bagai persoalan termasuklah teknologi-teknologi daripada luar dan juga menggunakan jurutera-jurutera daripada luar yang mempunyai kemahiran yang tinggi untuk membangunkan padang golf dan ini bagi saya tidak menguntungkan dari sudut tukaran asing itu sendiri.

Kemudian, Tuan Pengerusi, tentang *tourism pollution* iaitu pencemaran terhadap pelancongan ini sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, saya gulung. Pencemaran terhadap pelancongan, kita lihat bahawa daripada pelaksanaan dasar pelancongan dan pelaksanaan program pelancongan dalam negara kita hari ini, kita lihat bahawa macam tidak ada satu pengawalan sehingga menyebabkan bila dibuat program-program pelancongan, dibina projek-projek pelancongan yang akan berlakunya nanti ialah pencemaran terhadap pelancongan itu sendiri.

Maksud pencemaran terhadap pelancongan ialah pencemaran terhadap kehidupan masyarakat dalam negara kita. Satu contoh saya sebut di sini ialah macam di Langkawi, bila dibuatkan projek bebas cukai umpamanya, maka yang akan rosaknya budaya masyarakat kita seperti mana anak muda yang minum arak, penuntut sekolah yang minum arak, yang hisap rokok dan kita terpaksa menyediakan satu peruntukan yang lebih besar untuk menangani persoalan-persoalan yang berlaku dalam negara kita.

Begitu juga kita lihat di Batu Feringgi umpamanya, aksi bogel yang mencemar masyarakat kita sama ada pencemaran itu dibawa oleh pelancong asing, kemudiannya dipindahkan kepada masyarakat Malaysia, bukan sahaja aksi bogel, aksi lucah pun tidak boleh, macam mana yang berlaku di Pahang baru-baru ini, yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, aksi lucah, ini juga satu perkara yang saya rasa bahawa pencemaran terhadap pelancongan.

Ahli Yang Berhormat bagi Semporna pun ada di sebelah waktu Menteri Besar Pahang membuat aksi lucah. Jadi, saya rasa bahawa aksi lucah ini bukan satu daya

tarikan pelancong yang boleh menguntungkan masyarakat Malaysia tetapi sebaliknya merugikan masyarakat Malaysia.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi, oleh sebab itu satu perkara lagi yang saya hendak sebut di sini ialah

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: [*Bangun*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua orang yang bangun, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Timbalan Menteri, sila.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu, minta sedikit penjelasan dari Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena tentang aksi lucah ini. Sekadarkan Yang Berhormat memaparkan bahawa kelakuan ini berlaku hanyalah kepada ahli-ahli UMNO dan pada keseluruhannya saya melihat perkara ini sebetulnya yang dimulai oleh ahli-ahli daripada PAS dan pihak pembangkang, khususnya PAS dan KeADILan, masa itu saya lihat, tetapi saya tidak nampak MB Pahang yang buat ketika itu. Ketika itu, masa itu kerana saya berdiri berbaris, masa itu kerana saya dekat berhampiran dengan beliau, tidak nampak, tetapi walaupun demikian, saya rasa itu bukanlah sebahagian daripada budaya digambarkan oleh keseluruhan ahli-ahli UMNO yang dipaparkan, bahawa kita adalah mempunyai budaya yang tidak baik dan kalau saya lihat hampir keseluruhan pada hari itu, kelakuan yang dibuat kebanyakannya oleh pihak-pihak parti PAS dan pihak-pihak parti KeADILan dan juga DAP waktu ketika itu menyebarkan mata wang ringgit dan juga kain batik, di samping itu memaparkan signal yang seperti Yang Berhormat Pokok Sena nampak di Internet itu. Sebetulnya dimulai oleh ahli-ahli daripada pembangkang.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya tidaklah hendak berbahas panjang dalam isu ini. Cuma saya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya itu pun tak kena mengena dengan pelancongan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, saya tunjuk contoh sahaja perlakuan seks, perlakuan bogel, aksi lucu Yang Berhormat sendiri pun senyum dalam Internet tersenyum melihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar seronok gembira.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena membangkitkan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri laluan.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Saya minta jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha, tidak beri jalanlah, minta kat JKRLah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ucapkan terima kasih dan saya minta pihak kementerian juga melihat perkara-perkara yang saya sebutkan tadi supaya kepentingan orang ramai umpamanya seperti mana apabila dibuat satu-satu tempat pelancongan itu, perlu diambil kira soal kepentingan orang ramai.

Satu contoh, akhir saya hendak tunjuk, di kawasan Padang Terap apabila dibuat Pedu Link, sedangkan pembinaan pusat pelancongan Pedu Link itu menjejaskan kepentingan petani, harus diambil kira apabila projek-projek pembinaan pelancongan ini kepada kepentingan orang ramai yang sedia ada di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hulu Rajang.

4.55 ptg.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Tuan Pengerusi, terima kasih, oleh kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B.22, Butiran 030000, 040000, 060000. Isu-isu yang saya ingin sentuh akan meliputi empat kategori iaitu pengangkutan, infrastruktur, produk dan perkhidmatan dan juga promosi.

Yang pertama, tentang pengangkutan MAS. Kita semua sedar masalah MAS, tetapi yang ingin saya sebut di sini menambah apa yang telah disebutkan oleh rakan dari Sarawak dan juga Sabah, minta tambahan lagi penerbangan ke lebih banyak bandar di Sarawak ataupun penerbangan dari Sarawak.

Yang kedua, saya ingin menyentuh juga apa yang telah disentuh iaitu tentang cadangan menghidupkan semula perkhidmatan feri di antara Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Star Cruise, perkhidmatan feri tersebut adalah tidak berdaya maju ataupun non viable. Walau bagaimanapun, sebab yang diberikan adalah kurang meyakinkan, operasinya akan kerugian RM50 juta setahun. Kita harus sedar bahawa kos operasi tersebut sebenarnya adalah jauh lebih kurang iaitu separuh daripada RM50 juta kerana itu untuk mengatakan kerugian operasi tersebut RM50 juta setahun ialah barangkali kurang tepat.

Laut bergelora dan amat berbahaya selama lima bulan dalam setahun jika kita lihat operasi di UK, atau negara-negara Scandinavia, di North Sea, kita dapati bahawa Teluk Biscay dan juga Baltic adalah merupakan tiga kawasan lautan bergelora yang amat berbahaya di dunia. Tetapi operator feri di negara tersebut boleh beroperasi sepanjang tahun. Tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa musim landas di selat dan Laut China Selatan adalah sama seperti musim tenang sama di North Sea.

Tambang akan lebih mahal daripada tambang pengangkutan udara. Perkara tersebut tidak akan terjadi jika sumber asas pendapatan datangnya dari kargo dan kenderaan digunakan. Menjalankan satu kajian dengan menggunakan operator feri bukan operator cruise seperti feri di Indonesia ataupun syarikat daripada Filipina atau dari Britain ataupun negara Scandinavia atau Rusia barangkali boleh dipertimbangkan untuk menangani kajian tersebut agar hasilnya boleh dipercayai, bukan cruise. Cruise kosnya memanglah tinggi. Jadi, perkhidmatan tersebut bolehlah dimulai dari Johor Bahru, bukan Kuantan bagi keselesaan penumpang dan membuka lambaran baru bagi pasaran di Singapura.

Yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah keselamatan pengangkutan air. Selepas kemalangan di sebuah sungai di Sarawak dalam tahun 1998 yang mengakibatkan kematian dua orang pelancong Swiss, tidak ada tindakan susulan telah diambil, berita mengenainya terpampang di muka depan akhbar-akhbar di Switzerland dan telah menjejaskan nama Malaysia di negara berkenaan.

Insiden tragis yang sama yang melibatkan perahu dan feri telah berlaku di Pantai Timur, Melaka dan juga Langkawi. Jadi, saya cadangkan akibat daripada kemalangan tersebut, maka siasatan umum harus dilakukan di mana pihak yang

bertanggungjawab dapat dikenal pasti serta tindakan harus diambil agar kemalangan seperti ini tidak akan berlaku.

Perkhidmatan sewaan kenderaan kereta dan motosikal tanpa lesen telah berleluasa di Malaysia khususnya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Langkawi, Sabah dan juga Sarawak, kerana itu ramai pelawat atau pelancong tidak dilindungi insurans dalam kenderaan yang tidak diperiksa oleh Puspakom. Perkara ini benar-benar membahayakan keselamatan para pelawat, pelancong atau para penumpang umumnya jika mereka melakukan kesalahan trafik. Jadi, saya cadangkan harus ada penguat kuasa yang ketat, pihak yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan harus didenda dan sebagainya.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuhkan ialah tentang infrastruktur, ini penting untuk kegiatan pelancongan. Misalnya binaan tambahan lapangan terbang di Kuching. Sekarang negeri Sarawak telah memberi peluang kepada industri untuk membuka cawangan di Sarawak tetapi masalahnya penghantaran dari Kuching. Sebab pada masa ini pesawat besar tidak boleh mendarat dan berlepas dari Lapangan Terbang Kuching. Ini telah memberi kesan negatif kepada sektor industri berteknologi tinggi yang membuka kilang-kilang di Kuching yang terpaksa menghantar barangan mereka ke Kuala Lumpur atau Singapura dan terpaksa membungkus semula barangan tersebut. Ini sentiasa melibatkan kelewatan dan juga penambahan kos. Jadi, cadangan ialah untuk pendaratan di Lapangan Terbang Kuching ditambah.

Satu lagi perkara saya ingin sentuh ialah kekurangan 'purpose built' kemudahan persidangan di luar Lembah Klang. Pada masa ini semua purpose build persidangan dan pusat pameran hanya didapati di Lembah Klang seperti PWTC dan The Mines. Penganjur persidangan di tempat-tempat lain terpaksa bergantung kepada hotel atau bangunan-bangunan awam yang mempunyai kemudahan yang terhad dan terbatas dan kurang canggih bagi persidangan-persidangan yang besar. Jadi, saya cadangkan supaya menyediakan insentif fizikal kepada bandar-bandar besar atau pusat pelancongan utama dalam Malaysia untuk mendirikan pusat persidangan yang serba moden dan canggih.

Perkara yang ketiga ialah tentang produk dan perkhidmatan. Kekurangan kakitangan dan kurang terlatih kerap kali terdapat kekurangan kakitangan yang mahir di sektor perhotelan dan restoran di Malaysia. Ini juga telah disentuh oleh rakan-

rakan. Ini mengakibatkan kurang kualiti perkhidmatan dan kurang kepuasan pelanggan. Jadi, saya cadangkan kelayakan akademik dalam perhotelan dan catering kebanyakan disediakan oleh institusi swasta dan pada amnya amat mahal bagi kebanyakan pihak. Sehubungan itu, lulusan dalam kursus perhotelan dan catering terpaksa bekerja di luar negeri bagi mendapat gaji yang lebih seimbang dengan kos pengajian yang tinggi, kerana itu pinjaman atau faedah geran atau subsidi perlu ditawarkan kepada mereka yang berminat agar mereka terlibat dalam industri pelancongan. Ramai yang berpendapat bahawa sektor perhotelan dan restoran kurang membawa pulangan yang lumayan. Barangkali syarikat, restoran dan industri perhotelan perlu menyemak semula struktur gaji bagi menarik lebih ramai kakitangan yang berkebolehan.

Jadi, satu lagi perkara ialah kurang maklumat untuk pelawat dan pelancong. Tidak dapat dinafikan bahawa perkara ini bertindih dengan bahagian promosi dan pemasaran tetapi maklumat mengenai pelancongan tempatan harus ada sebelum ianya digunakan untuk mempromosi Malaysia. Terdapat banyak perkara yang perlu dikemukakan:

- (a) Dalam banyak hal terdapat kekurangan maklumat yang ketara tentang muzium dan tempat tarikan pelancong sama ada dalam bentuk bahan bertulis atau pameran. Sehubungan dengan itu, maklumat-maklumat tersebut hanya didapati dalam bahasa-bahasa yang terhad. Kebanyakan dalam Bahasa Inggeris sedangkan kita memerlukan bukan sahaja Bahasa Inggeris ataupun bangsa Inggeris yang datang ke Malaysia. Papan tanda jalan yang didapati di Malaysia sebenarnya kurang jelas jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Perkara ini menyukarkan para pelawat atau para pelancong mencari jalan menuju ke tempat tarikan pelancong.
- (b) Tidak ada peta jalan yang komprehensif dan yang kemas kini kecuali di Kuala Lumpur dan juga Petaling Jaya.
- (c) Juga pemuliharaan dan pemilihan adat resam yang berkurangan. Masalah ini menjadi amat serius dan mengakibatkan destinasi pelancongan di Kuala Lumpur, Melaka, Penang dan Kuching. Hanya terdapat segelintir

masyarakat kita yang memelihara budaya dan adat resam dan didapati kurangnya pelaksanaan penguat kuasa tentang pemuliharaan dan pemeliharaan budaya tersebut. Jadi, saya cadangkan di sini supaya kementerian dapat mendraf undang-undang yang munasabah untuk melindungi bangunan serta objek tinggalan seni dan budaya lama dan penguatkuasaan harus dilaksanakan secara serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat ...

Tuan Billy Abit Joo: Dan yang akhir sekali ialah tentang promosi dan pemasaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung. Masa..

Tuan Billy Abit Joo: Ya, ini yang akhir Tuan Pengerusi. Organisasi-organisasi pelancongan di Malaysia telah berbelanja banyak wang untuk mempromosi pelancongan di Malaysia. Tetapi mereka telah melakukan amat kurang pengiklanan melalui media yang juga kurang berkesan. Memberi kesedaran melalui rombongan niaga sebenarnya merupakan kegiatan yang banyak diheboh-hebohkan tetapi saluran tersebut bukannya yang terbaik. Misalnya seorang yang ingin untuk pergi melancong sebenarnya tidak pergi ke syarikat pelancongan untuk diberitahu negara mana yang patut dilawati. Sebenarnya dalam diri mereka, mereka telah memutuskan negara mana yang mereka minati untuk dilawati dan mereka ini pergi ke syarikat pelancongan untuk mendapat pakej pelancongan yang terbaik. Jika seorang ingin melawat Langkawi misalnya, tidak ada pengurus syarikat pelancongan yang waras akan mencadangkan agar dia harus pergi ke Tioman atau sebaliknya.

Pada hakikatnya, kegiatan yang dianjurkan kerajaan seperti Formula One dan juga Sukan Komanwel memang banyak menyedarkan masyarakat dunia tentang kehebatan Malaysia. Sebenarnya kehebatan tersebut boleh dibuat melalui majalah, TV dan kempen-kempen di negara-negara tertentu seperti yang dilakukan oleh Indonesia, Thailand, Spain dan lain-lain. Jadi, saya cadangkan menyalurkan peruntukan kewangan untuk pameran pelancongan, lawatan promosi dan lawatan membiasakan diri kepada iklan langsung dan aktiviti hubungan dengan masyarakat umum di negara-negara yang disasarkan. Menggunakan iklan dan agensi perhubungan awam di negara sasaran kerana agensi berkenaan amat peka dan amat

mengetahui tentang pasaran yang ada di negara mereka sendiri. Menyampaikan secara konsisten imej Malaysia di merata dunia daripada kerap kali menukarkan pendekatan promosi-promosi yang kurang berjaya. Dan akhirnya Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua kali akhir. *[Ketawa]*

Tuan Billy Abit Joo: Ini yang akhir sekali ya. Industri yang terlalu bergantung kepada kerajaan inilah mungkin pendekatan kita di Malaysia. Nampaknya industri pelancongan di Malaysia percaya adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mempromosi tempat tarikan pelancong produk dan perkhidmatan pelancongan di Malaysia. Oleh kerana usaha yang kurang bersepadu yang di pihak industri selalu membuat Kementerian Pelancongan di pihak pusat dan juga negeri kadang-kadang tumpuan dalam usaha mempromosikan industri pelancongan di negara ini. Kebanyakan syarikat yang berkaitan dengan pelancongan memperuntukkan hanya 2% atau kurang daripada kos pengendalian syarikat dalam iklan dan pada realitinya sesebuah syarikat harus memperuntukkan 10 hingga 20% daripada kos peruntukan operasi untuk iklan. Jika organisasi yang berjaya menawarkan perkhidmatan iklan 10 hingga 20% seperti KFC dan Mc Donalds juga mengharapkan kerajaan semata-mata maka kementerian Pertanian akan terpaksa menggunakan setengah daripada peruntukan kementerian untuk membantu syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya fikir cukuplah.

Tuan Billy Abit Joo: Akhir sekali ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga kali akhir. *[Ketawa]*

Tuan Billy Abit Joo: Cadangan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tolong cepatkan.

Tuan Billy Abit Joo: Jadi, biarlah syarikat tertentu sedar bahawa bila kerajaan sedang berusaha mempromosi Malaysia dan sebagai destinasi pelancongan setiap syarikat bertanggungjawab mempromosikan produk atau perkhidmatan mereka masing-masing. Jika syarikat-syarikat pelancongan tidak mahu bekerja untuk iklan dan promosi mereka ini tidak mempunyai masa depan dalam industri yang kompetitif ini. Mempromosi pelancongan adalah tidak sama dengan menyediakan produk atau perkhidmatan pelancongan tetapi semua orang kuat yang terlibat dalam promosi nampaknya datang dari sektor awam atau sektor pelancongan di mana iklan atau

industri pelancongan awam dianggap sebagai tidak diperlukan. Oleh kerana itu, syarikat iklan dan agensi pelancongan langsung tidak terlibat dalam masalah ini. Jadi, cadangan ialah kita harus adakah supremo di ministry ini di Tourism Board yang harusnya datang dari dunia pengiklanan. We need somebody from there to promote tourism, not from tourism industry.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo: Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas Kepong, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab. Yang Berhormat Kepong sila.

5.10 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tidak akan melebihi sepuluh minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah sebutlah, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Terus. *[Ketawa]* Halaman 238, Butiran 00600 kerana hendak pendekkan, hendak cepat sedikit, Tuan Pengerusi.

Yang pertama saya berharap Timbalan Menteri dapat menjawab mengenai keadaan Pembelian Rekod Malaysia sebab apa kita memperuntukkan wang lebih RM1 juta untuk membeli rekod untuk Malaysia, apakah rekod yang dimaksudkan di sini. Juga seterusnya mengenai Memorial Tunku Abdul Rahman, Memorial Tun Hussein Onn, Gedung Rekod Persekutuan, apakah yang disebutkan sebagai Gedung Rekod Persekutuan, Rumah Kelahiran Dr. Mahathir dan Pustaka Wanita Malaysia serta Galeri Perdana.

Tuan Pengerusi, semua ini memang banyak di dalamnya dan saya berharap Timbalan Menteri dapat menjawab apakah yang dimaksudkan di dalamnya kerana tidak ada butiran yang lanjutnya.

Seterusnya dengan masa yang singkat, halaman 231, Butiran 01900 Pembangunan Ecotourism dan juga Pembangunan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, pertama, saya bersetuju bahawa bilangan pelancong adalah penting untuk Malaysia. Setakat ini kita dapat, kalau tidak silap saya lebih RM10 bilion untuk pelancongan, itu memang satu perkara yang baik terutamanya pelancong dari Singapura. Di sini saya bangkitkan sekali lagi bahawa kalau kita hendak memastikan pelancongan itu berkembang dengan baik, maka kita mesti elakkan apa sahaja berlaku di atasan di antara Singapura dengan Malaysia, memang ada masalah yang timbul dari masa ke semasa, masalah air, masalah sempadan, masalah ruang

udara dan sebagainya, memang ada. Tetapi walaupun ada pertikaian di atas kita mesti memastikan tidak turun kepada bawah, kepada pegawai-pegawai di kedua-dua pihak, kemudian ini akan menjejaskan bilangan pelancong masuk ke negara ini. Ada satu ketika satu Timbalan Menteri di sini kata tidak pedulilah apa yang menjejaskan pelancongan pun tidak kita kisah asalkan kita dapat membelasah dengan secukup-cukupnya terhadap Singapura.

Jadi sikap seumpama ini tidak baik untuk pelancongan, memang tidak baik. Apa gunanya kita belanja.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak ada lain hendak ucapkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada banyak, itu satu muka dimah sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sudah ambil beberapa minit, tiga minit sudah buang.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang, Tuan Pengerusi pun tahu bilangan pelancong yang datang ke sini kalau tidak silap dua tiga juta daripada Singapura yang berulang-ulang, satu juta, beri satu angka. Itu memang, saya mencadangkan walaupun ada di atasan itu ada pertikaian kita janganlah biarkan di atas....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi apa cadangan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak mahu tangan menggamit-gamit.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beritahu cadangan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak apalah, Tuan Pengerusi. Seterusnya mengenai imigresen, prosedur, visa dan sebagainya. Dua hari yang lepas saya pergi ke Jabatan Imigresen sendiri, saya tengok dan walaupun sebahagian ataupun banyak pegawai pun baik juga tetapi saya nampak ada juga sikap pegawai-pegawai imigresen. Kalau kita hendak pelancong datang ke sini, sikap itu lebih baiklah, saya setuju kita mesti ada cara untuk mencegah orang-orang yang bukan pelancong memang kita mesti ketat dengan prosedur kita, asalkan kita tahu ini pelancong, biarlah kita senyum sedikit, ceria, seri sedikit dengan ada sopan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sikap pegawai itu kerana Yang Berhormat ataupun kerana sebab lain. Mungkin Yang Berhormat cakap panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak, kalau saya pergi memang mereka sopan kepada saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi tidak ada masalahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Bagi saya tidak ada masalah, bagi orang lain masalah. Kalau saya pergi memang dia layan saya dengan baik, tidak jadi masalah tetapi orang lain, pelancong yang tidak faham Bahasa Malaysia, itu masalah.

Saya berharap kementerian dapat berhubung dengan pihak imigresen supaya kita bersikap baik, sopan-santun, menunjukkan itulah sikap orang Malaysia, termasuk Timbalan Menteri Pendidikan, dia senyum, itu baik. Semua pegawai senyum....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order, 35(1) Tuan Pengerusi, bercakap biar mengadap Speaker, tengok kami bukan ada apa.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya menghadap Tuan Pengerusi, memang....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Betul, sekali-sekali.

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah kalau terlalu banyak tengok Tuan Pengerusi pun tidak baik juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung, kalau tidak ada boleh duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia hendak kacau sahaja. Saya sebenarnya banyak perkara yang hendak saya sebutkan misalnya, dengan izin, Tuan Pengerusi, The National Tourism Promotion Council, walaupun ada menjalankan tugas tetapi saya nampak ada kelemahan sedikit. Apa kelemahan ini, penyelarasan dengan semua negeri termasuk Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak dan sebagainya, tidak begitu baik. Patut kita adakan penyelarasan, coordination yang lebih baik. Misalnya kita daripada sekarang adakan mungkin satu corporation di setiap negeri, satu badan di setiap negeri untuk mempromosikan pelancongan dan dengan sedemikian kita adakan penyelarasan yang lebih ketat dengan Persekutuan, dengan National Tourism Promotion Council, ini cara yang baik. Termasuk Johor jugalah. Kita adakan promotion corporation untuk promosi. Saya pun jaga Johor jugalah.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai Malaysian Association of Tour and Travel Agents. Tuan Pengerusi, saya nampak kadangkala sesetengah 'tour agent' kita ini tidak begitu 'ethic'nya, 'standard'nya, 'professionalism'nya tidak cukup dan bolehkah kementerian kita hantarlah pakar-pakar kita ataupun pegawai-pegawai kita menyaksikan misalnya di Switzerland, macam mana mereka uruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, Sipitang? Di Sipitang itu, pencemaran sangat, *pollution*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak beri atau tidak mahu?

Dr. Tan Seng Giaw: Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini Yang Berhormat bagi Kepong bercakap banyak – mengarahkan kerajaan membuat itu dan ini. Kalau boleh, minta penjelasan. Apakah pembangkang sudah buat untuk menarik banyak pelancong ke negara ini termasuk yang rancangan khas oleh DAP.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, memang soalan daripada Sipitang. Memang dia, patut soalan itu tumpu kepada pencemaran di kawasan dia. Pencemaran itu menjejaskan pelancongan di kawasan itu. Tuan Pengerusi..... [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah cukup? Dia ganggu injury time. Kita mesti adakan time mengenai MATA.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: MATA – Malaysian Association Travel Agent.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak buat cadangan yang bernas supaya pihak kementerian mengambil perhatian dan memastikan semua tour agent itu adalah mencapai satu tahap, satu standard yang tinggi, dengan etika yang tinggi. Itu memang baik. Kita hantar pegawai-pegawai kita, orang-orang kita ke Switzerland, ke Sweden pun, ke Austria. Kita nampak ejen mereka memang mempunyai tahap yang tinggi. Mengapa kita tidak boleh?

Sehingga di Langkawi - Langkawi sebagai destinasi pelancongan. Dia bukan bermula sekarang. Bermula sebelum Perang Dunia Kedua pun, orang pergi ke Langkawi dah [*Ketawa*] Cuma..... [*Disampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, cukuplah.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw: Dia dengar. Nampaknya mereka berminat sangat dengan apa yang saya akan cakap mengenai Langkawi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup? Ha, saya gulunglah sedikit. *[Disampuk]* Nak gulung sedikit. *[Ketawa]* Mengenai Langkawi dan saya pun pernah mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita bandingkan Phuket dengan Langkawi. Kedua-dua pulau ini pun bermula pelancongan hampir sama. Kalau tidak silap, mungkin Phuket lebih awal sedikit. Tetapi tengok keadaan, walaupun beberapa tahun ini, Langkawi membangun dengan pesat tetapi dari segi pakej pelancongan, dari segi penyelenggaraan destinasi-destinasi, hotel dan sebagainya, kita nampak kalau berbanding dengan Phuket sahaja, kita kalah.

Apakah sebabnya kita tidak boleh tanding dengan orang? Bukan Malaysia tidak boleh. Kita mesti boleh termasuk Menteri

Dato' Haji Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ini Menteri berminat sekarang. *[Ketawa]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, minta izin, Tuan Pengerusi. Hendak tanya Yang Berhormat, penjelasan. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa populariti Phuket itu adalah oleh kerana ada satu produk khusus yang kita di Malaysia tidak menggalakkan. Sama ada yang ini Yang Berhormat mencadangkan supaya kita gunakan di sini (produk yang sama) untuk mewujudkan, mempertingkatkan pelancongan kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bukan semestinya faktor itu sahaja. Padang Besar pun macam itu juga. Di Padang Besar itu kerana kemudahan-kemudahan tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw: Orang tidak berminat pergi ke Padang Besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa

Dr. Tan Seng Giaw: Itu masalah kita. Kalau kita sediakan kemudahan-kemudahan yang cukup, memang ada orang berminat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa memang tidak....

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup dah? Terima kasihlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Padang Besar....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Padang Besar berminat. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lain kali lanjutkan. Timbalan Menteri minta jawab.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Tuan Pengerusi, izin 5 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Saya harap Yang Berhormat fahamlah. Timbalan Menteri.

5.23 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Pengerusi, sebelum saya berucap, saya hendak tanya ada berapa banyak masa dibagi kepada saya untuk hari ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jawab soalan yang dikemukakan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Sampai habis? Okay. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina dalam perbahasan ke atas Belanjawan 2000 yang menyentuh mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Jadi, di sini Yang Berhormat bagi.... Yang Berhormat Dato' Yap Pian Hon...

Beberapa Ahli: Serdang, Serdang.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Serdang. Memang kita semua bersetuju dan mengiktiraf Kapitan Yap Ah Loy – sumbangan dia kepada pembangunan Malaysia. Jadi, di Istana Budaya, dalam tahun ini, kita akan ada Ethik Sejarah Malaysia dan sumbangan Kapitan Yap Ah Loy akan ada di dalam etik itu. Yang kedua, berkaitan dengan Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy, kementerian saya akan pertimbang dan ambil perhatian di atas perkara ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan yang membangkitkan berkaitan dengan pelancongan kembali, *repeat visitors*, dengan izin. Memang itulah satu perkara yang kita hendak meninggikan. Tetapi kita semua tahu jikalau kita boleh satu kali menarik pelancong datang ke Malaysia, mereka akan selalu balik. Khasnya berkaitan dengan *eco-tourism*. Ramai pelancong yang datang untuk *scuba diving*, dengan izin, *untuk rain forest* selalu balik sebab memang alam semulajadi Malaysia yang begitu menarik hati.

Dan juga berkaitan dengan *packaging*. Di sini saya hendak menjawab berkaitan *packaging* bersama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat lain-lain kawasan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan boleh buat promosikan. Kita buat buka pasaran kepada sesuatu produk tetapi *packaging* itu mesti dibuat daripada *initiative*, dengan izin dan bekerjasama di sesuatu tempat. Misalnya, Lumut, Teluk Intan. Jika lau di tempat itu adalah gerai-gerai makanan yang ternama atau produk-produk yang orang tidak tahu, jadi agensi-agensi pelancongan dengan *Member of Parliament*, dengan Majlis-Majlis Daerah bersama duduk dan *package* produk itu. Jadi, kita baru boleh buat pasaran untuk *pacakging* itu.

Macam dua minggu dulu, saya ada di Berlin, di situ ada satu pameran pelancongan yang terbesar di dunia. Yang ada 173 negara yang ambil bahagian dan kita pun ambil bahagian. Dalam 5 hari itu, jumlah 60,000 *buyers of tourism*, dengan izin, datang buat lawatan. Di kita punya *booth*, kita dapat 15,000. Jikalau tidak buat *package* sendiri, kita di kementerian tidak boleh buat *package* kepada sesuatu tempat. Jadi, saya haraplah mana-mana Yang Berhormat ada minta itu, bincang dengan agensi-agensi pelancongan di tempat-tempat sendiri dan keluarkan satu *packaging* yang berdaya saing.

Jadi, pada jawapan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, memang orang datang dari Jepun untuk melancong di Malaysia ialah nombor ketiga. Yang pertama Singaporeans, yang kedua Thai dan yang ketiga, Jepun. Pada tahun 1998, sejumlah 241,000 orang Jepun melawat Malaysia dan pada tahun 1999, jumlah 280,000. Maknanya adalah naik 16%. Jadi, di Jepun kita pun buat promosi yang sangat-sangat hebat. Di Jepun, jumlah ya ng kita buat untuk pengiklanan, jumlah ringgit ialah RM3 juta dan untuk program promosikan di Jepun untuk melawat Malaysia, dekat RM5.3 bilion.

Lagipun, kita ada buat lawatan sambil belajar, *hospitality programme*, dengan izin, setiap bulan kepada dekat 30 Japanese agency, wartawan datang melawat Malaysia dan balik menulis berkaitan pelancongan di Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak lagi ke?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ya, banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh habis dalam 15 minit. Bolehkah?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tidak boleh. Begitu banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Esok sambung.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S (Bakri)
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Saang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)

- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN***Setiausaha Dewan Rakyat***Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan****Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat
 Mashitah binti Kamaruddin
 Abu Bakar bin Hasan
 Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
 Haji Latif bin Ismail
 Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II	Bil. 23	Isnin	27 Mac 2000
-----------------	----------------	--------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 23)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2000 <i>Jawatankuasa:</i> <i>Jadual –</i>	
Maksud B.20	(Halaman 24)
Maksud B.21	(Halaman 46)
Maksud B.22, B.23 dan B.24	(Halaman 85)
USUL Anggaran Pembangunan 2000 <i>Jawatankuasa:</i>	
Maksud P.20	(Halaman 24)

Maksud P.21

(Halaman 46)

Maksud P.22, P.23 dan P.24

(Halaman 85)